

**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEDUABELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 5**

**Isnin**

**2 Jun 2008**

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)
- Urusan Mesyuarat (Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 2)

**USUL:**

- Menjunjung Kasih Titah Ucapan  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong  
- *Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin*

(Halaman 31)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
4. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
5. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi*
6. “ Datuk Amirsham A. Aziz (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
7. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
10. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
11. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
12. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
13. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
14. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
15. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
16. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
17. “ Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
18. “ Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
19. “ Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin (Dilantik)
20. “ Dato' Kamarudin bin Ambok (Dilantik)
21. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
22. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
23. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
24. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
25. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
26. “ Tuan Maijol bin Mahap (Sabah)
27. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
28. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar*
29. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
30. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)

31. Yang Berhormat Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)  
– *Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah*
32. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
33. “ Tuan Murugiah a/l Thopasamy (Dilantik)  
– *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
34. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
35. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
36. “ Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)
37. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
38. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
39. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
40. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
41. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
42. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
43. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
44. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
45. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
46. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
47. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik)
48. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
49. “ Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zabidin (Pahang)
50. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
51. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
52. “ Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
53. “ Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)  
– *Timbalan Menteri Dalam Negeri*
54. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor (Dilantik)
55. “ Dato' Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
56. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
57. “ Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)
58. “ Dato' Yip Kum Fook (Selangor)
59. “ Datuk Zaid bin Ibrahim (Dilantik)  
– *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
60. “ Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf (Kedah)

**DEWAN NEGARA**

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Ikmalrudin bin Ishak

**PETUGAS-PETUGAS**

**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Haji Amran

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri

Nur Hidayah binti Janudin

Nooruanizam binti Nasir

Siti Khadijah binti Md Nor

Hafizah binti Abu Samah

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 2 Jun 2008**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**  
**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“29 Mei 2008

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007);
2. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2008; dan
3. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2008.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

## URUSAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah, saya benarkan.

### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

*[Soalan No.1 - Y.B. Prof Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh tidak hadir]*

**2. Tuan Chiw Tiang Chai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sama ada pihak kementerian sedar bahawa hukuman buang daerah ke atas penjenayah tidak lagi sesuai dikuatkuasakan pada masa sekarang kerana dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang sedia ada, penjenayah, mempunyai banyak peluang untuk kembali melakukan jenayah di tempat lain.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Chiw Tiang Chai yang mengemukakan soalan pada pagi ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini tindakan perintah sekatan ataupun buang daerah di bawah undang-undang pencegahan merupakan satu kaedah pencegahan dan pemulihan terhadap individu terbabit dan ia bukannya satu bentuk hukuman.

Secara umumnya tindakan perintah sekatan di bawah undang-undang pencegahan adalah bertujuan mengawal selia pergerakan ataupun aktiviti individu terbabit bagi tujuan mencegahnya daripada meneruskan sebarang aktiviti ataupun kegiatan yang pernah dilakukan yang bertentangan dengan undang-undang. Pihak kementerian sedia maklum bahawa kemajuan teknologi membolehkan individu yang dikenakan perintah sekatan berhubung dengan rakan sejenayahnya ataupun rakan sindiketnya. Namun demikian orang sekatan masih tidak boleh bebas bergerak ataupun melakukan kegiatan jenayah yang pernah dilakukan secara fizikal kerana pihak Polis Diraja Malaysia menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa bagi tujuan memastikan orang sekatan mematuhi syarat-syarat perintah yang telah pun ditetapkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Tuan Chiw Tiang Chai silakan kemudian Dato' Hajah Saripah Aminah dan selepas itu Tuan Maijol Mahap.

**Tuan Chih Tiang Chai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya rakyat sudah bosan berhubung dengan tuduhan polis gagal mengemukakan bukti yang cukup dan tidak menyiasat dengan betul penjenayah-penjenayah serta tidak mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP). Dalam menjalankan siasatan khususnya berkaitan penjenayah-penjenayah berat ini mengakibatkan kes yang dibawa ke mahkamah adalah lemah dan akan menyebabkan pendakwa raya gagal menangani sesuatu kes.

Soalan tambahan saya, adalah menjadi tanggungjawab polis untuk memastikan anggotanya bertugas memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat. Oleh yang demikian apakah program-program latihan terutama latihan penyiasatan yang diatur untuk menambahkan kecekapan pegawai-pegawai ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan terlalu umum, Yang Berhormat boleh menjawab dalam konteks pertanyaan asal.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat iaitu Polis Diraja Malaysia sentiasa berusaha untuk menambahbaikkan lagi kerja-kerja siasatan jenayah, siasatan-siasatan terhadap penjenayah-penjenayah di negara ini. Oleh yang demikian kita sentiasa mempunyai matlamat seperti apa yang saya katakan tadi dan kita haraplah dengan suatu proses di mana kita dapat melatih pegawai-pegawai yang lebih cerdik pandai dari segi menjalankan siasatan, kita akan berjaya menangani masalah penjenayah di negara ini. Sekian. Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Saripah Aminah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Silakan Dato' Hajah Saripah Aminah.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada pihak kementerian. Di dalam rekod kini sila nyatakan jumlah penjenayah yang sedang menjalani hukuman buang daerah dan tidakkah kerajaan berhasrat untuk menggantikan hukuman buang daerah ini dengan hukuman kerja sosial yang dilihat lebih memberi faedah dan pengajaran. Terima kasih.

■1010

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia, setakat hari ini terdapat 3,493 orang yang telah pun dikenakan sekatan ataupun buang daerah di seluruh negara. Buat masa ini kita tidak mempunyai program untuk orang-orang yang disekat ini menjalani kerja-kerja sosial di tempat-tempat yang dibuang daerah. Walau bagaimanapun, ini adalah satu cadangan yang baik, tetapi sebelum cadangan ini direalisasikan, kita harus memastikan supaya kita mempunyai pegawai yang mencukupi untuk mengawasi kerja-kerja sosial yang akan dirancang

supaya orang-orang yang kena sekat ini boleh mengambil bahagian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertanyaan tambahan, Senator dari Sabah, Tuan Maijol Mahap.

**Tuan Maijol bin Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di masa yang lalu, hukuman buang daerah ini di *invoke* dengan izin, atau diguna pakai terhadap pemain-pemain bola sepak yang dikaitkan dengan rasuah bola sepak, tetapi hukuman seperti ini jarang di *invoke* kan atau diguna pakai oleh kerajaan. Ia hanya dipakai apabila kerajaan rasa tidak mempunyai bukti yang kukuh terhadap seseorang pesalah. Adakah benar bahawa kerajaan akan hanya menggunakan ini sebagai satu alternatif lain setelah ia gagal membuktikan sesuatu kesalahan itu di bawah akta yang lain seperti Akta Mencegah Rasuah dan sebagainya? Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, melalui Polis Diraja Malaysia kita memang lebih sukar. Pendirian Polis Diraja Malaysia ialah jika melalui hasil siasatan yang ada, kita akan mendakwa seseorang penjenayah ke muka pengadilan iaitu maksudnya di mahkamah. Ini juga termasuk kes-kes *football* di mana rasuah sering berlaku. Akan tetapi kadangkala kita kekurangan bukti yang maksudnya bila kita bawa seseorang ke mahkamah dan kita tidak pasti akan berjaya supaya penjenayah itu boleh dijatuhi hukuman.

Oleh yang demikian terdapat begitu banyak masalah dari segi bukti sebab mahkamah memang memerlukan bukti yang mencukupi. Oleh yang demikian, kita haruslah mengguna dan menerima pakai akta-akta sedia ada, di mana langkah-langkah pencegahan yang lain dapat diambil terhadap penjenayah-penjenayah walaupun tidak terbukti di mahkamah di bawah hukuman buang daerah ini. Sekian.

**3. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Perdana Menteri menyatakan, kenapakah tanah rizab masjid dan rizab Institut Profesional Baitulmal (IPB) milik MAIWP dibenarkan untuk dibangunkan projek pembangunan komersial dan pembangunan bercampur yang akhirnya menjadi tempat minum arak, perjudian dan maksiat seperti di Sri Hartamas dan Bukit Damansara. Tidakkah MAIWP terfikir 20 tahun lagi perlu dibina masjid dan institut pendidikan agama di tapak tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, projek pembangunan komersial dan pembangunan bercampur telah dibenarkan untuk dibangunkan di atas beberapa tanah rizab masjid atas alasan sudah ada masjid-masjid yang berhampiran dengan tapak rizab masjid tersebut. Keperluan untuk mendirikan masjid baru adalah tidak diperlukan buat masa kini dan masjid-masjid berhampiran boleh menampung keperluan untuk tempoh yang lama.

Begitu juga pembangunan tanah rizab masjid ini dijangkakan akan dapat memberikan faedah dan manfaat kepada MAIWP dan masjid dari segi nilai tanah komersial serta pulangan yang tinggi kepada MAIWP. Pihak MAIWP akan sentiasa memantau kegiatan dan aktiviti yang akan dijalankan di projek pembangunan yang bakal dibangunkan, agar ianya tidak melanggar kehendak syarak. MAIWP sedar dalam masa akan datang, mungkin akan timbul keperluan untuk dibina masjid dan institusi pendidikan agama di tapak tersebut.

Oleh yang demikian, dalam hal ini MAIWP akan memastikan sebuah surau yang mampu memuatkan jemaah sehingga 1,000 orang dibina di atas tanah-tanah rizab yang dibangunkan dengan projek komersial dan bercampur. Surau tersebut akan dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan. Justeru sekiranya pada masa akan datang, timbul keperluan untuk dibina masjid di kawasan tanah rizab tersebut, surau tersebut akan dinaik taraf untuk menjadi sebuah masjid. Terima kasih.

**Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jika alasan tanah rizab yang berkenaan berkaitan dengan Masjid Wilayah Persekutuan, kenapa kita masih membenarkan mendirikan Masjid Bukit Aman sedangkan ianya di belakang Masjid Negara dan juga cadangan untuk membina Masjid Brickfields yang hampir dengan Masjid Negara? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat. Saya yakin Yang Berhormat juga sedia maklum kerana Yang Berhormat pernah menjadi ahli majlis kepada MAIWP pada satu ketika dulu. Jadi kalau dilihat kepada alasan tadi mungkin satu masjid sahaja berbeza dengan kawasan yang disebut tadi kita ada lima masjid yang berhampiran. Terdapat empat buah masjid dan empat buah surau.

Empat buah masjid ini ialah Masjid Jamil Ihsan di Jalan Pahang, Masjid Salahudin Al-Aiyubi di Taman Melati, Masjid Abu Ubaidah di Taman Seri Rampai, Masjid Usamah bin Zaid di Bandar Baru Wangsa Maju dan juga empat surau lain iaitu di Kem Wardieburn, Al-Muhajirin, Titiwangsa dan Islahiah. Jadi berbeza dengan lokasi yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, kita dapati ianya tidak sesuai.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, berkenaan dengan niat orang yang mewakafkan tanah. Apakah tindakan kerajaan secara proaktifnya untuk mengemas kini dan menyeragamkan undang-undang di seluruh negara bagi menambahkan nilai komersial kepada tanah-tanah wakaf di seluruh negara? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Soalan ini sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak berkaitan dengan apa yang ditanya di sini. Walau bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan sentiasa meneliti tanah-tanah wakaf tersebut. Bahkan

dalam projek yang berkenaan ini untuk makluman Yang Berhormat, baru sahaja pada 20 April 2008 yang lalu, DBKL telah memaklumkan supaya semua permohonan ini yang dipohon oleh MAIWP ditangguhkan dahulu untuk kita kaji semula, kerana kita sangat prihatin seperti mana Yang Berhormat sebut tadi supaya orang yang mewakafkan tadi sampai niat apa yang hendak dilaksanakan. Terima kasih.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu sama ada dengan penubuhan Yayasan Wakaf Malaysia, adakah akan wujud pertindihan tugas ataupun kuasa di antara majlis agama Islam negeri dan juga yayasan ini dalam pembangunan tanah wakaf untuk faedah dan kesejahteraan seluruh umat Islam? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, apa yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri ini tidak boleh kita campur tangan, dan saya tidak lihat bahawa sebarang penubuhan yayasan ataupun mana-mana NGO tadi akan membantutkan masalah tanah wakaf di Malaysia, sebaliknya ia bertanggungjawab untuk bantu di antara satu sama lain. Terima kasih.

**4. Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, tidakkah kementerian bercadang untuk mengkaji semula semua filem dan program-program TV berbayar yang ditayangkan kepada umum, hendaklah mendapat kelulusan daripada Lembaga Penapisan Filem (LPF) terlebih dahulu, termasuk filem-filem yang hendak ditayangkan di luar negara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat, Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin yang mengemukakan pertanyaan pada pagi ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri tidak bertanggungjawab tentang dasar penyiaran yang dilaksanakan oleh TV berbayar yang terdapat di negara ini. Berkenaan dengan penayangan filem-filem di luar negara, kementerian ini menerusi Lembaga Penapis Filem hanya bertanggungjawab untuk menapis filem-filem yang hendak ditayangkan kepada umum di negara ini sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** erima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri yang menjawab soalan. Seperti mana yang kita semua sedia maklum, program-program yang ditayangkan di stesen TV kerajaan pun ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem, jadi seolah-olah kita mengamalkan satu sistem *double standard*, dengan izin, ada pula stesen TV yang tidak payah melalui Lembaga Penapisan Filem.

Soalan saya ialah sementara kita menanti kajian yang dibuat, tidakkah kerajaan bercadang untuk menghantar beberapa orang Ahli Lembaga Penapisan Filem untuk

berada di stesen TV berbayar ini, supaya meninjau program-program yang ditayangkan tidak bertentangan dengan dasar-dasar kerajaan dan juga memantau program-program yang ada bertentangan dengan nilai-nilai budaya untuk membendung kejadian-kejadian yang tidak diinginkan, menjadi ikutan muda-mudi kita dalam program-program yang ditayangkan? Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Walaupun demikian, ASTRO katanya dalam negara kita terdapat hanya satu jenis sahaja TV berbayar iaitu ASTRO. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah pun membuat keputusan pada tahun 80-an, ASTRO diberikan hak untuk membuat penapisan sendiri.

■1020

Walaupun demikian, segala garis panduan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan iaitu dari segi aspek ideologi dan politik, aspek keagamaan, aspek sosiobudaya dan juga aspek ketertiban dan ketatasusilaan yang ditetapkan oleh kerajaan diberikan kepada ASTRO. Ini supaya akan menjadi garis panduan sebelum mereka menayangkan filem-filem kepada umum maka mereka haruslah menepati semua garis panduan yang diberikan kepada mereka ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Ini dia hendak supaya kuasa-kuasa lembaga filem diperluaskan supaya termasuk apa yang ditayangkan dalam televisyen sekalipun.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi televisyen kita ini memang tidak ada masalah. Cuma, Yang Berhormat memang dia sedikit mempunyai kekhuatiran bahawa TV berbayar yang menayangkan filem-filem yang kadang-kadang tidak mengikut garis panduan kita dan akan meruntuhkan akhlak di kalangan pemuda-pemudi negara kita ini.

Walaupun demikian, saya percaya TV berbayar ini sebenarnya di bawah kawalan Kementerian Tenaga Air dan Telekomunikasi, KTAK. Maka, mereka ini akan menjalankan tugas-tugas mereka jugalah. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Datuk Soon.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan tentang garis panduan. Apakah garis panduan yang sebenarnya diguna pakai oleh Lembaga Penapis Filem untuk menapis filem yang mengandungi unsur-unsur negatif dan mudarat serta mampu menyumbang kepada kebejatan sosial ini. Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita sebut tentang garis panduan ini memang banyak tetapi kalau kita petik dari segi aspek sosiobudaya ini, segala filem-filem yang akan ditayangkan di negara ini memang kena menepati garis panduan di bawah sosiobudaya seperti tidak merosak, membahayakan

norma kesopanan dan nilai murni masyarakat kita, tidak mengandungi ejekan yang boleh menimbulkan kekeliruan terhadap adat resam yang diamalkan di negara kita sebagai masyarakat majmuk, dan tidak boleh merosakkan akhlak dan budi pekerti masyarakat Malaysia dan lain-lain lagi.

Memang cukup panjanglah Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah beberapa yang saya ingin beritahu Dewan yang mulia ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad

**5. Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, bagaimana Kementerian memastikan sesuatu projek pembangunan itu diselia dengan rapi oleh pegawai kementerian dalam memastikan tidak berlaku sebarang penyelewengan oleh pihak kontraktor yang boleh membawa kepada kerosakan atau tidak mematuhi standard bagi sesebuah projek.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]:** Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Penyeliaan ke atas projek yang dilaksanakan oleh kementerian ini adalah sentiasa dibuat dengan rapi bagi memastikan segala kehendak yang terdapat dalam kontrak dipatuhi sepenuhnya.

Pegawai JKR sebagai pegawai penguasa atau selalu dikenali SO, dikehendaki mematuhi prosedur pembinaan dan penyeliaan tapak bina yang ditetapkan dalam sistem pengurusan kualiti JKR MS ISO 9001/2000.

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan kontraktor mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan supaya dapat menghasilkan produk berkualiti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui tahun ini kementerian ini juga telah membuat beberapa pembaikan seperti berikut:

- (i) tarif perakuan siap kerja dinyatakan dengan jelas untuk membantu pegawai penguat kuasa dalam mentadbir pengurusan kontrak dengan lebih berkesan. Perakuan siap kerja hanya akan dikeluarkan apabila kontraktor menyiapkan kerja sejajar dengan peruntukan kontrak;
- (ii) satu peruntukan telah diwujudkan bagi membolehkan pekerja menamatkan kontrak kerja apabila didapati kontraktor terlibat dalam kegiatan rasuah; dan
- (iii) di dalam kontrak reka dan bina, pihak kontraktor berserta dengan perundingnya perlu mengemukakan laporan penguasaan kepada kerja bagi memastikan kerja-kerja dilaksanakan di tapak bina sebelum bayaran dibuat oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kementerian juga memantau ke atas pelaksanaan projek untuk memastikan ianya disiapkan mengikut jadual dan mengikut skop projek yang dikehendaki; melalui laporan kemajuan bulanan yang dihantar oleh JKR dan melalui laporan lawatan peperiksaan dan pemantauan ke tapak-tapak projek dari semasa ke semasa. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sangka Hajah Wan Ramlah tadi. Datuk Hajah Samsiah kemudian Tuan Tuan Lee Chee Keong kemudian Puan Heng Seai Kei.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah kementerian tidak bercadang untuk menubuhkan satu badan khas seperti Lembaga Penyelia Pembangunan Kerajaan bagi memastikan pemantauan sentiasa dilakukan dan semua pembangunan dapat berjalan dengan baik dan mematuhi piawaian yang telah ditentukan. Terima kasih.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang ada tingkat, tahap di mana kita menubuhkan beberapa jawatankuasa khusus untuk pemantauan projek-projek. Tidak perlu kita ada satu badan khas lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Kita ada tiga forum mesyuarat pemantauan projek:

- (i) Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Permohonan Kementerian yang diadakan sekali dalam sebulan dan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan Kementerian;
- (ii) Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pemantauan Pelaksanaan Projek RMK-9 yang diadakan setiap dua minggu dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian; dan
- (iii) Mesyuarat Khas Projek-Projek Sakit yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu saya. Saya jadi doktor projeklah. Yang ada projek-projek sakit. Kita ada mesyuarat khas untuk projek sakit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tuan Lee Chee Keong.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini melalui media cetak dan media elektronik, kita nampak berpuluh bangunan sekolah di kawasan gempa bumi China, Sichuan itu runtuh kerana semata-mata sub standard atau tidak mematuhi standard. Projek-projek begini, bangunan sekolah begini kita panggil projek tauhu. Selembut tauhu yang kita makan.

Jadi, soalan saya apakah langkah-langkah keselamatan pro-aktif oleh kementerian kita untuk menjamin khasnya bangunan-bangunan sekolah untuk menghadapi sekiranya berlaku bencana alam. Untuk keselamatan anak-anak kita. Terima kasih.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya, apa yang kita buat di Malaysia memang ada spesifikasi yang kita gunakan, standard digunakan dan pemantauan kita buat. Mungkin tidak jadi.

Pertamanya, negara kita tidak dalam satu keadaan di mana gempa bumi akan terjadi. Sedikit-sedikit adalah, *tail wind* ada, tetapi yang sangat penting, kita sentiasa mengawasi pembangunan jangan jadi tauhu. Yang buat saya tahu ia banyak komen di mana gempa bumi di Sichuan itu ramai kanak-kanak sekolah. Oleh kerana bangunan sekolah ini tidak seperti yang kita buat. Di sini kuat dan teguh. Saya memberi jaminan di sini kita sentiasa mengawasi bangunan-bangunan yang ada di Malaysia adalah di bawah piawaian standard yang kita ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Heng Seai Kei.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah setakat tahun 2007, berapakah kerugian yang telah ditanggung negara akibat ketidakpatuhan kualiti projek pembangunan dan apakah tindakan yang telah dikenakan ke atas kontraktor-kontraktor yang terbabit. Sekian.

■ 1030

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan yang sangat spesifik. Jumlah ini saya tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat perlukan notis?

**Dato' Yong Khoon Seng:** Saya perlukan notis. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam.

**6. Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah rancangan kerajaan untuk memudahkan urusan rakyat dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial dengan:

- (a) memperbaiki kaedah pembayaran kerana pencarum lambat menerima pemberian faedah; dan
- (b) mengambil tindakan terhadap majikan-majikan yang tidak melaporkan atau lambat melaporkan kejadian kemalangan pekerja serta meningkatkan elaun faedah (pencen ilat/penakat) sejajar dengan kenaikan harga barangan.

**Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berdasarkan piagam pelanggan ke atas semua bayaran faedah PERKESO, adalah jelas pembayaran kepada penerima faedah berada pada tahap yang memuaskan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pencapaian pemprosesan kesemua bayaran faedah skim PERKESO berdasarkan piagam pelanggan telah

mencapai tahap melebihi 95% iaitu antara tiga hari sampai sembilan hari berikutan tuntutan yang dibuat.

Ada keadaan di mana ada kelewatan di dalam pemprosesan dan keadaan ini berlaku kerana sebab-sebab kegagalan orang berinsurans mengemukakan dokumen yang lengkap semasa membuat permohonan atau majikan tidak memberi kerjasama sama ada tidak melaporkan kemalangan atau gagal mengemukakan dokumen tambahan seperti yang dipohon oleh pihak PERKESO, kelewatan memperoleh laporan perubatan atau cuti sakit dan seterusnya lewat dikemukakan kepada pejabat PERKESO dan kegagalan mengemukakan peta lakar atau laporan polis semasa membuat tuntutan terutamanya skim faedah bencana kerja.

So, inilah sebab-sebab mengapa di dalam satu-satu kes tuntutan diproses secara lewat.

Untuk menjawab bahagian,

- (b) Tuan Yang di-Pertua, PERKESO tidak akan berkompromi terhadap majikan ingkar yang mengabaikan tanggungjawab untuk melaporkan kemalangan industri yang menimpa ke atas pekerja mereka. Tindakan pengkompaunan sejumlah RM1,000 akan diambil kepada majikan yang gagal atau lewat melaporkan kemalangan dalam tempoh yang ditetapkan selaras dengan akta manakala kepada majikan yang mungkir atau enggan menyampaikan laporan kemalangan yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan, tindakan pendakwaan akan diambil selaras dengan peruntukan dan mereka boleh dihukum denda sebanyak RM10,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Di samping itu kerajaan juga sentiasa memantau dan memastikan pembayaran faedah kepada penerima adalah sejajar dengan kenaikan harga barangan dan untuk itu pada setiap lima tahun, pihak PERKESO akan membuat kajian aktuari untuk mengetahui akan kesan kenaikan harga barangan di samping turut juga memantau akan kemampuan dana PERKESO bagi memastikan pelaksanaan program-program keselamatan sosial di negara ini dapat diurus dan berjalan dengan lancar.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk menghantar penyata tahunan caruman PERKESO kepada pekerja-pekerja secara fizikal dan yang kedua, sejauh manakah pelantikan kaunselor di kaunter-kaunter PERKESO membantu kerajaan mengatasi masalah pencaerum lambat menerima faedah. Terima kasih.

**Datuk Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Yang Berhormat. Baru-baru ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya baru balik daripada Mesyuarat *Post Cabinet* di dalam kementerian saya di mana saya telah mengarahkan pejabat PERKESO untuk hantar laporan kepada majikan dan pekerja tapi mereka kena kaji sistem mereka dan memperbaiki sistem itu sebelum majikan akan diberi seperti KWSP, satu laporan tentang bayaran yang dibuat oleh majikan dan oleh pekerja sendiri.

Tentang jawapan untuk bahagian kedua soalan Yang Berhormat, saya telah mengarahkan tiap-tiap pejabat PERKESO supaya mengadakan kaunselor kerana semasa seorang pekerja membuat tuntutan, kadang-kadang mereka tidak memahami apa hak mereka, apa yang mereka boleh dapat dan apa yang mereka tidak boleh dapat. Oleh itu dengan persefahaman ini, kalau kaunselor boleh memberi mereka pengetahuan tentang kelayakan mereka dan mereka boleh memohon tentang tuntutan yang ada kemungkinan besar mereka boleh dapat. Ini akan memendekkan lagi proses tempoh masa pemprosesan dan mereka akan lebih kemungkinan untuk mereka mendapat faedah daripada PERKESO. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan Negara mengambil maklum terhadap dua arahan menteri. Kita tengok.., lahir atau tidak... [*Tepuk*] Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Khoo Soo Seang.

**7. Tuan Khoo Soo Seang** minta Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, sama ada beliau sedar bahawa *24 seasons drum* sebenarnya adalah ciptaan warga negara Malaysia dan adakah kerajaan akan menerimanya sebagai sebahagian kebudayaan Malaysia.

**Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk memperkembangkan seni muzik sebagai satu industri, semua pihak harus digembleng bagi menjayakan usaha tersebut. Muzik merupakan elemen hiburan sosial yang luas dan mampu mempengaruhi minda dan emosi masyarakat. Dengan ini muzik hendaklah dieksploitasi secara positif sepenuhnya. Dalam masyarakat majmuk di mana seni

merupakan elemen yang boleh merapatkan jalinan silaturahim, muzik telah merentas batasan perkauman, status dan kebudayaan yang unik.

Muzik Nusantara adalah jalinan dan tautan pelbagai bentuk irama muzik. Menyedari hakikat ini, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah memberi peluang kepada perkembangan kebudayaan yang lain seperti gendang 24 musim iaitu *24 seasons drum* dengan izin, sebagai budaya Malaysia. Ini adalah selaras dengan prinsip kedua Dasar Kebudayaan Kebangsaan iaitu kebudayaan asal rantau ini yang sesuai dan wajar, boleh diterima sebagai kebudayaan Malaysia. Ia juga tidak bertentangan dengan dasar dan strategi perkembangan industri muzik Malaysia.

Kementerian menyedari bahawa gubahan muzik gendang 24 musim adalah merupakan ciptaan anak seni tempatan dan kumpulan ini juga dianggotai oleh rakyat Malaysia. Pihak kementerian juga sering menggunakan gubahan muzik gendang 24 musim ini dalam pelbagai program dan aktiviti kementerian sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Di peringkat kebangsaan, persembahan gendang ini telah diadakan sempena sambutan kemerdekaan negara dan juga sempena meraikan pertabalan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Selain daripada itu, ia juga dijemput dalam menjayakan aktiviti-aktiviti kementerian seperti program merayakan Seni Budaya, Festival Gendang Malaysia dan Festival Gendang Nusantara 2008.

Atas sokongan kementerian juga, kumpulan ini telah dihantar ke festival muzik antarabangsa di Belanda dan Belgium. Selain gendang 24 musim, kementerian juga memberi peluang kepada kesenian kaum-kaum lain yang terdapat di Malaysia untuk memperkembangkan aktiviti masing-masing. Sebagai contoh muzik tradisional masyarakat India seperti tabla dan sitar, Siam seperti gendang panjang dan juga kaum etnik di Sabah dan Sarawak seperti muzik sape, bagi kaum Orang Ulu, sompoton bagi kaum Kadazan dan lain-lain. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Khoo Soo Seang, Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam dan Dato' Lee Sing Chooi.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah bentuk pengiktirafan atau pengakuan rasmi yang akan diberikan kepada individu atau pun kumpulan yang telah mencipta gendang 24 musim dan tarian singa atas tiang yang memang betul-betul berasal daripada negara kita dan telah mengharumkan nama negara kita. Sekian terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Kita mempunyai beberapa pendekatan dalam usaha kita untuk mengiktiraf muzik-muzik yang dipersembahkan dan diperkembangkan oleh masyarakat tempatan. Pendekatan yang pertama kita gunakan iaitu sebahagiannya seperti yang saya sebutkan dalam jawapan tadi. Kita akan gunakan

dalam persembahan-persembahan rasmi seperti pertabalan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan juga acara-acara rasmi kebangsaan.

Di samping itu kita akan memberi anugerah pengiktirafan kepada pihak-pihak generasi muda khususnya di mana mereka terlibat dalam kegiatan-kegiatan ini dan bukan hanya anugerah berbentuk kewangan, dorongan, sijil pengiktirafan kepada mereka yang terlibat secara langsung dalam perkembangan seni ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam.

**Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri. Memandangkan bahawa orkes gendang berbilang kaum bergabung ataupun *Malaysian Multi Cultural Percussion Orchestral Presentation* dengan izin dianggap dan diterima sebagai sesuatu persembahan yang sungguh menarik, adakah orkes tersebut dipromosikan persembahan-persembahan kebudayaan di luar negara. Terima kasih.

■1040

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Vijayarajam a/l S. Seevarajam. Seperti yang saya katakan Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya tadi memang kita akan membawa kumpulan-kumpulan ini dan kita pun telah mewujudkan satu barisan pemuzik-pemuzik yang datangnya daripada berbagai kaum dan kita persembahkan dalam sambutan Hari Seniman baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, kita juga persembahkan pada peringkat awalnya, agak berlainan rentak dia dan selepas itu kita cantumkan. Bila dicantumkan muzik walaupun gendangnya lain, kulintangnya lain ataupun tambulnya lain daripada kaum-kaum yang lain. Semprotannya lain tapi apabila irama dan lagunya selari dan serentak ianya amat sedap didengar oleh masyarakat yang mendengarnya.

Maka dengan itu, kita bukan hanya memperkembangkannya di peringkat negara bahkan kita juga akan bawa, insya-Allah pada bulan Julai ini untuk maklumat Dewan yang mulia saya akan bawa satu persembahan kebudayaan ke Eropah iaitu untuk memperkembangkan luas dan kita yakin ianya mempunyai pasaran.

Selama ini banyak muzik yang dikuasai, didominasi dengan izin oleh pihak-pihak masyarakat seperti syarikat Eropah. Saya ingat sudah sampai ketikanya Tuan Yang di-Pertua kalau boleh kita juga hendak mengambil peluang ruang lingkup pasarannya yang begitu luas untuk mendendangkan bukan hanya sedap didengar oleh telinga tetapi untuk mengambil kesempatan dari segi market *exploitation*, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua, kita akan bawa insya-Allah.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang datang menjawab. Selama ini NGO-NGO tempatan telah memainkan peranan yang amat penting dalam memperluaskan dan juga

memperkayakan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan juga kesenian. Namun mereka sentiasa menghadapi masalah kewangan yang menyingkatkan penyumbangan mereka kepada masyarakat dan juga menyekat peluang-peluang untuk belia menceburi aktiviti-aktiviti yang lebih sihat.

Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya, apakah bentuk-bentuk bantuan dan juga peruntukan yang diberi dan akan diberi kepada NGO-NGO ini, termasuk juga NGO-NGO yang mempergiatkan *24 season drum* ini? Terima kasih.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, saya katakan kita memberi, awal tadi kita memberi bantuan, dokong dan dorongan kepada pihak-pihak pengembang budaya dan termasuk muzik. Salah satu daripada langkah yang dilakukan oleh pihak kementerian ialah contohnya seperti yang saya sebutkan Anugerah Pendukung Seni dan kita beri bantuan yang berupa kewangan. Di antara bantuan yang kita bagi ialah di antara RM5,000 dan RM10,000 ya. Tidak semua sebenarnya, banyak oleh kerana negara kita ini mempunyai kebudayaan yang begitu luas dan saya dapati selama menerajui kementerian ini, banyak permohonan-permohonan daripada masyarakat yang bukan hanya budayanya agak luas dipakai di negara kita. Bahkan juga kumpulan-kumpulan etnik yang begitu kecil ya.

Maka dengan itu, kita perlu mengimbangi di mana ianya boleh membantu kita untuk memperkayakan kebudayaan negara ini kerana dasar yang kita guna, satu dia ada pendekatan. Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang ada didasarkan satu formal, yang kita gunakan ialah keduanya iaitu tidak formal dan dia putus dalam konvensyen pada tahun 1971.

Itu pendekatan yang kita gunakan, asal pertama didasarkan oleh kerana ia faktor contohnya agama Islam sebagai satu perkara yang penting, yang kedua dari segi kebudayaan dari rantau asal ini dan ketiga yang boleh kita guna pakai sebagai sebahagian daripada kebudayaan.

Ini yang menjadi dasar kerajaan dan kita telah diberi peruntukan sedikit sebanyak untuk membantu dan seperti yang saya sebutkan kementerian akan sentiasa memberi bantuan bukan hanya berbentuk dorongan bahkan juga dari segi kewangan, pada pihak-pihak ini dengan bantuan dalam lingkungan seperti yang disebutkan RM5,000, ada yang sampai RM10,000. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita dapat rasakan menteri sedang menjiwai tugas-tugas beliau... *[Tepuk]*

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** ...*[Ketawa]*

**8. Tuan Haji Shamsudin bin Mehat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, jumlah kes kesalahan undang-undang jalan raya yang dilakukan oleh kenderaan berat.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Shamsudin bin Mehat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia pada tahun 2007, sebanyak 3,013 operasi telah pun dijalankan dan 31,190 saman polis yang melibatkan kenderaan berat telah dikeluarkan. Bagi Januari hingga April 2008 pula sebanyak 1,301 operasi dijalankan dan 5,828 saman polis yang melibatkan kenderaan berat dikeluarkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Wan Nordin bin Che Murat. Minta maaf Yang Berhormat Dato' Wan Nordin bin Che Murat. Yang Berhormat Tuan Haji Shamsudin bin Mehat dulu kemudian Yang Berhormat Dato' Wan Nordin bin Che Murat kemudian Yang Berhormat Ir. Hiang A Li.

**Tuan Haji Shamsudin bin Mehat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan. Minta maaf orang baru. Adakah pendekatan ataupun Ops Sikap ini hanya dilakukan pada musim perayaan? Bolehkah ianya dilakukan semasa secara rambang pada laluan ataupun destinasi-destinasi pilihan? Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Shamsudin bin Mehat sekali lagi. Memang banyak operasi-operasi dijalankan bukan secara rambang sahaja. Pada setiap hari pun ada operasi-operasi dijalankan. Cuma Operasi Sikap ini dikhususkan untuk hari perayaan, hari kebesaran, raya, Tahun Baru Cina, Deepavali dan lain-lain, tapi selain daripada itu juga operasi secara rambang dijalankan, operasi biasa-biasa yang ada pun dijalankan.

Saya beri satu misalan, di seluruh negara terdapat 33 bas terminal. Kerajaan sentiasa melalui polis dan juga JPJ menjalankan secara rambang operasi. Dia pergi membuat pemeriksaan di terminal-terminal bas untuk memastikan supaya setiap buah bas ekspres mesti mempunyai dua orang pemandu dan sama ada syarat-syarat diikuti, dipatuhi oleh syarikat-syarikat bas yang mempunyai bas ekspres bagi perjalanan yang jauh. Bagi lori-lori pula ada juga JPJ menjalankan pemeriksaan sendiri seperti macam sama ada lori berkenaan membawa muatan yang berlebihan dan lain-lain lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Wan Nordin.

**Dato' Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagi mengurangkan berlakunya kemalangan di jalan raya adalah kita percayai bahawa usaha-usaha pencegahan harus, usaha-usaha pencegahan bagi memastikan pemanduan di jalan raya itu dapat diperbaiki setiap masa. Selain daripada itu, penggunaan alat-alat yang berteknologi tinggi dalam kenderaan-kenderaan juga

boleh membantu mengurangkan berlakunya kemalangan. Apakah pandangan kementerian dalam soal ini?

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan supaya kadar kemalangan dan kadar kematian akibat kemalangan jalan raya dikurangkan dari setahun ke setahun tapi setakat ini walaupun segala langkah-langkah telah pun diambil, nampaknya tidak begitu berjaya lagi. Ya, tidak begitu berjaya. Saya harus mengakui.

Misal kata pada tahun 2007, terdapat 363,319 jumlah kemalangan berlaku di jalan raya yang mengakibatkan 6,282 kematian. Oleh yang demikian, saya percaya kerajaan sentiasa akan mengetatkan lagi segala syarat yang akan diberikan kepada pemandu-pemandu jalan raya ataupun pengguna-pengguna jalan raya tapi sikap telah pun dikenal pasti. Sikap pemandu telah pun dikenal pasti oleh satu kajian di mana ianya menyumbang kepada mempertingkatkan lagi jumlah kemalangan.

■ 1050

Dari segi penggunaan alat-alat berteknologi canggih saya tidak pastilah apakah jenis alat-alat yang dikatakan, dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat beri contoh satu, dua.

**Dato' Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya dapat lihat bahawa dalam banyak kenderaan sekarang dipakai satu sistem komputer yang disebut sebagai sistem *navigation*. Yang itu mungkin boleh diperbaiki dengan ditambah ciri-ciri yang boleh membantu untuk memberi amaran kepada pemandu.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat, saya percaya *navigation* itu bukan semata-mata untuk membantu pemandu memandu dengan cermat. *Navigation* itu maksudnya hendak cari tempat-tempat yang kita ingin pergi, alamat itu di mana lokasi itu sahajakan? Walau bagaimanapun jika ada alat-alat yang berteknologi tinggi kerajaan tidak menghalang penggunaannya kecuali harga mungkin akan tinggi sikit. Ini terpulanglah kepada pemandu-pemandu kereta ataupun pengguna jalan raya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ir. Hiang A Li.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab. Memandangkan kemalangan kenderaan berat masih tinggi lagi jadi untuk *deterrent* dengan izin, apakah tindakan keras telah diambil ke atas pemandu-pemandu yang berkenaan dan juga adakah kerajaan mengesyorkan memberi kursus khas atau pelajaran semula kepada pemandu-pemandu yang melakukan kesalahan serupa ini? Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama sekali mengenai kursus yang diadakan untuk pemandu-pemandu kenderaan perdagangan,

memang terdapat kursus sebelum mereka ini diberikan lesen. Mereka akan pergi mengikuti kursus dan apabila mereka lulus kursus baru dapat lesen untuk memandu kenderaan perdagangan. Setakat ini apabila seseorang pemandu telah melakukan kesalahan, dia tidak ada kursus yang lain ya.

Walaupun bagaimanapun kita mempunyai akta-akta di mana kita boleh membawa pemandu ke muka pengadilan. Bagi kemalangan biasa itu, kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan mereka boleh didakwa ke mahkamah. Jika terdapat kemalangan-kemalangan yang membawa maut ataupun ada orang mati maka siasatan akan diadakan supaya didakwa seseorang pemandu di bawah kanun keseksaan. Ini lebih berat lagilah, ini boleh melibatkan hukuman penjara jika didapati salah oleh mahkamah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

**9. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, pendirian kerajaan di dalam menangani isu kerajaan negeri yang sewenang-wenangnya mengenakan kadar levi dan menetapkan gaji minima bagi pekerja-pekerja asing yang bekerja di dalam negeri tersebut.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Noraini binti Ahmad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah. Bagi makluman Dewan yang mulia ini kerajaan negeri tiada kuasa sama ada untuk menetapkan kadar levi mahupun untuk menetapkan gaji minimum kerana kedua-dua isu tersebut adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan sebagaimana ditetapkan di dalam Perlembagaan Persekutuan 96 dan butiran 15 iaitu Senarai Persekutuan dan Jadual Kesembilan khususnya butiran 15(a) iaitu perkara yang berhubung dengan *labour* termasuklah *welfare of labour* dengan izin. Perkara ini perlu difahami oleh semua negeri oleh itu semua perkara berkaitan dengan *labour* dan *welfare of labour* dengan izin adalah jelas di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, Tuan Ahmad Hussin dan Puan Siti Rokiah.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua terdahulu saya minta maaf kepada Timbalan Menteri orang baru soalan tambahan saya agak panjang. Berapakah banyak kutipan levi bagi negeri Selangor bagi tahun 2007? Adakah levi-levi yang dikutip ini disalurkan kepada kerajaan negeri? Apakah masalah yang akan timbul seandainya kementerian membenarkan ataupun menyerahkan kuasa kutipan levi ini kepada kerajaan negeri? Adakah kementerian sedar bahawa segala

pensyaran untuk mendapatkan masyarakat asing yang ditetapkan oleh kementerian sebenarnya tidak diguna pakai oleh ejen-ejen yang dilantik? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi saya pilih, saya benarkan Yang Berhormat kemukakan dua. Ulang dua sebab peraturan mesyuarat membolehkan saya membenarkan Yang Berhormat kemukakan dua pertanyaan. Kemukakan dua, ulangi. Ulang.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Dua sahaja Tuan Yang di-Pertua? Berapa banyak jumlah kutipan bagi negeri Selangor bagi tahun 2007? Apakah permasalahan yang akan timbul seandainya kementerian membenarkan atau memberi kuasa kutipan levi ini kepada kerajaan negeri?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Terima kasih di atas soalan tambahan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua banyak yang ditanyakan tadi adalah di bawah bidang kuasa KDN tetapi untuk jumlah kutipan levi di negeri Selangor itu ianya adalah satu soalan yang *very-very specific*, jadinya itu mohon untuk dijawab secara bertulis dan untuk yang keduanya pula levi kerajaan ianya adalah di bawah seperti jawapan kepada soalan asal tadi ianya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat. Jadinya mana-mana negeri pun tidak boleh membuat apa-apa isu yang berkaitan dengan *labour* mahupun *welfare of labour* di bawah bidang kuasa negeri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, ada hikmahnya peraturan mesyuarat menetapkan, menentukan begitu rupa sebab apabila kita tanya yang hendak dijawab itu ialah mereka yang mewakili pemerintah dan tiap-tiap jawapan itu ialah merupakan dasar jawapan pemerintah. Jadi kalau dibenarkan kita tanya banyak-banyak dan pihak yang menjawab itu terpaksa jawab secara yang bukan-bukan itu tidak menggambarkan pemerintah yang berwibawa. Sebab itu peraturan mesyuarat menentukan ada had kita boleh bertanya. Tuan Ahmad Hussin.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memang benar apa yang disebutkan oleh timbalan menteri bahawa kedua kuasa ini di bawah Perlembagaan dan berada di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan. Rakyat keliru sebab *statement-statement* daripada pemimpin-pemimpin boleh menjejaskan kredibiliti Kerajaan Persekutuan. Jadi soalan saya ialah apakah Kementerian Sumber Manusia telah memaklumkan secara rasmi mengenai perkara tersebut kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya mereka faham dan jangan lagi keluar *statement* sedemikian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Terima kasih di atas soalan. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalau ianya adalah satu kerajaan sudah semestinya tahu apakah yang dimaklumkan ataupun apakah yang seperti peraturan di dalam Perlembagaan

Persekutuan 96 itu. Walaupun Kementerian Sumber Manusia kita membuat jawapan ataupun maklumkan secara rasmi sebagai kerajaan negeri sudah semestinya mereka harus tahu apakah isu-isu ataupun isu-isu yang berkaitan yang di dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, yang mana satu negeri? Itu sahaja untuk soalan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Siti Rokiah.

**Dato' Hajah Siti Rokiah binti Haji Mohd. Zaibidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dalam menetapkan gaji minima pekerja asing? Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua untuk soalan tambahan yang ketiga ini di bawah Akta Kerja 1955 kita tidak mendiskriminasikan sama ada ianya pekerja tempatan mahupun pekerja asing.

Jadinya untuk pekerja-pekerja tempatan, waktu sekarang ini bukanlah waktu yang sesuai untuk menetapkan gaji minimum kebangsaan. Sama jugalah perkara selari untuk pekerja-pekerja asing. Sekian terima kasih.

#### ■1100

**10. Tuan Pau Chiong Ung** minta, Menteri Kerja Raya menyatakan, adakah kerajaan bercadang atau akan melaksanakan projek naik taraf jalan utama di Sabah dan Sarawak agar kualiti keadaan jalan utama di kedua-dua negeri itu setaraf dengan kualiti keadaan jalan di Semenanjung Malaysia.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sedar akan keadaan jalan-jalan di negeri Sabah dan Sarawak yang masih perlu dinaikkan taraf atau dibina. Untuk tujuan memantapkan lagi rangkaian jalan raya di negeri-negeri tersebut, kerajaan telah menyediakan peruntukan untuk negeri Sabah dalam RMK-9 sebanyak RM2.27 bilion iaitu yang tertinggi di kalangan semua negeri di Malaysia. Manakala bagi negeri Sarawak pula, peruntukan RM1.98 bilion iaitu yang kedua tertinggi. Jumlah peruntukan RMK-9 untuk Sabah dan Sarawak adalah bersamaan dengan 22% daripada RM19.22 bilion keseluruhannya peruntukan pembangunan Kementerian Kerja Raya.

Di dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9, Kementerian Kerja Raya juga telah mengemukakan permohonan peruntukan tambahan sebanyak RM2.5 bilion untuk negeri Sabah dan RM4.3 bilion untuk negeri Sarawak. Jumlah ini merupakan yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Permohonan ini sedang dalam pertimbangan Unit Perancangan Ekonomi, JPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, garis panduan pembinaan jalan mengikut piawaian yang diguna pakai di Semenanjung Malaysia adalah berdasarkan spesifikasi arahan-arahan teknik jalan dan spesifikasi piawaian JKR dalam SPJ/1988 keluaran JKR Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, garis panduan yang sama turut digunakan di Sabah dan Sarawak sejak dahulu lagi. Semua kerja pemindahan jalan di Sabah dan Sarawak perlu mematuhi spesifikasi kerja yang disediakan oleh JKR Malaysia termasuk keperluan terkini untuk melaksanakan audit keselamatan jalan bagi projek-projek jalan.

Oleh yang demikian, tidak timbul isu bahawa mutu jalan raya yang dibina di Sabah dan Sarawak berlainan dari piawaian di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, ingin dinyatakan di sini bahawa keadaan muka bumi seperti tanah yang berbukit-bukau di Sabah atau tanah gambut *heat soil*, dengan izin, di Sarawak. Geologi dan kesan cuaca buruk yang sering melanda kawasan negeri Sabah dan Sarawak turut menyumbang kepada kurangnya jangka hayat jalan tersebut sebelum jangka hayat jalan itu dan menjadikan jalan mudah rosak.

Selain daripada itu, beban lori-lori yang lebih muatan seperti lori-lori balak juga akan merosakkan jalan lebih awal daripada yang dijangkakan. Sekian.

**Tuan Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Selama ini kerja-kerja penyelenggaraan jalan utama di Sarawak dan Sabah telah pun diberikan kepada beberapa buah syarikat sahaja. Namun didapati mutu kerja penetapan semula tidak memuaskan.

Soalan tambahan saya ialah adakah penyeliaan dan pemantauan telah dibuat oleh kementerian supaya pihak kontraktor menjalankan kerja penyelenggaraan jalan mengikut piawaian yang telah pun ditetapkan oleh kementerian di Sabah dan Sarawak. Terima kasih.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang JKR ini memang ada satu bidang berkuasa bersama *concurrent matter* di antara Persekutuan dan negeri. Walau bagaimanapun, kita juga ambil tindakan dan sentiasa mengadakan mesyuarat dan memantau projek, jalan-jalan di Sabah dan Sarawak.

Saya bagi contoh dalam projek sakit yang saya mempengeruskannya, saya kerap kali buat mesyuarat dan lagi projek-projek ini semuanya *online* sekarang. Sebarang *progress* atau kelewatan atau apa-apa kita tahu melalui *internet* secara *online*. Dalam sebuah mesyuarat dan kita bincang satu projek dan 10 minit kita hendak *refer* balik kita tengok data sudah ubah iaitu *online dynamic* dia memang sentiasa dijaga dipantau dengan teliti. Saya harap juga jikalau ada yang spesifik terus berikan kepada kita, khususnya di Sabah kita telah pun cuba merawat beberapa cerun yang sentiasa berlaku di mana tanah runtuh berlaku banyak kali supaya kita dapat memulihkan keadaan. Ini kita perlu kerjasama khususnya daripada pihak Yang Berhormat Senator

dan wakil rakyat kita bagi maklumat secepat mungkin. Melalui wakil rakyat kita dapat jugalah mengambil tindakan dengan lebih cepat sekali. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa isu berkenaan sudah didedahkan agak cukup. Jadi biarlah saya beralih kepada Dato' Gooi Hoe Hin.

**11. Dato' Gooi Hoe Hin** minta, Menteri Kewangan menyatakan, pelaburan Khazanah Malaysia sehingga kini dalam negeri dan luar negeri.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan berkaitan dengan pelaburan Khazanah dan GLC yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin pada hari ini bersekali dengan pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat yang sama yang dijadualkan pada 3 Jun dan 4 Jun, berkaitan isu yang sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat yang sama, isu yang sama?

**Dato' Kong Cho Ha:** *[Ketawa]* Ya. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Khazanah Nasional Berhad yang ditubuhkan pada September 1993 dan mula beroperasi pada Jun 1994, merupakan syarikat pemegang pelaburan kerajaan yang diberi kepercayaan untuk membuat pelaburan secara strategik dalam industri serta pasaran baru.

Sejak mendapat mandat baru sebagai syarikat pemegang pelaburan strategik kerajaan pada Mei 2004, nilai pelaburan Khazanah sehingga 31 Mei 2007 iaitu dalam masa tiga tahun, adalah sebanyak RM15.24 bilion iaitu untuk pelaburan dalam negara dan RM5.8 bilion untuk pelaburan di luar negara. Kadar pelaburan luar negara oleh Khazanah masih berada di paras rendah iaitu hanya lebih kurang 9.3% daripada nilai bersih port folio pelaburan keseluruhan yang berjumlah RM62.2 bilion sehingga 31 Mei 2007.

Dalam tempoh tiga tahun tersebut, Khazanah telah memperoleh pulangan pelaburan terdiri daripada pulangan modal dan pendapatan dividen berjumlah RM2.2 bilion atau kira-kira 38% daripada jumlah pelaburan di luar negara.

#### ■1110

Untuk makluman Yang Berhormat, kriteria dan kawalan untuk pelaburan di luar negara yang diguna pakai oleh setiap syarikat GLC adalah berbeza. Namun, secara asasnya syarikat-syarikat GLCs hanya akan membuat pelaburan mengikut pengkhususan perniagaan dan kepakaran masing-masing bersandarkan garis panduan yang ditetapkan oleh lembaga pengarah syarikat GLC berkenaan sama ada berkaitan pegangan ekuiti, pulangan pelaburan dan sebagainya.

Setiap pelaburan syarikat GLC di luar negara juga mengambil kira aspek komersial dan strategi dan di mana pelaburan tersebut harus mempunyai nilai tambah kepada syarikat serta negara di samping membuka peluang kepada syarikat tempatan

untuk menjalankan usaha sama. Pelaburan Khazanah di luar negara bukan sahaja memberikan keuntungan nyata dari segi pulangan modal dan dividen kepada kerajaan tetapi turut membuka pintu kepada rangkaian perniagaan antarabangsa yang membolehkan Khazanah menarik masuk pelaburan langsung asing dan pelaburan portfolio.

Sebagai contohnya, daripada Timur Tengah dan Indonesia ke pasaran tempatan. Ini juga termasuk pemeteraian perjanjian pelaburan langsung asing bernilai USD1.2 bilion daripada tiga konsortium ternama Timur Tengah ke Node 1, di Iskandar Malaysia. Kesimpulannya, pelaburan Khazanah di luar negara telah memberikan faedah kepada kerajaan dalam pelbagai bentuk. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Gooi, Datuk Syed Ali, lepas itu Dato' Musa.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga diucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang bernas dan jelas. Kita semua sedia maklum bahawa Khazanah Malaysia kini merupakan suatu institusi kewangan amanah negara yang agak penting dalam menjalankan peranan demi menjana kekayaan untuk masa depan negara. Oleh itu, apabila melakukan sesuatu pelaburan walaupun kita sedia memahami tentunya ada risiko.

Dari angka-angka yang diberikan tadi, RM21.2 bilion pelaburan dan dividen pulangan RM2.2 bilion yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan pulangan 3.2%. Baik, dia geleng kepala. Namun demikian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pulangan itu disebut sebagai nisbah dari pelaburan luar.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Ya. Jadi menyedari hakikat ini sama ada terdapatnya suatu badan atau suatu jawatankuasa bebas untuk meneliti atau menyemak pelaburan-pelaburan tertentu, kita manusia, boleh buat silap .

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaannya, sama ada terdapat badan kawalan atau kawal selia?

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Agar pelaburan menepati sasaran, tujuan dan objektif. Terima kasih.

**Dato' Kong Cho Ha:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pelaburan bernilai lebih kurang RM21 bilion sejak Mei 2004 yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi adalah untuk jumlah dalam dan luar negara. Akan tetapi untuk luar negara, RM5.8 bilion sahaja dan dalam masa yang sama pulangan yang kita dapat ialah RM2.2 bilion iaitu 38% dari pelaburan di luar negara sahaja. Jadi apa yang saya jawab tadi iaitu semua pelaburan Khazanah dan juga GLC-GLC mempunyai kriteria dan kawalan

masing-masing. Ia mungkin berbeza daripada satu syarikat ke syarikat yang lain mengikut kepentingan dan sektor yang dilabur.

Akan tetapi pada amnya, pelaburan itu dikawal selia oleh kumpulan atau pasukan pelaburan atau *investment team* khusus untuk menjaga wilayah-wilayah atau negara-negara tertentu di mana pelaburan itu dibuat. Khazanah juga mempunyai pasukan-pasukan seperti *desk officer* di syarikat-syarikat yang mereka labur dan juga ada wakil pengarah ataupun *representative directors* dalam syarikat yang kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya lihat wajah Yang Berhormat macam tak puas hati. Adakah itu pertanyaan Yang Berhormat atau pertanyaan Yang Berhormat, siapa kawal Khazanah?

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Bukannya tak puas hati, saya memang faham terdapat Khazanah Malaysia struktur organisasinya. Setiap GLC juga mempunyai pegawai-pegawai yang berkenaan. Soalan tadi, adakah selain daripada struktur organisasi sebuah badan yang bebas untuk melihat apa yang dicadangkan. Itu sahaja soalan saya.

**Dato' Kong Cho Ha:** Sebenarnya kita bukan ada satu badan yang khas tetapi kita ada satu pasukan yang khas dan juga Khazanah telah pun membuka pejabat perwakilan di negara yang kita ada pelaburan seperti pejabat perwakilan pertama Khazanah dibuka di negeri China pada bulan Mei 2007. Jadi pejabat itu bukan sahaja untuk memantau pelaburan tetapi kita juga mengenal pasti peluang pelaburan yang lain.

Jadi secara keseluruhannya GLC-GLC yang mempunyai pelaburan di luar negara, mereka juga mempunyai mekanisme untuk mengawal, memantau dan membuat proses *due-diligence* dengan izin, seperti mempunyai wakil, pegawai dan sebagainya. Jadi untuk menjamin pelaburan mereka itu adalah kukuh dan selamat, sebenarnya pada masa sekarang, kita bukan ada khususnya, *direct investment* dari Khazanah di syarikat-syarikat luar negara. Hanya ada 12 syarikat sahaja. Itu tidak termasuk pelaburan dari GLC-GLC sendiri. Sekian.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian sedar bahawa ada GLC-GLC yang kita laburkan di luar negara mengalami kerugian. Dapatkah pihak kementerian menyatakan syarikat-syarikat yang telah dijual yang dipunyai oleh GLC-GLC Malaysia yang telah dijual sehingga kini? Terima kasih.

**Dato' Kong Cho Ha:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang membangkitkan soalan. Sebenarnya, Khazanah mempunyai pelaburan hanya dalam 12 syarikat iaitu sejak kebelakangan ini. Setiap pelaburan memang ada risikonya sendiri tetapi yang penting ialah kita membuat proses *due-diligence*, kawal selia, memantau dan sebagainya. Pada masa sekarang saya tidak mempunyai satu senarai

yang *detail* untuk syarikat-syarikat yang mengalami kerugian dan sebagainya. Mungkin boleh...

■ 1120

**Tuan Yang di-Pertua:** Mohon notis.

**Dato' Kong Cho Ha:** Dapat maklumat itu dari pegawai. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Musa.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, memang syarikat-syarikat GLC dan Khazanah ini kalau yang melabur di luar negara mengalami kerugian. Kita ingin tahu siapakah yang memberi kelulusan kepada Khazanah dan GLC ini untuk melabur di luar negara? Tidakkah kementerian bercadang setiap syarikat GLC atau Khazanah yang ingin melabur di dalam negeri atau pun luar negara mesti mendapat kelulusan daripada Kabinet terlebih dahulu? Terima kasih.

**Dato' Kong Cho Ha:** Terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Memang proses meluluskan pelaburan ini juga ada proses dan prosedur yang tertentu di bawah Kementerian Kewangan. Semua pelaburan ini juga dipantau oleh Kabinet tetapi bukan semua pelaburannya mengalami kerugian.

Untuk makluman Yang Berhormat, nilai jumlah sebelum Mei 2004 di atas semua pelaburan Khazanah adalah RM33.3 bilion tetapi nilai pada 31 Mei 2007 adalah RM62.7 bilion. Jadi ini adalah satu kenaikan 86.8%. Jadi pelaburan-pelaburan Khazanah dan GLC, khasnya Khazanah di dalam sektor-sektor penting seperti utiliti, media dan komunikasi ataupun pengangkutan, logistik, tanah di dalam institusi-institusi kewangan dan sebagainya semuanya mendapat pulangan yang lumayan. Jadi bukannya semua mengalami kerugian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**12. Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah tindakan kementerian dalam membantu dan membendung wanita-wanita Malaysia yang telah ditahan di luar negara, secara teraniaya dalam kes-kes seperti penyeludupan dadah memandangkan semakin ramai wanita terutamanya remaja wanita Melayu yang terperangkap dalam masalah ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Luar Negeri memandang serius akan masalah rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara di atas pelbagai kesalahan termasuk tahanan wanita Malaysia berkaitan kesalahan dadah.

Kementerian ini percaya bahawa usaha untuk membendung masalah penglibatan wanita Malaysia di dalam sindiket dadah antarabangsa wajar dilakukan oleh

semua pihak dan semua lapisan masyarakat. Di antara beberapa inisiatif-inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Luar Negeri bagi menangani masalah wanita-wanita Malaysia yang telah ditahan di luar negara atas kesalahan dadah ialah seperti berikut:

- (i) mengadakan perbincangan berterusan dengan pihak Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen, Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Pengajian Tinggi dan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan mengenai masalah tersebut;
- (ii) menyalurkan maklumat yang diperolehi hasil daripada temu duga yang dijalankan oleh pegawai-pegawai pejabat kedutaan dan Konsulat Malaysia di luar negara ke atas tahanan kepada PDRM untuk tujuan siasatan lanjut;
- (iii) mengarah pejabat-pejabat kedutaan dan konsulat Malaysia untuk memberi bantuan kaunselor bagi para tahanan seperti melawat mereka di pusat-pusat tahanan, di penjara di negara berkaitan dari semasa ke semasa, memastikan kebajikan tahanan di pusat-pusat tahanan tidak diabaikan, menjadi perhubungan di antara tahanan dengan keluarga di Malaysia dan sentiasa berhubung dengan pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan fakta yang jelas serta bantuan mengenai kebajikan rakyat Malaysia tersebut;
- (iv) memaparkan nasihat perjalanan atau *travel advisory* di laman web Kementerian Luar Negeri, menasihati rakyat Malaysia mengenai kegiatan sindiket jenayah antarabangsa yang menjadi rakyat Malaysia sebagai sasaran untuk terlibat di dalam aktiviti-aktiviti jenayah mereka; dan
- (v) mengingatkan rakyat Malaysia yang hendak ke luar negara supaya mengambil langkah berjaga-jaga demi menjaga keselamatan diri sebelum mereka berlepas dan ketika berada di luar negara.

Kementerian Luar juga ingin memaklumkan bahawa berkaitan dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Mei 2008, satu jawatankuasa kerja melibatkan kerjasama antara Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat akan ditubuhkan bagi merangka kempen-kempen kesedaran melalui media masa dan sebagainya. Jawatankuasa ini akan diselaraskan oleh Kementerian Luar Negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Datuk Roslan, kemudian Puan Siew Chun kemudian Tuan Haji Mohamad Yusof.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih. Dalam membantu dan membendung pihak-pihak ini daripada dikenakan keadaan seperti ini mesti ada sebab-sebabnya. Mengapa mereka ini terdorong kepada perkara-perkara ini.

Soalan tambahan saya, adakah pendorongan ini dibuatkan kerana cinta ataupun kejar kekayaan ataupun dipukau? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi soalan Yang Berhormat ini susah saya hendak jawab, kerana kita tidak tahu hal yang sebenarnya. Namun kebanyakan yang mereka yang terlibat dengan kes-kes seperti ini mereka biasa mereka akan bagi tahu bahawa mereka teraniyalah atau tertipu dan sebagainya. Itu biasa, jawapan standard atau terpukau saya tidak tahulah. Kebanyakannya mereka ini sama ada mereka terlibat secara langsung atau tidak ini benda-benda yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tanya hanya tiga perkara, adakah sebab cinta, sebab duit atau sebab pukau?

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Mungkin benda itu boleh berlaku, saya pun tidak tahu. Namun biasanya mereka kata mereka teraniyalah, itulah jawapan dia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Puan Siw Chun.

**Puan Siw Chun a/P Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan tambahan, saya ingin mengalu-alukan rombongan daripada Exco Persatuan Siam Se-Malaysia, sila bangun di pakatan mana tak tau. Sila bangun... [Tepuk] Mereka terdiri daripada semua negeri-negeri yang diduduki oleh masyarakat Siam.

Soalan tambahan saya, mengikut statistik yang diberikan ini memperlihatkan bahawa 105 orang rakyat Malaysia yang ditahan diluar negara. Daripada 105 orang, 61 orang kaum wanita. Jadi nisbahnya lebih daripada 50%.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri berapakah bilangan yang telah dijatuhkan hukuman dan berapakah bilangan yang masih menunggu masa untuk perbicaraan? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat, saya berkenaan dengan perkara itu saya minta notislah kerana itu spesifik. Walau bagaimanapun itu memanglah sekarang wanita banyak di mana-mana pun wanita. Jadi sebab itu mungkin angka itu wanita lebih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya juga turut bersama di Dewan mengalu-alukan wakil-wakil kaum Siam dari tujuh negeri iaitu dari negeri Perlis,

Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kelantan dan Terengganu. Terima kasih. Tuan Haji Muhamad Yusof Husin, Senator Kedah.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada lima langkah yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi untuk pencegahan terhadap kes penganiayaan ataupun penderaan kepada rakyat negara ini khususnya golongan wanita, saya dapati tidak ada pun satu langkah yang lebih drastik.

■1130

Adakah Kementerian Yang Berhormat bercadang untuk mengenakan satu peraturan supaya individu terutama golongan wanita yang hendak ke luar negara mestilah mempunyai sebab-sebab yang munasabah dan mendapat kebenaran khas daripada Kementerian Luar Negeri? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi sebenarnya Yang Berhormat apa yang saya sebut tadi ialah apa yang kita boleh bantu. Mereka yang terlibat dengan penahanan bukan kata satu langkah untuk menyekat mereka atau membuat pemantauan, yang saya sebut tadi ialah semasa mereka di dalam tahanan. Semasa dalam tahanan, itulah perkara-perkara yang pihak kementerian boleh lakukan iaitu dengan pemantauan dan sebagainya.

Soal undang-undang di sesebuah negara itu, kita tidak boleh terlibat. So, kita hanya boleh membantu sahaja. Berkenaan dengan cadangan Yang Berhormat tadi saya sukar hendak dijawab kerana ia melibatkan bukan sahaja Kementerian Luar Negeri ia akan melibatkan Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain kementerian. Jadi dalam perkara itu mungkin cadangan yang boleh kita terima pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu hari dalam penggulungan perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda, telah diterangkan oleh Kementerian Luar Negeri mengenai kedudukan. Saranan Menteri Luar Negeri, sama ada dikenakan sekatan atau tidak, tetapi yang Dewan dimaklumkan ialah ianya belum ada apa-apa keputusan.

**13. Ir. Hiang A Li** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, sejauh mana pencapaian Rakan Muda yang telah dirancang dan dilaksanakan beberapa tahun yang lepas. Adakah Rakan Muda mencapai matlamat yang ditetapkan.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Wee Jeck Seng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Rakan Muda fasa ini adalah kesinambungan kepada Program Rakan Muda yang telah diperkenalkan dan dilaksanakan sejak 29 Oktober 1994.

Program Rakan Muda Fasa Dua ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 29 Mei 2007, di Kompleks Rakan Muda Bukit Kiara,

Kuala Lumpur sebagai satu langkah di *planning* semula, dengan izin. Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang pelaksanaan Program Rakan Muda beberapa tahun ini, ia telah menunjukkan keberkesanan ke atas Program Rakan Muda yang boleh dilihat dari aspek pembangunan diri remaja yang terlibat menyertai program bagi menggalakkan mereka terjerumus di dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat.

Pada masa yang sama aktiviti gaya hidup seperti Rakan Kecergasan, Rakan Cinta Alam, Rakan Seni Budaya, Rakan Inovasi dan lain-lain berupaya menjadi agen pembangunan dari aspek mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang dapat membina kesihatan diri, kemahiran, hobi dan seni budaya, sikap inovatif, prihatin, mahir dan dinamik bagi menyediakan golongan dewasa yang mampu menyahut cabaran misi Wawasan 2020 negara. Dilihat sudut pencapaian sejak Rakan Muda dilancarkan pada tahun 1994 sehingga tahun 2006, seramai 5.35 juta remaja telah menyertai Program Rakan Muda, mendahului 267,489 aktiviti.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Program-program Rakan Muda ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada remaja kerana ia berkonsepkan dari remaja untuk remaja. Berdasarkan tujuan dan sambutan yang menggalakkan, Kementerian Belia dan Sukan akan meneruskan program ini dengan pendekatan baru, bersesuaian dan dengan keadaan semasa di mana golongan remaja lebih terdedah kepada cabaran globalisasi dan arus pembangunan negara yang pesat.

Sehingga kini Program Rakan Muda telah mencapai matlamat yang ditetapkan dengan lebih menjurus kepada aktiviti dan pelaksanaan program yang melibatkan remaja. Kejayaan Program Rakan Muda sebenarnya adalah kejayaan bagi belia-belia juga, memandangkan kumpulan sasaran Rakan Muda di antara peringkat umur 15 hingga 25 tahun adalah tergolong di dalam kumpulan sasar belia itu sendiri. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ir. Hiang A Li, selepas itu Puan Hajah Sharifah Azizah.

**Ir. Hiang A Li:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memberikan jawapan yang begitu jelas. Akan tetapi memandangkan banyak lagi badan sukarela bukan kerajaan terutamanya di tempat-tempat atau bandar-bandar yang kecil, masih kurang sedar berkenaan dengan program ini dan memang mereka tidak dapat ambil bahagian dan juga menikmati manfaat darinya.

Jadi soalan saya ialah, adakah kerajaan bercadang untuk membentuk langkah-langkah baru dengan halatuju baru supaya memberikan lebih banyak kesedaran dan juga galakan kepada badan-badan sukarela, terutamanya dengan merangkumi semua kaum di tempat-tempat atau di bandar-bandar yang kecil itu? Terima kasih.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan memang sentiasa memandang berat dan mengambil perhatian dan sentiasa juga mendengar pandangan dari semua pihak, untuk membantu menjayakan program-program yang telah dianjurkan.

Sebab itulah Kementerian Belia dan Sukan telah mewujudkan 219 jawatan Penggerak Rakan Muda di semua peringkat, di mana untuk membolehkan mereka berfungsi sebagai pengantara kepada pihak kementerian dengan golongan sasaran secara menyeluruh melalui kerjasama pemimpin di peringkat akar umbi. Penggerak Rakan Muda juga berperanan untuk membantu dalam mempromosi, melaksanakan dan juga memantau program lain yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan di semua peringkat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, Puan Hajah Sharifah Azizah.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Kita tahu bahawa Rakan Muda ini ditubuhkan dahulu bukan sahaja berkonsepkan aktiviti, tetapi juga berkonsepkan kepada usahawan, yang mana satu ketika dulu jenama daripada Rakan Muda banyak dijual. Jadi saya ingin tahu, apakah perancangan kerajaan ataupun kementerian bagi menambahbaikkan usahawan belia, khasnya dalam meneruskan lagi usaha-usaha untuk menjual barang-barang yang berjenamakan Rakan Muda.

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang benar, Kementerian Belia dan Sukan, seperti tadi saya telah katakan bahawa program ini adalah dari remaja untuk remaja. Jadi program-program yang kita anjurkan adalah secara menyeluruh supaya semua terlibat terutama di antara peringkat umur 15 hingga 25 tahun. Oleh sebab itulah, Rakan Muda selama ini kita mempromosi atau menjalankan aktiviti tujuh gaya hidup dan mempunyai tiga program yang utama, dengan bantuan Penggerak Rakan Muda supaya kita dapat menjayakan program yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan analisa yang telah kita peroleh, kita dapati bahawa Rakan Muda Fasa Dua ini adalah salah satu langkah diambil untuk memperbaiki, memperkasakan segala perancangan ataupun aktiviti yang telah dirancang oleh Kementerian Belia dan Sukan ini dapat menepati keperluan, kehendak dan cita rasa pemuda dan belia-belia kita.

Oleh sebab itulah kalau mengikut rekod, sejak Program Rakan Muda Fasa Dua ini dilancarkan sehingga 29 Mei 2008, melebihi daripada 100 ribu orang remaja telah mengambil bahagian dalam Program Rakan Muda ini, melalui 4,800 aktiviti. Saya nampak ini adalah satu kejayaan KBS. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Puan Siw Chun.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Adakah program Rakan Muda mendapat sambutan daripada remaja keturunan kaum-kaum lain selain daripada remaja kaum Melayu? Sekiranya ya, sejauh manakah penglibatan mereka setakat ini? Terima kasih.

■1140

**Tuan Wee Jeck Seng:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya KBS merancang semua program. Kita harus ingat bahawa remaja kita adalah aset kepada negara dan kita merancang segala program untuk anak-anak muda kita tanpa mengira kaum, latar belakang dan agama. Kita harap semua terutamanya dari pertubuhan belia mahupun dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat juga dapat membantu supaya dapat bersama-sama untuk menjayakan program yang dirancang. Oleh sebab itulah saya telah timbulkan dan mengatakan bahawa seramai 219 orang, terutamanya Penggerak-penggerak Rakan Muda ini adalah memainkan peranan yang penting.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan memang dalam satu perancangan untuk menambahkan anggota ataupun ahli-ahli Pergerakan Rakan Muda ini dan kita akan mengambil kira supaya pelbagai kaum boleh menjadi sebagai Penggerak Rakan Muda ini untuk membantu kerajaan supaya menyebarkan semua maklumat dan aktiviti yang dirancang, dapat disambut baik oleh semua kaum.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

## **USUL**

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semua perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa satu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas

daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan  
berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana  
Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal  
Pertama Parlimen Yang Keduabelas". [29 Mei 2008]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri  
Pertahanan untuk menyambung jawapan.

**11.41 pg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Terima kasih,  
Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, JLKN tidak sekali-kali memandang ringan  
dalam aspek menjaga kesihatan dan keselamatan pelatih di kem-kem seluruh negara.  
Di samping memberi penekanan dalam membangunkan sumber manusia, aspek  
keselamatan prasarana dan kemudahan latihan turut juga diberi perhatian melalui  
pemeriksaan berkala oleh pegawai jabatan kesihatan dan juru perunding yang bertauliah.

Untuk meningkatkan lagi tahap keselamatan di setiap kem, JLKN telah  
menempatkan seorang jurulatih dari PDRM. JLKN juga sentiasa memantau spesifikasi  
kontrak terhadap aspek-aspek keselamatan yang perlu dipatuhi oleh pengusaha kem. Di  
samping itu, pengauditan keselamatan kemudahan latihan dilaksanakan oleh NOS dan  
*team expectorate* jabatan. Dalam aspek kesihatan dan kebajikan, seramai lima orang  
kakitangan Kementerian Kesihatan dan dibantu oleh dua anggota Kor Perubatan  
Angkatan Tentera Malaysia ditempatkan di setiap kem di PLKN.

Bekalan peralatan dan ubatan yang mencukupi bagi sepanjang tempoh latihan  
juga disediakan. Bagi melicinkan pergerakan pesakit ke hospital, sebuah ambulan akan  
ditempatkan di setiap kem. Untuk tujuan menyalurkan maklumat dan pemantauan yang  
berkesan di antara ibu pejabat dan kem-kem di seluruh negara, Bilik Gerakan JLKN  
berfungsi 24 jam.

Walaupun tindakan-tindakan di atas telah dibuat, JLKN tetap berusaha untuk  
meningkatkan lagi tahap pemantauan kesihatan di mana kerajaan sedang mengkaji  
untuk mewajibkan setiap pelatih menjalani pemeriksaan kesihatan bagi mengetahui ke  
atas status kesihatan pelatih sebelum memasuki kem-kem PLKN. Walau bagaimanapun,  
JLKN memberi jaminan bahawa usaha-usaha akan terus dilakukan bagi  
penambahbaikan lagi dalam aspek kesihatan dan keselamatan pelatih demi  
mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu yang saya ingin jawab di sini adalah isu  
yang dibawa oleh Yang Berhormat Puan Heng Seai Kee iaitu beliau mencadangkan  
untuk mewajibkan setiap peserta PLKN menjalani pemeriksaan perubatan terlebih  
dahulu sebelum menyertai program berkenaan dan juga konsep *stay-in doctor*

diperkenalkan di setiap kem PLKN bagi tujuan mempertingkatkan tahap kesihatan pelatih di kem-kem PLKN. Yang Berhormat juga bertanya, apakah tindakan yang diambil oleh pihak kementerian bagi membantu pelatih yang diberhentikan kerja selepas mengikuti Program Latihan Khidmat Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian mengucapkan terima kasih ke atas cadangan-cadangan bagi menambahbaikkan program ini. Justeru bagi cadangan setiap peserta PLKN, diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum menyertai program ini, ia masih dalam perbincangan antara pihak Jabatan Latihan Khidmat Negara dan pihak Kementerian Kesihatan.

Bagi cadangan untuk mewujudkan *stay-in doctor* di setiap kem PLKN pihak kementerian mengakui bahawa cara ini adalah cara yang terbaik bagi mempertingkatkan tahap penjagaan kesihatan di kalangan pelatih PLKN. Walau bagaimanapun, atas faktor kekurangan tenaga doktor perubatan, JLKN tidak bercadang pada masa ini untuk menempatkan *stay-in doctor* di setiap kem PLKN. Namun begitu pada masa ini, di setiap kem PLKN telah diwujudkan satu pusat rawatan kesihatan kem yang dianggotai secara tetap oleh empat penolong pegawai perubatan yang bertugas secara bergilir. Tiga orang jururawat terlatih yang turut bertugas secara bergilir di Kementerian Kesihatan serta dibantu oleh dua anggota paramedik dari Bahagian Kesihatan Angkatan Tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu yang dikemukakan berkaitan dengan pemberhentian kerja pelatih selepas selesai menjalani Program Latihan Khidmat Negara, kementerian mengakui bahawa kemungkinan terdapat pelatih yang telah diberhentikan kerja apabila mereka masuk menjalani PLKN. Buat masa ini Akta Latihan Khidmat Negara 2003 tidak memperuntukkan untuk memberi cuti melebihi 30 hari kepada pelatih PLKN.

Namun demikian sekiranya majikan tidak membenarkan pelatih untuk bercuti 90 hari, pelatih boleh memohon penangguhan di bawah seksyen 20, Akta Latihan Khidmat Negara di bawah kategori pelatih yang akan mengalami kesusahan yang luar biasa jika menjalani latihan. Oleh itu adalah tanggungjawab pelatih dan ibu bapa untuk memaklumkan kesusahan ini, supaya satu pertimbangan permohonan penangguhan dapat diberi.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga saya ingin menyarankan kepada pihak syarikat-syarikat tempatan untuk mengambil bekas-bekas pelatih PLKN untuk bekerja di syarikat mereka. Ini disebabkan bekas-bekas pelatih PLKN ini mempunyai nilai insan yang lebih tinggi dan terbukti dari kajian JLKN serta diakui oleh syarikat-syarikat yang telah mengambil bekas-bekas pelatih ini sebagai pekerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

**11.48 pg.**

**Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan saya ingin merakamkan ribuan terima kasih- kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara berkaitan dengan kementerian ini.

Pertama, Ahli Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin yang telah mencadangkan supaya semua Ahli Dewan Negara mengukuhkan perpaduan kaum dan tidak mempersoalkan Perlembagaan Persekutuan. Cadangan yang dikemukakan ini amatlah dialu-alukan dan wajar disokong sepenuhnya oleh segenap lapisan masyarakat. Masyarakat perlu diberi kefahaman yang mendalam tentang elemen-elemen perpaduan yang diterjemahkan dan termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pemimpin-pemimpin masyarakat sewajarnya tidak mempersoalkan kandungan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan itu.

■1150

Malahan sentiasa memberikan kerjasama ke arah usaha-usaha menyemai, mendidik dan memberi penjelasan tentang kandungan Perlembagaan kepada generasi muda. Jika isu-isu perpaduan ini dapat diselesaikan, usaha-usaha ke arah membangunkan negara dapat diberi tumpuan yang sepenuhnya.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin juga telah menyentuh tentang kesan Program Titian Budaya Malaysia-Singapura. Program Titian Budaya Malaysia-Singapura telah dilaksanakan dengan jayanya pada 8 hingga 11 Mei 2008. Antara pengisian aktiviti ini ialah mesyuarat dua hala antara pegawai-pegawai kanan, kunjungan hormat kepada Menteri Kebudayaan Singapura, persembahan Malam Titian Kebudayaan, pameran seni visual, Minggu Filem Malaysia, persembahan kebudayaan di Taman Warisan Melayu dan juga Istana Kampung Gelam dan lawatan ke *National Museum of Singapore* dan *Peranakan Museum*.

Sememangnya memberikan faedah kepada Malaysia dan Singapura, terutamanya mempertingkatkan hubungan-hubungan dua hala dalam aspek kebudayaan, kesenian dan warisan kedua-dua negara. Program ini mampu memperkenalkan seni budaya kepada rakyat Singapura, seterusnya akan membantu secara langsung sektor pelancongan di Malaysia. Program ini akan mempertingkatkan

pemahaman dan perkongsian maklumat dan kemahiran mengenai kebudayaan, kesenian dan warisan kedua-dua negara.

Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun juga telah memohon agar Yang Berhormat Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan memberi perhatian terhadap bantuan kewangan kepada etnik Siam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian turut membantu etnik Siam terutama dalam mengimbangkan perkembangan kebudayaan masyarakat Malaysia di peringkat negeri dan kebangsaan. Antaranya sambutan Festival Songkran ataupun Pesta Air di Besut, Terengganu, Kedah dan Kelantan.

Lazimnya kementerian ini melibatkan penyertaan pelbagai etnik lain seperti masyarakat Baba Nyonya, Portugis, masyarakat Sikh dalam acara-acara tahunan seperti Majlis Rumah Terbuka Malaysia. Program merakyatkan seni budaya, upacara pertabalan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, perbarisan kemerdekaan 31 Ogos di bawah komponen rakyat bersepadu. Kementerian melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara juga sentiasa membantu etnik lain dalam melaksanakan aktiviti seni. Pada 2007, kementerian telah meluluskan 25 permohonan bantuan kewangan dari NGO seni budaya Cina yang melibatkan sejumlah RM236 ribu dan 19 permohonan bantuan kewangan dari NGO seni budaya India yang berjumlah RM100 ribu.

Bagi kaum bukan bumiputera lain, sejumlah tujuh permohonan bantuan kewangan telah diluluskan dengan melibatkan peruntukan sebanyak RM254 ribu. Usaha sedang dipergiatkan untuk mengembangkan lagi budaya etnik di Malaysia terutama penonjolan terhadap pakaian, peralatan persembahan, masakan, adat resam hasil kraf, khidmat nasihat seni budaya dalam acara-acara kebudayaan dan kesenian kementerian pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pengajian Tinggi.

**11.55 pg.**

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Haji Idris bin Haji Haron]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pengajian Tinggi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja yang menyentuh perkara-perkara berkaitan kementerian ini.

Beberapa isu, cadangan dan saranan yang bernas dari Yang Berhormat sekalian akan diambil tindakan yang sewajarnya oleh pihak kementerian dan saya percaya ia akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memberikan jawapan kepada perkara yang telah dibangkitkan. Namun jika ada perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab, saya pohon makluman Yang Berhormat sekalian bahawa perhatian akan tetap diberikan dan tindakan selanjutnya akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu berkaitan kebolehpasaran graduan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Lee Chee Keong yang mencadangkan agar kurikulum yang diwujudkan di IPT hendaklah dengan izin, *market-driven courses*, kursus yang dipacu pasaran. Ingin saya maklumkan bahawa IPT memang peka dengan keperluan untuk mengubah suai dan mengkaji kurikulum dari semasa ke semasa mengikut kitaran atau *cycle*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, bagi setiap tiga hingga lima tahun bergantung kepada kursus-kursus pengajian.

Kajian kurikulum ini akan mengambil kira input daripada ahli-ahli akademik, pakar dari industri dan juga pihak swasta, pihak kerajaan dan juga pihak badan-badan bukan kerajaan. Di samping itu kajian hala tuju juga dilakukan untuk menambah baik struktur kurikulum sedia ada bagi memastikan graduan yang bakal dikeluarkan menepati keperluan dan kehendak-kehendak industri.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa memberi penekanan terhadap pembangunan modal insan yang berkualiti tinggi. Bagi mencapai matlamat tersebut, selain menggubal kurikulum IPT berasaskan *the outcome based learning*, dengan izin, kementerian juga membentuk standard program pengajian dan mengguna pakai amalan terbaik antarabangsa, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *the international best practices* serta melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia atau *Malaysia Qualification Framework*, dengan izin.

Bagi memastikan graduan yang dihasilkan berkualiti tinggi dan *marketable*, dengan izin, pelbagai langkah telah diambil. Antaranya, menyediakan pembangunan insaniah ataupun *soft-skill* yang direka khusus untuk memberi nilai tambah seperti kemahiran berkomunikasi, meningkatkan tahap penggunaan bahasa dan kemahiran menyelesaikan masalah supaya graduan dapat memenuhi keperluan pasaran.

Yang kedua, menerapkan elemen keusahawanan dalam program pengajian dengan memberikan pendedahan kepada pelajar tentang *entrepreneurship skill*, kemahiran keusahawanan serta memantapkan budaya keusahawanan di kalangan graduan-graduan.

Yang ketiga, mewujudkan jalinan kerjasama yang baik antara institusi pengajian tinggi awam dan pihak industri melalui program yang dipanggil Program Sangkutan dan latihan industri serta program-program *internship*.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kemasukan ke IPT, isu ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Sim Kheng Hui yang mencadangkan agar yang

memperoleh keputusan SPM dengan PNGK atau CGPA 4.0 ditawarkan ke IPT berdasarkan pilihan pertama mereka. Suka saya maklumkan bahawa pemilihan memasuki ke IPTA adalah berdasarkan kepada meritokrasi yang diperkenalkan sejak sesi akademik tahun 2002/2003 yang lalu.

■ 1200

Tuan Yang di-Pertua, mulai sesi akademik 2006/2007, dasar pemilihan pelajar untuk memasuki ke IPTA bagi program pengajian lepasan STPM, matrikulasi ataupun yang setaraf dengannya adalah berdasarkan kepada prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% pencapaian akademik dan selebihnya yang 10% lagi, penglibatan pelajar-pelajar di dalam kegiatan kokurikulum untuk menentukan nilai merit seseorang calon.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada sistem ini, calon cemerlang yang mempunyai purata nilai gred kumulatif atau yang biasanya dikenali sebagai CGPA 4.0 tidak semestinya ditawarkan secara automatik ke kursus pilihan pertama mereka kerana kejayaan calon untuk memperoleh tempat di IPTA bergantung kepada susunan merit, pemilihan program pengajian, dan juga IPTA yang dipohon.

Tambahan pula, tempat yang disediakan untuk kursus-kursus kritikal adalah terhad berbanding dengan bilangan pelajar-pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan yang disebutkan tadi Tuan Yang di-Pertua.

Calon yang memperoleh CGPA 4.0 dengan markah kokurikulum yang rendah mempunyai nilai merit yang lebih rendah jika dibandingkan dengan calon yang memperoleh nilai CGPA yang rendah, tetapi markah kokurikulumnya tinggi. Begitu juga, jika calon memilih IPTA yang popular sahaja, kemungkinan juga mereka tidak ditawarkan ke kursus pilihan yang pertama. Ini ada perimbangan oleh pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kita mengambil kira prestasi akademik seseorang pelajar dan juga kegiatan mereka di dalam kegiatan kokurikulum.

Tuan Yang di-Pertua, dasar yang diguna pakai oleh kementerian adalah adil, saksama dan telus kerana pemohon dibenarkan mengemukakan lapan pilihan program pengajian berdasarkan kelayakan serta minat dan cita rasa mereka.

Keputusan permohonan adalah bergantung kepada pelajar itu sendiri kerana pilihan untuk mengikuti kursus dan tempat ke IPTA dibuat oleh mereka sendiri. Kesemua permohonan akan ditapis melalui sistem kemasukan atas talian, *online system* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Justeru, kementerian akan meneruskan kaedah kemasukan pelajar ke IPTA melalui sistem meritokrasi. Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan pengajian. Isu ini telah dibangkitkan. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Vijayarajam.

**Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah kerajaan bercadang untuk menggalakkan pelajar-pelajar ataupun penuntut-penuntut yang hendak masuk ke universiti beralih kepada kerjaya-kerjaya lain. Oleh kerana kita nampak selalu mereka membuat permohonan untuk kursus perubatan, atau menjadi akauntan, peguam, atau jurutera.

Oleh sebab keperluan zaman moden ini, ada banyak lagi kursus macam bio sains, bio teknologi, *actuarial science* dan sebagainya. Adakah kerajaan menggalakkan mereka masuk ke dalam bidang-bidang ini. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Vijayaratnam. Saya mendapati apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi adalah selari dengan usaha kerajaan yang telah meletakkan beberapa teras penting terutamanya di dalam Kementerian Pelajaran, kita mempunyai Pelan Induk Kementerian Pelajaran yang telah meletakkan kerjaya pelajar-pelajar kita di peringkat menengah, rendah dan atas di mana kurikulum yang digariskan adalah lebih kepada mendedahkan pelajar-pelajar kepada pasaran kerja pada hari ini.

Begitu juga, kalau kita lihat hari ini telah banyak universiti-universiti yang ditubuhkan, institusi pengajian tinggi awam yang ditubuhkan oleh kerajaan yang telah memberikan pilihan atau alternatif kepada pelajar-pelajar untuk memilih haluan kerjaya mereka. Tidak lagi kepada kursus-kursus kritikal seperti perubatan, farmasi, pergigian, kejuruteraan, *accountancy*, dan undang-undang sahaja.

Hari ini, berbagai-bagai universiti khusus telah ditubuhkan. Antaranya yang mendedahkan pelajar-pelajar kepada keperluan dan kehendak industri terutamanya di dalam bidang-bidang yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Bidang bioteknologi, bidang yang berkaitan *actuarial science*. Terima kasih Yang Berhormat.

Mengenai pembiayaan pengajian, isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik yang telah mencadangkan supaya caj perkhidmatan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional atau lebih dikenali sebagai PTPTN dihapuskan dan 50% daripada peminjam PTPTN ditukar kepada biasiswa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Cadangan untuk menukarkan 50% pinjaman kepada biasiswa tidak dapat dilaksanakan kerana sumber pembiayaan PTPTN adalah tidak memadai. Dana PTPTN diperoleh melalui pinjaman daripada pelbagai agensi dan pinjaman disediakan bagi semua pelajar yang layak mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi.

Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memastikan tidak ada pelajar yang gagal memasuki IPT disebabkan oleh kekangan kewangan. Bayaran balik pinjaman PTPTN

adalah untuk menjamin supaya dana ini sentiasa mencukupi untuk membiayai pelajar-pelajar lain di masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai penghapusan caj 3% yang dipanggil caj perkhidmatan. Seperti yang kita sedia maklum, caj tersebut adalah hanya untuk membiayai kos senggaraan dan operasi yang perlu ditanggung oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Kementerian sentiasa peka tentang masalah yang dihadapi oleh peminjam-peminjam.

Pada masa ini, untuk makluman Dewan yang mulia. Kementerian sedang mengkaji aspek mengenai caj perkhidmatan dan kaedah pembayaran balik pinjaman. Aspek yang pertama yang dikaji oleh pihak kementerian ialah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik iaitu caj perkhidmatan sebanyak 3% tadi untuk memastikan ianya menepati kos operasi yang sebenar dan tidak akan membebankan pelajar-pelajar yang meminjam.

Aspek kedua yang akan dikaji oleh pihak kementerian ialah berkaitan perubahan sistem dan fungsi kutipan balik pinjaman dengan mengambil kira semua pandangan yang dikemukakan oleh pelbagai pihak termasuk oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pelajar cemerlang yang tidak memperoleh biasiswa untuk meneruskan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong. Ingin saya maklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun menyediakan kemudahan biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang di bawah Program Ijazah Luar Negara ataupun PILN dan Program Ijazah Dalam Negara, PIDN.

Pada tahun ini Tuan Yang di-Pertua, JPA telah pun mengumumkan penajaan seramai 2,000 orang pelajar di bawah Program Ijazah Luar Negara dan 10,000 orang pelajar di bawah Program Ijazah Dalam Negara.

#### ■1210

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada program berkenaan, Jabatan Perkhidmatan Awam juga akan menaja semua pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2007 yang memperoleh keputusan 9A dan lebih baik dari itu bagi pelajar yang melanjutkan pengajian ke tingkatan 6 sekolah bantuan penuh kerajaan dan pusat-pusat matrikulasi di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia termasuk Pusat Asasi Sains Universiti Malaya dan Matrikulasi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Penajaan kepada pelajar ini akan diteruskan sehinggalah ke peringkat Ijazah Pertama di seluruh institusi pengajian tinggi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari pelajar-pelajar cemerlang ini merupakan aset utama negara, kerajaan telah mengambil inisiatif menambah bilangan penajaan dan

semua pelajar cemerlang rakyat Malaysia berpeluang menikmatinya tanpa mengira latar belakang masing-masing. Langkah ini akan dapat menarik minat pelajar-pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian di IPT tempatan seterusnya mengangkat martabat seluruh IPT di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, inisiatif APEX ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak, terima kasih Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Lee Chee Keong. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, APEX adalah akronim bagi *Accelerated Programme for Excellence* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Suka saya maklumkan bahawa APEX adalah bertujuan untuk membantu universiti yang terpilih bagi mencapai taraf antarabangsa dan menjadikan universiti berkenaan antara universiti yang terbaik di dunia. APEX merupakan salah satu inisiatif penting dan digariskan dalam pelan strategik bagi memperkasa dan memartabatkan serta mempertingkatkan kualiti pengajian tinggi negara.

Di samping itu APEX juga bertindak sebagai pemangkin kepada seluruh sistem pengajian tinggi negara agar bergerak ke arah mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, APEX bukan hanya berkaitan dengan prestasi keseluruhan universiti tetapi juga akan memberi tumpuan kepada kecemerlangan dalam bidang-bidang khusus memandangkan universiti terbaik dunia tidaklah cemerlang dalam semua bidang. Objektif APEX adalah bertujuan untuk mempromosikan kecemerlangan universiti di dalam bidang-bidang yang tertentu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi merealisasikan APEX, antara pendekatan yang diambil ialah universiti yang terpilih akan diberi fleksibiliti dari segi *government* ataupun tadbir urus termasuk menyediakan terma-terma rujukan perkhidmatan yang boleh menarik minat tenaga pengajar profesional dan pakar untuk berkhidmat di universiti-universiti berkenaan. Di samping itu, kementerian juga berhasrat untuk memberikan autonomi kepada universiti berkenaan untuk membawa, memberi kuasa kepada kepimpinan universiti, mengangkat martabat universiti mereka.

Pada masa ini, institusi pengajian tinggi awam diberikan autonomi di dalam urusan-urusan yang saya sebutkan ini. Yang pertama ialah pelantikan secara kontrak di kalangan pesara-pesara untuk menjawat jawatan pensyarah; yang kedua ialah pelantikan secara kontrak pensyarah-pensyarah bukan warganegara yang tersohor dengan gaji yang tidak melebihi RM60,000 sebulan.

Yang ketiga ialah pelantikan-pelantikan pensyarah khas yang bertaraf JUSA 'A' iaitu Jawatan Utama Sektor Awam 'A'; yang keempat ialah bagi pensyarah Gred Khas 'C' dan ke atas yang tidak memegang jawatan pentadbiran, mereka akan diberikan kemudahan yang setara dengan penjawat awam di gred yang sama; yang kelima pendekatan kita ialah pelantikan pensyarah ke gred DS51 dan penyelarasan gred dari

DS45 ke gred DS51. Ini adalah insentif ataupun faktor-faktor yang boleh menggalakkan pensyarah-pensyarah untuk berkhidmat dengan cemerlang di IPTA kita.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sajalah yang dapat saya jelaskan mewakili Kementerian Pengajian Tinggi mengenai perkara-perkara yang menyentuh kementerian yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Saya mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua cadangan-cadangan yang telah dibawa oleh Yang Berhormat agar dapat memperbaiki bersama Kementerian Pengajian Tinggi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan. Seterusnya Kementerian Pelancongan.

**12.16 tgh.**

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin bagi pihak Kementerian Pelancongan mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah bersama-sama membahaskan perkara-perkara mengenai kementerian dan memberikan pandangan dan cadangan yang amat berguna kepada usaha-usaha kerajaan untuk memajukan sektor pelancongan negara.

Senator Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak memohon kementerian mewujudkan produk pelancongan bagi pelancongan baru yang unik dan tidak boleh diperolehi di negara lain. Selain itu beliau memohon kementerian juga mewujudkan produk pelancongan untuk semua golongan. Dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan yang unggul, Kementerian Pelancongan sememangnya sentiasa berusaha untuk memperkenalkan serta membangunkan produk-produk pelancongan baru yang unik bagi menarik lebih ramai pelancong asing untuk tinggal lebih lama dan berbelanja lebih di negara Malaysia kita.

Antara usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan adalah memperkenalkan produk yang berasaskan kepada kekayaan sumber semula jadi dan warisan budaya seperti ekopelancongan, pelancongan marin, pelancongan budaya, pelancongan ibadah serta pelancongan kesihatan.

Bagi menggalakkan *long stay* pelancongan asing di negara ini, kementerian sedang giat mempromosi Program Malaysia Rumah Kedua Ku yang merupakan salah satu produk yang unik di mana para peserta diberi kemudahan *Social Visit Pass multiple entry* dengan izin, untuk jangka masa 10 tahun dan boleh diperbaharui dengan syarat mereka mematuhi syarat program dan undang-undang negara.

Bagi meningkatkan penglibatan pelbagai penduduk tempatan di luar bandar dalam aktiviti pelancongan, kementerian juga sedang memperluaskan pelaksanaan

program *homestay* yang sememangnya berpotensi untuk menarik lebih ramai pelancong asing untuk tinggal di perkampungan *homestay* di negara kita. Selain itu, kementerian juga sedang menggalakkan pelancongan kesihatan dan pelancongan pendidikan memandangkan negara kita mempunyai infrastruktur yang lengkap dan bertaraf antarabangsa bagi menawarkan perkhidmatan yang berkualiti dan setanding dengan negara maju namun pada harga yang lebih rendah.

■ 1220

Pada masa yang sama, kementerian juga sedang mempromosi *Program MalaysiaKitchen* di luar negara bagi menarik hati warga negara asing terhadap keunikan serta kepelbagaian masakan negara dan secara tidak langsung mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi yang dapat menawarkan pelbagai cita rasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook bertanyakan faedah-faedah yang diperoleh oleh industri hotel sempena *Visit Malaysia Year*. Beliau juga ingin mengetahui langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengekalkan tahap pencapaian yang sama seperti tahun lepas. Kedadatangan pelancongan sebanyak 21 juta dan pendapatan sebanyak RM40 bilion. Di samping itu, beliau juga ingin mengetahui status pembangunan pelancongan seperti produk pelancongan di lima negeri yang dikuasai oleh pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, faedah-faedah diperoleh oleh industri perhotelan negara sempena penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2007 adalah berdasarkan jumlah pelancong menginap di hotel-hotel telah meningkat. Ini adalah kerana dengan adanya penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2007 jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia adalah sebanyak 20.8 juta orang. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak 19.5% berbanding dengan tahun 2006 di mana jumlah kedatangan pelancong asing ke Malaysia adalah seramai 17.5 juta orang sahaja.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Dato' Omar.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat ada bercakap tentang hotel. Di negara kita, kita tahu banyak pulau-pulau, pantai-pantai yang cantik dan sebagainya tetapi pantai-pantai ini kebanyakannya tidak ada penghuni ataupun tidak ada pelancong disebabkan oleh kekurangan *infrastructure* seperti *electricity*, air dan sebagainya. Adakah kementerian bercadang untuk mengadakan *infrastructure* yang lebih sempurna kepada pulau-pulau ini supaya kita dapat menarik lebih ramai pelancong-pelancong ini?

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato'. Soalan Yang Berhormat Dato' akan dijawab kemudian.

Manakala pendapatan yang diperoleh pula adalah sebanyak RM46 bilion. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 27% berbanding dengan RM36.2 bilion pada tahun 2006. Selain itu, para pelancong juga menginap lebih lama kerana *average back stay* dengan izin, yang dicatatkan sempena Tahun Melawat Malaysia adalah sebanyak 6.3 malam berbanding dengan 6.2 malam pada tahun 2006. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelancongan bagi memastikan jumlah kedatangan dan pendapatan pelancongan sentiasa meningkat adalah dengan melanjutkan Kempen Tahun Melawat Malaysia sehingga 31 Ogos 2008. Bagi tahun 2008, kementerian telah mensasarkan kemasukan pelancong seramai 22.5 juta.

Manakala pendapatan pertukaran wang asing sebanyak RM50 bilion. Kementerian Pelancongan juga turut menganjurkan acara-acara utama serta dengan *signature event* bagi setiap negeri dalam usaha untuk memastikan sasaran kedatangan dan pendapatan pelancongan dapat dicapai. Antara acara-acara utama dan dengan izin *signature event* yang di promosi adalah:

- (i) *Color of Malaysia;*
- (ii) *Malaysia International Fireworks Competition;*
- (iii) *Penang World Music Festival;*
- (iv) *KL Ground Tree*
- (v) *City Festival 2008;*
- (vi) *Sabah Fest;*
- (vii) *Sarawak Regatta;*
- (viii) *Terengganu Gold Green and Sea Shelter Bugs 2008;*
- (ix) Pesta Nasi 100 di Kelantan;
- (x) Ekspedisi Tasik Bera dan Tasik Chini di Pahang;
- (xi) *Penang Diving Boat Race;*
- (xii) Pesta Harum Manis di Perlis;
- (xiii) *Borneo International Jotting Challenges* di Pulau Labuan; dan
- (xiv) *Bukit Kutu International Equal Extreme Challenges 2008* di Selangor;

Tuan Yang di-Pertua, mengenai status pembangunan pelancongan seperti produk-produk pelancongan di lima negeri yang bukan Kerajaan Barisan Nasional adalah seperti berikut:

- (i) di negeri Kedah, bilangan projek ada 27. Statusnya 19, dalam pembinaan, 8 sudah siap. Berjumlah 27 projek;
- (ii) di Pulau Pinang bilangan projek ialah 10. Reka bentuk - 2, tender - 3, pembinaan - 4 dan LOI - 1;

- (iii) di negeri Perak. Reka bentuk - 2, tender - 10, pembinaan - 7 dan yang sudah siap - 2;
- (iv) di negeri Selangor, empat dalam tender, enam baru dilantik oleh kontraktor dan empat yang sudah siap; dan
- (v) di negeri Kelantan, reka bentuk - 1, pembinaan - 12 dan LOI - 1.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Senator Dato' Omar tadi, Kementerian Pelancongan masih lagi membuat *research* yang mana pantai-pantai yang boleh dibangunkan dengan *infrastructure-infrastructure* pelancongan dan senang dibuat *infrastructure* dengan *infrastructure* yang telah ada. Kalau tidak ada *infrastructure*, susah utk membangunkan. Jadi kementerian masih lagi meneliti dan membuat *research* dimanakah pantai-pantai yang mana boleh dipromosikan lagi. Di negeri Sabah ada satu pantai yang telah di *identify* dengan izin tapi masih lagi dalam perancangan untuk meningkatkan *infrastructure*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor bertanyakan tentang rancangan untuk membangunkan Gua Musang sebagai satu produk pelancongan yang terkemuka di Malaysia. Pembangunan sesuatu projek di negeri-negeri adalah dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri, agensi atau pihak swasta. Kementerian walau bagaimanapun, sedia membantu yang mana perlu bagi mempertingkatkan lagi kedatangan pelancong.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor juga menyentuh isu halal di hotel-hotel di negara kita. Beliau ingin mengetahui sama ada kementerian memastikan hotel-hotel yang diberi bintang ini mengikuti prosedur halal yang dikeluarkan oleh pihak JAKIM. Tambahan lagi beliau memohon kementerian mengarahkan hotel-hotel menyertai *exhibition* yang dianjurkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam mempromosikan makanan halal kepada pelancong asing terutama pelancong Islam. Dalam usaha untuk mempertingkatkan dan memantau kualiti pengurusan dan perkhidmatan industri perhotelan, skim pengelasan hotel bagi taraf bintang 1-5 telah dilaksanakan secara seragam di seluruh negara sejak 13 Julai 1996 dan bagi taraf Orkid 1-3 mulai tahun 1999 oleh Kementerian Pelancongan.

■1230

Skim pengelasan hotel ini merupakan sistem penggredan hotel yang menjadi alat pengukur dan penentu kepada mutu kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan dan yang menjadi garis panduan kepada pengguna atau pelancong membuat pilihan yang terbaik bagi mereka. Kementerian telah pun memastikan...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Silakan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Apakah Kementerian ada perancangan yang lebih agresif bagi *eco tourism, Homestay - bed and breakfast* dan juga memberi peluang kepada golongan bumiputera yang tinggal di kampung-kampung untuk kita memberi peluang kepada pelancong-pelancong yang kurang berkemampuan tinggal di tempat-tempat sedemikian, terima kasih.

**Dato' Haji Kamarudin Ambok:** Minta laluan.

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Sila.

**Dato' Haji Kamarudin Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin penjelasan mengenai *signature events* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini tadi - mengenai Citra Warna. Jadi apakah Kementerian membuat pemantauan tentang penari-penari di Citra Warna yang ramai itu. Saya nampak tarian India ditarikan oleh orang Melayu, tarian orang Cina pun ditarikan oleh orang Melayu, kecuali Siam saja saya nampak yang benar-benar ditarikan oleh orang Siam.

Kedua, mengenai dengan banyakkah kita *live telecast*, maknanya negara, yang kita *live telecast*. Adakah kita syok sendiri *live telecast* untuk TV1 sahaja untuk orang tempatan. Kita hendak perkenalkan Malaysia di mata dunia. Jadi kita kena *live telecast* kan seluruh dunia dan apakah *events* Citra Warna ini khususnya untuk itu sahaja, hari itu saja. Kalau untuk hari itu sahaja takkan orang hendak mari dari luar negara, mesti ada *events* sampingan yang dibuat, jadi itu sajalah. Terima kasih.

**Dato' Yip Kum Fook:** Yang Berhormat, tambah satu minta laluan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri bermurah hati memberi laluan kepada tiga orang.

**Dato' Yip Kum Fook:** *Homestay* tadi sebenarnya saya sedang menunggu peluang untuk bertanya, adalah salah satu arena atau bidang yang bisa kita teroka untuk menarik pelancong di samping membawa pendapatan lumayan kepada orang kampung kita. Apakah galakan atau insentif dan khasnya liputan media yang telah diberikan kepada *Homestay* ini? Sekian, terima kasih.

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya ingin habiskan yang ini, lepas itu menjawab soalan-soalan tadi.

Kementerian telah pun memastikan semua hotel yang diberi taraf bintang mematuhi prosedur halal yang ditetapkan oleh pihak berkuasa seperti JAKIM dan Jabatan Kesihatan. Di antara kriteria yang diambil kira adalah seperti berikut:

- (i) bagi restoran semua kategori hotel yang mempunyai restoran yang menyediakan makanan halal dan tidak

- halal perlu menyediakan dapur kemudahan, stor, kemudahan membasuh peralatan dan kelengkapan dapur secara berasing;
- (ii) bagi ruang dapur semua kategori hotel perlu mematuhi syarat-syarat berikut iaitu makanan yang disediakan mesti mematuhi keperluan kesihatan dan kebersihan oleh pihak berkuasa kesihatan;
  - (iii) pantri dapur dan stor simpanan makanan mesti mematuhi keperluan atau syarat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kesihatan; dan
  - (iv) bagi menyediakan makanan halal dan bukan halal ruang memasak, kawasan stor, ruang membasuh dan peralatan dapur mestilah berasing.

Kementerian juga sentiasa menggalakkan semua pihak yang terlibat dalam industri perhotelan agar melibatkan diri dalam sebarang aktiviti promosi yang boleh memberikan faedah di dalam peningkatan mutu perkhidmatan serta kemudahan kepada pelancong-pelancong asing terutama pelancong Islam. Perkara ini adalah dimaklumkan kepada semua hotel melalui persatuan-persatuan hotel.

Akhir kata sekali lagi saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah bersama memberikan sumbangan positif dalam perbahasan-perbahasan yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan industri pelancongan negara. Segala teguran, cadangan dan saranan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat...

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat, *signature events* terutamanya Citra Warna. Tiap-tiap *dance* dengan izin, *group* telah dipilih dari seluruh negara seperti kaum India, persatuan kaum Cina dan kebanyakan lagi dari seluruh negara. Mengenai *live telecast* telah diadakan di sepuluh negara di negeri asing tetapi Kementerian masih lagi merasa *live telecast* itu boleh disingkatkan ke masa yang pendek supaya pelancong-pelancong akan datang untuk menyaksikan Citra Warna di negara kita. Banyak lagi *event-event* yang dibuat bersama Citra Warna seperti pesta bunga dan ini semua dalam satu *event* dan banyak lagi ada, minta maaf saya tidak ingat semua *events* yang ada dalam Citra Warna.

Mengenai *Homestay*, Kementerian memang menggalakkan *Homestay* dengan sepenuhnya. Infrastruktur yang diadakan di rumah-rumah penganjur untuk *Homestay* masih lagi dipertingkatkan dan bilik-bilik yang boleh mendapat pelancong-pelancong duduk di sana adalah dipertingkatkan supaya ada *facilities* yang ada kira mewah sikit. Tiap-tiap seorang yang menganjurkan *Homestay* di rumah mereka, sekurang-

kurangnya mereka mendapat RM50 semalam seorang. Jadi *Homestay* ini masih digalakkan dan banyak lagi peningkatan rumah-rumah di kawasan untuk menggalakkan *Homestay*. Minta maaf saya lupa soalan yang terakhir.

**Dato' Yip Kum Fook:** Liputan media khasnya TV bagi memperkenalkan *Homestay* kita, terima kasih.

**Dato Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Terima kasih, mengenai media, kementerian menggalakkan media untuk pergi menunjukkan *Homestay* tetapi kebanyakan media yang kita galakkan adalah media yang dari luar negara. Kebanyakan media yang datang ini dari negeri-negeri lain adalah daripada program MegaFam dengan izin, *Mega Familiarization* di mana Kementerian membawa media-media dan agensi-agensinya pelancongan dari negara lain untuk datang ke Malaysia dan untuk menyaksikan kebanyakan *signature events* dan juga menggalakkan mereka ke destinasi-destinasi di seluruh negara termasuk *Homestay*. Terima kasih.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Yang Berhormat saya ingin mendapat sedikit lagi penjelasan, maksud Yang Berhormat tadi berkenaan dengan RM50 tadi itu kepada tuan rumah ataupun kepada siapa?

■1240

Berkenaan dengan *homestay* tadi itu, *bed and breakfast* dan lain-lainnya. Adakah kajian dibuat oleh kementerian untuk kawasan-kawasan tertentu supaya dapat kementerian memberi peluang kepada orang-orang yang duduk di kawasan itu dapat bajet tambahan untuk menyediakan premis-premis untuk *homestay* ini. Terima kasih.

**Dato' Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib:** Terima kasih. Mengenai *homestay*, kementerian memang telah ada bajet untuk mempertingkatkan rumah-rumah orang yang akan membuat *homestay* ini di rumah mereka. Ada banyak lagi kemudahan yang diberikan oleh kementerian daripada *design* rumah, tiap-tiap rumah mempunyai bilik seluas 100 kaki persegi serta tandas yang bertaraf tinggi untuk kemudahan orang asing dan juga pelancong-pelancong negara kita juga.

Untuk jawapan RM50 itu, setiap RM50 itu dibahagikan kepada tuan rumah dan juga agensi yang mempromosikan. Jadi paling kurangnya RM50 itu dibahagi dua dan paling kurangnya lebih kurang RM30 kepada tuan rumah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Wilayah Persekutuan.

12.42 tgh.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam

membahaskan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Semasa perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan, saya akan memberikan penjelasan terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat sepanjang tempoh perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya ingin mengulas isu-isu yang dibangkitkan, saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua di atas segala dorongan dan tunjuk ajar semasa saya menduduki Dewan yang mulia ini dan kini menjadi garis panduan untuk memikul tanggungjawab yang cukup berat sebagai Timbalan Menteri. Terima kasih... *[Tepuk]*

Pertamanya saya ingin mengulas isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid pada 28 Mei 2007 di Dewan yang mulia ini mengenai perasaan tidak puas hati oleh penduduk Kuala Lumpur terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang berlaku tunjuk perasaan.

Tuan Yang di-Pertua, perasaan tidak puas hati penduduk Kuala Lumpur terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh beberapa perkara. Perkara yang pertama adalah kerana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengagihkan lot kediaman apartmen Abdullah Hukum 1 kepada penduduk luar dan bukannya penduduk asal kampung berkenaan. Kebetulannya Tuan Yang di-Pertua, ahli Jawatankuasa Penduduk Kampung Haji Abdullah Hukum telah membuat permohonan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mempertimbangkan 86 nama yang memohon untuk membeli unit apartmen Abdullah Hukum untuk diluluskan. Mereka terdiri daripada penduduk yang pernah tinggal di Kampung Haji Abdullah Hukum.

Semasa mesyuarat yang telah dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 3 Januari 2008, mesyuarat memutuskan supaya pemohon yang merayu untuk membeli unit apartmen Abdullah Hukum perlu berdaftar dengan sistem pendaftaran terbuka SPT, dengan izin. Selaras dengan keputusan tersebut kesemua 86 pemohon diminta berdaftar dalam SPT dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat hanya 79 pemohon yang berdaftar dengan SPT dan seramai 19 pemohon sahaja layak berdasarkan syarat yang telah ditetapkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang menimbulkan perasaan tidak puas hati penduduk Kuala Lumpur adalah tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur merobohkan gerai sambungan di Desa Setapak yang dibina tanpa kelulusan di tanah milik kerajaan pada 21 Mei 2008. Peniaga mendakwa diberi penangguhan kerja merobohkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kebetulannya Tuan Yang di-Pertua

sejak tahun 2001, sebanyak tiga notis kesalahan kerana membina sambungan tambahan terbuka sementara atau *awning* dengan izin, telah dikeluarkan kepada lapan gerai di Jalan 14/27B dan Jalan 1/27B Taman Desa Setapak.

Pada pertengahan Mei 2008, satu lagi notis peringatan terakhir telah diberikan kepada peniaga yang terlibat agar membuka sendiri sambungan tambahan terbuka sementara atau *awning* selewat-lewatnya pada 20 Mei 2008. Siasatan ke tapak oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada 20 Mei 2008 mendapati peniaga-peniaga gagal mematuhi notis peringatan terakhir yang telah dikeluarkan. Sehubungan dengan itu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur hanya merobohkan sambungan tambahan terbuka sementara yang dibina tanpa izin atau tanpa kebenaran pada 21 Mei 2008.

Isu yang ketiga, seterusnya perasaan tidak puas hati terhadap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur oleh Persatuan Peniaga dan Kebajikan Pasar Minggu Kampung Baru kerana diminta mengosongkan tapak dan berpindah daripada kawasan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, tapak pasar minggu Kampung Baru asalnya adalah tanah hak milik Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Pada tahun 1986, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah membeli tanah tersebut daripada PKNS bagi memberi laluan kepada pembangunan semula Kampung Baru. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah meminta penduduk yang menetap di tapak tersebut untuk mengosongkan tapak dan diberi tawaran untuk menyewa di PPR Air Panas. Setakat ini, kesemua 80 lebih keluarga masih belum mengambil tawaran tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keempat penduduk setempat juga tidak berpuas hati terhadap sesetengah pembangunan yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Contohnya pembangunan Medan Damansara dan Bukit Persekutuan. Setengah pembangunan yang dijalankan di sekitar Kuala Lumpur mendapat tentangan hebat daripada penduduk setempat kerana bimbang keselamatan kediaman mereka terancam. Bimbang akan berlakunya masalah seperti hakisan tanah, tanah runtuh, kekurangan kawasan hijau dan pertambahan kepadatan penduduk menjadi sebab utama mereka menolak pembangunan yang dijalankan di kawasan kediaman mereka.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bertanggungjawab mengawal pembangunan yang dijalankan di Kuala Lumpur bagi memastikan pembangunan yang seimbang seterusnya memelihara ekosistem sentiasa terpelihara. Sehubungan dengan itu, sebelum sesuatu pembangunan diluluskan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa mengambil kira kepentingan dan kepentingan semua pihak. Saranan saya dan kementerian kepada semua warga kota di Kuala Lumpur, sekiranya ada masalah tunjuk perasaan bukanlah satu cara penyelesaian. Sebagai kerajaan atau kementerian yang prihatin, pintu kita sentiasa terbuka untuk mendengar dan mencari jalan untuk

menyelesaikan sebarang masalah yang akan membawa faedah kepada masyarakat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu tanah kubur Wilayah Persekutuan. Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid bertanya mengapa pembelian tanah kubur bernilai RM10 juta sejak 10 tahun dahulu masih tidak diselesaikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1999 Kerajaan Persekutuan telah membuat permohonan pengambilan tanah lot 1147 Mukim Hulu Semenyih seluas 436.25 ekar di daerah Hulu Langat Selangor bagi tujuan tapak projek pembangunan perkuburan awam Wilayah Persekutuan. Pihak berkuasa negeri Selangor telah bersetuju dengan permohonan ini dan urusan pengambilan balik tanah selesai pada 13 Oktober 1999 dengan pembayaran pampasan tanah sebanyak RM52.962 juta.

Setelah menerima bantahan awam, Kerajaan Negeri Selangor telah memohon pihak kementerian melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk mengkaji semula cadangan pembangunan dengan mengambil maklum perkara-perkara berikut.

■ 1250

- (i) mengubah jajaran jalan keluar masuk utama dengan tidak melalui kampung tradisional sedia ada;
- (ii) mengecilkan kawasan cadangan tapak perkuburan daripada cadangan asal; dan
- (iii) tertakluk kepada bantahan awam yang akan diadakan di antara pemilik tanah dan penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, pada Disember 2007 pihak kementerian telah meminta pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian iaitu JKPTG untuk mengemukakan rayuan kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya hak milik tanah diluluskan dengan segera. Sehingga kini, kelulusan dari Kerajaan Negeri Selangor masih belum diterima.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin bin Ambok telah membangkitkan isu mengenai kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengadakan *retreat* memperkasakan sistem pengangkutan awam, sistem lalu lintas di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. *Hotspot* pada 14 hingga 16 Januari 2008 untuk membincangkan isu kesesakan lalu lintas dan pengangkutan awam. *Retreat* ini telah merumuskan lima perkara utama yang perlu diberi perhatian dan tindakan segera bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan pengangkutan awam Wilayah Persekutuan atau Lembah Klang iaitu:

- (i) jaringan jalan raya dan pengurusan lalu lintas;
- (ii) pengangkutan awam;
- (iii) kemudahan sokongan;

- (iv) *intelligent transportation system*; dan
- (v) institusi dan organisasi.

Hasil daripada rumusan tersebut, pihak kementerian telah mencadangkan pelan tindakan yang terbahagi kepada dua iaitu pelan tindakan jangka pendek di mana kurang daripada dua tahun dan pelan tindakan jangka panjang melebihi dua tahun.

Cadangan pelan tindakan telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai pengangkutan awam, Bil. 2/2008 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 28 Mei 2008. Walau bagaimanapun cadangan-cadangan ini melibatkan peruntukan yang begitu besar dan ianya harus diperhalusi sebelum dipertimbangkan untuk kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya ialah perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat Senator Heng Seai Kie mengenai bantuan pemilikan rumah kos rendah kepada ibu tunggal.

**Dato' Kamarudin bin Ambok:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dapat tahu bahawa dalam *website* ETEs ini, kita boleh melihat *jam* di Kuala Lumpur tetapi bila kita masuk ke dalam *website* nya, bila kita *check*, banyak didapati video-video tidak berfungsi. Jadi rakaman-rakaman kamera yang dibuat pun selain daripada video, saya tengok berulang-ulang benda yang sama.

Saya minta Yang Berhormat melihat kembali. Tadi perancangan telah, saya nak tanya Yang Berhormat, perjanjian Kementerian Wilayah Persekutuan ini daripada bandar raya dulu telah lama menyatakan bahawa selepas sahaja LRT, komuter siap, semuanya boleh beres. Maknanya jalan raya tidak sesak tetapi saya nampak kesesakan lalu lintas ini terus sesak.

Jadi jangka pendek ini kalau tanpa polis membantu, saya rasa lebih teruk lagi *jam* akan berlaku. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat mengenai sistem elektronik Yang Berhormat maksudkan tadi itu, apakah *traffic light* ini semua, bila kita ada ETEs itu, *traffic light* ini di kontrol oleh panel ataupun tidak ada. Itu sahaja, Yang Berhormat.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, memang kita dah berjanji apabila kita ada sistem *transportation* yang canggih maka kita dapat mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Akan tetapi Kuala Lumpur merupakan satu ibu kota yang menuju ke arah *world class city* dengan izin, ibu kota antarabangsa. Maka setiap kali kita menambah baik sistem pengangkutan yang sedia ada, ada juga kenderaan-kenderaan yang bertambah. Warga kota memiliki lebih daripada satu kenderaan di setiap rumah.

Maka kementerian sekarang mengkaji macam mana cari jalan untuk mengatasi masalah ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Kuala Lumpur merupakan satu ibu kota ataupun *city* yang luar biasa daripada mana-mana negeri. Di mana segala keputusan

untuk menambah baik terlibat lebih daripada satu kementerian. Apabila kita buat keputusan untuk menambah kenderaan sedia ada, maka kementerian perlu berbincang dengan Kementerian Pelancongan, Kementerian Pengangkutan. So bukan sahaja peranan tertakluk kepada Kementerian Wilayah Persekutuan sahaja. Maka keputusan ataupun hasil, untuk mencapai hasil daripada segala perbincangan akan masa yang lebih sedikit daripada kementerian lain.

Walau bagaimanapun kita dalam usaha untuk menambahbaikkan, saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat, kementerian betul-betul ikhlas untuk menambahbaikkan kemudahan pengangkutan dalam masa yang singkat. Terima kasih.

Seterusnya isu mengenai ibu tunggal, kaum wanita yang merupakan insan yang penting dalam setiap hidup manusia. Maka untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sentiasa memberi keutamaan kepada ibu tunggal untuk memiliki rumah kos rendah. Sehingga pertengahan tahun 2007, sejumlah 648 ibu tunggal yang telah diberikan tawaran rumah kos rendah iaitu mewakili 32.4%. Kerajaan tidak ada halangan untuk menambah peratusan kepada ibu tunggal kerana kita percaya mereka betul-betul perlukan bantuan daripada kementerian.... [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya, Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ikhwan membangkitkan di dalam Dewan ini semasa perbahasan beliau pada 28 Mei mengenai pembangunan padang bola sepak di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat. Pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur iaitu agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan sedang dan telah membaik pulih dari semasa ke semasa bagi melaksanakan pembangunan padang bola sepak di Kuala Lumpur. Antara padang yang sedang dibaik pulih atau naik taraf adalah padang bola sepak Intan Baiduri, padang bola sepak Setiawangsa 9, padang bola sepak PPR Taman Wahyu 2, Mukim Batu, padang bola sepak Seksyen 2 Wangsa Maju, padang bola sepak Seksyen 1 Wangsa Maju, padang bola sepak Taman Sri Sentosa, Jalan Klang Lama.

Manakala padang bola sepak yang akan dibina pula ialah Taman Danau Desa, Jalan Klang Lama. Semua program-program pembangunan dalam pelaksanaan dan dijangka siap dalam penghujung tahun 2008. Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih ...

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Minta laluan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada dua Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat nak bagi laluan kepada kedua-dua?

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Dua-dua boleh.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya amat tertarik tentang padang-padang yang akan dibangunkan, yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Dalam perbahasan tempoh hari, saya tidak tahu sama ada soalan ini berkait dengan Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun tidak tapi memandangkan kolektif *responsibility*, saya harap kementerian dapat menjawab tentang persoalan pusara kenamaan yang saya bangkitkan tempoh hari. Yang mana akan dibina di Tugu Peringatan Negara.

Pada hari tersebut saya menanyakan bahawa siapakah yang akan dikebumikan di pusara kenamaan? Mengapa harus kita ada pusara kenamaan? Sedangkan apabila kita meninggal, kita boleh balik ke kampung masing-masing. Tanah tersebut boleh dibangunkan dengan perkara-perkara untuk orang yang hidup dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya amat terkejut Yang Berhormat bila saya lalu di hadapan *Planet Hollywood*, Jalan Bukit Bintang. Yang dok *usher drinks* itu, tujuh lapan orang wanita muda pakai uniform sekolah menengah, semua sama. Saya kata kat *husband* saya, tidak kot dia pergi beli untuk bagi keluarga dia. *You* tengok di dalam, tujuh, lapan orang pakai benda yang sama. Orang yang mengeluarkan lesen ini ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ataupun siapa-siapa sahajalah kolektif *responsibility* seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Tidak memantaukah pakaian yang dipakai, umur *usher drink-drink* ini semua. Budak-budak muda-muda itu satu hal lah tetapi pakai uniform bukan mirip lagi, koyak tempek sekolah menengah kita punya uniform. Tolong sat pi tengok, memalukan.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan mengenai tanah perkuburan di ibu kota yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali. Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun Dewan Bandaraya Kuala Lumpur cuma memainkan peranan sebagai agensi melaksanakan projek tersebut. Keputusan telah dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri dan saya percaya keputusan tidaklah di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan.

Soalan yang kedua, mengenai *Planet Hollywood*. Yang Berhormat, sejak saya dilantik sebagai timbalan menteri, tidak ada peluang untuk melalui lorong-lorong di *Planet Hollywood*.

Walau bagaimanapun sebagai kementerian yang prihatin dan untuk memastikan masa depan yang sihat untuk belia-belia khususnya di Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah baru-baru ini telah menubuhkan satu Jawatankuasa, *Kuala Lumpur Action Force* di mana saya sendiri akan mempengerusikan

jawatankuasa tersebut. Saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan betul-betul ikhlas untuk mengambil tindakan, apa juga tindakan terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan-peraturan sedia ada demi kebaikan masyarakat.

Dengan kata-kata ini, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih.

**Dato' Kamarudin bin Ambok:** [*Bangun*]

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Ada lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan terakhir.

**Dato' Kamarudin bin Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Yang Berhormat telah sebut tadi ikhlas dua kali. Mengenai PPRT ini, saya fikir Kementerian Wilayah Persekutuan harus ikhlas jugalah pertama untuk memantau tentang *interest*. Saya dapat tahu bahawa kementerian akan menjual rumah PPRT dan minta supaya dihadkan *interest* itu di bawah 6%.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Tuan Yang di-Pertua, apabila kita sebut ikhlas itu lebih daripada satu kali maka orang was-was sama ada kita ikhlas ataupun tidak. Walau bagaimanapun saya ambil kira cadangan dan pandangan yang telah diberi oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan sampaikan semua pandangan, cadangan kepada peringkat kementerian untuk mengambil langkah-langkah yang patut dan memberi keyakinan kepada masyarakat setempat.

Dengan kata-kata ini, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Usul dan sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas keikhlasan untuk menjawab. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah cukup, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**2.33 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Dijemput Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk menjawab dan menggulung perbahasan.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Izinkan saya menjawab beberapa soalan berkenaan dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Yang pertamanya, saya ingin merujuk kepada soalan Yang Berhormat Senator Dato Sri Empiang Jabu yang membangkitkan isu penjagaan alam sekitar, contohnya

kesan penggunaan bahan kimia terhadap alam sekitar dan mengenai dengan *Safe Environmental Based Disposal Management System*.

Yang Berhormat, Dewan yang mulia, saya ingin memaklumkan bahawa selaras dengan Dasar Alam Sekitar Negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar akan mengambil tindakan untuk memastikan kawalan dan pengurusan alam sekitar diambil kira dalam pembangunan negara. Semua cadangan pembangunan hendaklah mengikut dasar-dasar kerajaan dan undang-undang dan peraturan yang telah digubal. Bagi projek yang memerlukan kelulusan EIA iaitu Kajian Impak Alam Sekitar, penggerak projek perlu mengenal pasti kesan ke atas alam sekitar termasuk flora dan fauna dan mencadangkan langkah-langkah kawalan yang meminimumkan kesan tersebut.

Tentang kesan kepada alam sekitar Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa kita dapati kesan kepada tanah yang mana ada disoalkan oleh Yang Berhormat. Satunya ialah kita dapati ia jika mempunyai kandungan-kandungan kimia bukan hanya menjejaskan manusia, terutama sekali mereka yang terlibat terus dengan pertanian dan lain-lain kerja berkaitan dengan tanah, tetapi juga akan mencemar sistem perairan iaitu sistem air tanah ataupun *underground water* dan juga sistem sungai. Sudah tentulah kandungan-kandungan ini akan memberi impak daripada kesihatan dan kesempurnaan hidup keseluruhannya.

Selain daripada itu, didapati juga bahawa kesan penggunaan bahan kimia terhadap alam sekitar yang pada masa ini banyak diperkatakan ialah secara keseluruhannya kita dapati ia boleh menjejaskan dua kesan utama. Pertamanya ialah menipiskan dan membocorkan lapisan ozon yang meliputi bumi, yang mana fungsi lapisan ini adalah untuk menapis kesan negatif daripada pancaran matahari yang mengeluarkan ultra ungu dan boleh memberi kesan seperti kanser dan lain-lainnya.

Selain daripada itu juga kita dapati bahawa, pelepasan gas di atmosfera boleh juga memberi kesan pemanasan global di mana ia menghalang haba panas ataupun kesan panas dari matahari dipantul keluar dan haba-haba ini terperangkap di dalam atmosfera, dan menaikkan suhu dan kesannya adalah apa yang selalu diperkatakan iaitu kesan rumah kaca atau dengan izin, *green house gas* yang mempunyai implikasi yang begitu besar sekali kepada flora fauna dan kehidupan atas muka bumi.

Keduanya, setelah menjawab tentang kesan-kesan tadi, izinkan saya pula untuk menjawab tentang Sistem Pengurusan Pembuangan Selamat ataupun *Save Environment Based Disposal Management System*.

Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, pengurusan pembuangan berjadual ataupun buangan toksik dan berbahaya diberi perhatian yang serius oleh kerajaan. Sehubungan dengan itu, Malaysia mengamalkan konsep apa yang dikatakan dari buaian hingga ke kubur ataupun *from cradle to grave* dalam pengurusan buangan terjadual di

mana semua aspek dari penghasilan, pengangkutan dan pelupusan buangan terjadual ini diambil kira.

Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Buangan Terjadual 1989 telah dikuatkuasakan semenjak 1 Mei 1989. Dengan perkembangan baru dalam pengurusan buangan terjadual umpamanya, buangan baru yang perlu dikawal seperti buangan elektrik dan elektronik atau yang sekarang ini selalu disebutkan sebagai *e-waste* dengan izin, seperti komputer, bateri, telefon bimbit dan lain-lainnya.

Ia menghendaki pihak yang mengendalikan buangan terjadual menjalankan latihan dengan pihak yang berkuasa. Oleh itu, peraturan tersebut telah dikaji semula dan peraturan baru digubal dan dikuatkuasakan pada 15 Ogos 2005. Di samping itu, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dipinda pada 2007 bertujuan untuk memperuntukkan hukuman penjara mandatori dan denda maksimum RM500,000 kepada pihak yang disabitkan melakukan pelupusan haram bahan buangan terjadual.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin memaklumkan bahawa kaedah-kaedah yang digunakan untuk pengurusan sisa-sisa yang disebutkan tadi mungkin menggunakan pendekatan perolehan kembali dengan izin, *recycle* seperti minyak terbakar, *solvent*, *sludge* ataupun enap cemar yang ada logam berat yang boleh dikitar semula dan diguna semula dan juga pelupusan terus dengan izin, *final disposal* yang mana ada tapak-tapak yang telah ditetapkan oleh kerajaan dengan menggunakan berbagai-bagai kaedah yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, seterusnya izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato Sri Empiang Jabu juga iaitu berkenaan dengan pemanasan global dan Kyoto Protocol. Izinkan saya pertama, untuk menjelaskan sedikit tentang latar belakang perkara ini yang mana satu Persidangan *United Nations Framework Convention on Climax Change* telah diadakan dan Malaysia adalah salah satu negara yang telah menandatangani persetujuan untuk bersama-sama menangani isu pemanasan global melalui konvensyen tersebut.

#### ■1440

Hasil daripada konvensyen tersebut didapati dibahagikan negara-negara kepada dua kelompok yang mana, satu adalah negara maju yang terdiri seperti negara-negara Eropah, negara Eropah Timur, Jepun, Amerika Syarikat, New Zealand, Australia dan lain-lainnya yang dipanggil negara-negara *Annex 1*. Keduanya adalah negara-negara yang baru membangun seperti Malaysia yang mana terdapat 133 negara bersama Malaysia adalah telah bersetuju bersama-sama dalam konvensyen tersebut.

Hasil daripadanya kita dapati kalau konvensyen tadi tidak mempunyai apa-apa implikasi perundangan seterusnya melalui Protokol Kyoto ini diadakan implikasi perundangan kepada negara-negara yang tidak mematuhi peraturan-peraturan yang

telah ditetapkan. Mengikut Protokol Kyoto ini di mana digubal dan digariskan secara terperinci sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca atau GHG yang lebih dikenali, yang perlu dipatuhi oleh negara-negara maju.

Malaysia telah menjadi anggota pada 21 Mac 1994 dan seterusnya pada tahun 2005 mematuhi Protokol Kyoto ini. Malaysia, walaupun tidak mempunyai sasaran atau komitmen untuk mengurangkan pelepasan gas, manakala negara-negara maju tadi mempunyai sasaran sekurang-kurangnya 5% pengurangan dalam masa yang ditetapkan, namun Malaysia mendapat banyak manfaat hasil daripada Protokol Kyoto ini. Untuk makluman Yang Berhormat, negara kita adalah negara yang kadar pengeluaran karbon dioksida, *net sink* CO<sub>2</sub> pada tahun 2000 adalah 196.484 juta tan pengeluaran karbon dioksida oleh Malaysia.

Walaupun bagaimanapun jika diambil kira liputan Malaysia yang merangkumi, kalau kita ambil hutan semula jadi yang masih ada meliputi bumi negara kita pada masa ini ialah seluas 59.5% dan jika dicampurkan dengan pelbagai tanaman seperti kelapa sawit, getah dan lain-lainnya, kawasan hijau kita adalah lebih daripada 70%. Kita dapati bahawa keupayaan kawasan-kawasan hijau kita ini menyerap karbon dioksida ini adalah sangat tinggi iaitu 404.218 juta tan CO<sub>2</sub>. Kita keluarkan hanya 198.048 juta tetapi kita boleh serap tiga kali ganda lagi.

Jadi kita dapati bahawa keupayaan negara kita menyerap lebih banyak karbon dioksida dari yang dilepaskan menjadikan negara kita *net sink* karbon dioksida yang berkesan. Di samping itu, Laporan Pembangunan Manusia yang dikeluarkan oleh *United Nations Development Programme* pada tahun 2007 dan 2008 menunjukkan Malaysia hanya menyumbang 0.61% kadar tan karbon dioksida ke atmosfera daripada keseluruhan yang dikeluarkan oleh dunia.

Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa berbanding dengan Amerika Syarikat ia mengeluarkan 20.86% daripada karbon dioksida yang ada di udara, Jepun 4.34%, China 17.28%, Malaysia hanya 0.61%. Walaupun begitu Malaysia terus berusaha untuk mengambil langkah-langkah dalaman untuk menangani kesan perubahan iklim melalui pendekatan mitigasi ataupun kawalan di punca dan adaptasi, membuat penyesuaian-penyesuaian yang sewajarnya. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Melindungi kawasan hutan melalui pengurusan hutan secara lestari, dengan izin, *sustainable forest management* yang selalu dipanggil sebagai (SFM), bagi memastikan kawasan ini terus kekal menjadi penyerap atau *sink* kepada gas-gas rumah hijau;
- (ii) meningkatkan bekalan dan penggunaan bahan api alternatif seperti tenaga yang boleh diperbaharui seperti; hidro,

menggunakan kuasa air, kuasa solar, biomas iaitu mungkin daripada tandan kelapa sawit yang telah digunakan, bahan-bahan kayu dan usaha juga dibuat untuk mengkaji kemungkinan menggunakan kuasa tenaga angin dan lain-lainnya. Bahan api alternatif ini sudah tentu dapat membantu meningkatkan lagi taraf persekitaran negara kita; dan

- (iii) melaksanakan mekanisme, *Clean Development Mechanism* yang terkandung di dalam Protokol Kyoto iaitu yang mana antaranya ialah Malaysia sebagai salah satu negara yang telah membuat perjanjian tersebut. Kita mendapat manfaat di mana negara-negara yang maju yang boleh memberi insentif kepada Malaysia seperti yang telah dibuat sekarang ini sekiranya kilang-kilang dan industri yang ada itu mengikuti ciri-ciri tertentu.

Sehingga 27 Mei 2008, sebanyak 69 projek telah diberikan *cost country approval* yang mana negara kita telah senaraikan dan dapati ia mempunyai ciri-ciri yang boleh dikemukakan kepada Lembaga Eksekutif di Bonn, Jerman. Sekiranya kita diiktiraf oleh *Clean Development Mechanism* di Bonn ini, kita akan mendapat *certified emission reduction* ataupun dipanggil karbon kredit yang mana bergantung pada tahap pengurangan karbon yang kita gunakan itu boleh melayakkan kita dengan negara maju yang bersama-sama dengan kita itu memberi sama ada insentif kewangan, memberi pemindahan teknologi.

Contohnya di dalam bidang industri kelapa sawit, *boiler* yang digunakan oleh negara Jerman berkualiti tinggi dan mampu mengurangkan pengeluaran karbon dan ini memberi manfaat dan juga keuntungan kepada syarikat-syarikat berkenaan. Ini adalah antara perkara-perkara yang diperolehi melalui protokol tersebut.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Mohon laluan.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Sila.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam kita dijangka akan menghadapi keadaan berjerebu daripada bulan Jun hingga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan masa pertanyaan tambahan, ingin penjelasan.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Saya cuma ingin penjelasan. Dalam masa kita hendak menghadapi saat berjerebu ini apakah langkah-langkah drastik yang akan dibuat oleh pihak kerajaan di antara negara kita dengan Indonesia bagi mengatasi masalah jerebu. Ini kerana langkah-langkah tadi adalah langkah-langkah yang diperlukan dengan segera bagi mengatasi masalah ini. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah ada satu perjanjian sama dengan negara-negara jiran yang mana dengan komitmen peruntukan yang agak banyak daripada negara Indonesia contohnya dan berbagai-bagai-bagai usaha sedang dibuat pihak kerajaan dengan kerajaan, *G to G* untuk memastikan bahawa panduan-panduan dan juga penguatkuasaan untuk mengurangkan pembakaran terbuka dan lain-lainnya dipatuhi dan perkara ini sedang berjalan lancar.

■ 1450

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang seterusnya daripada Yang Berhormat yang sama ialah mengenai kesan kepada pertanian kerana perubahan iklim. Secara keseluruhannya sudah tentu perubahan iklim itu akan memberi kesan yang berbeza kepada tanam-tanaman. Secara umumnya boleh diperkatakan bahawa setiap satu *degree celsius* peningkatan suhu, ia akan melibatkan penurunan hasil pertanian dalam 10%, itu secara umumnya.

Walau bagaimanapun kita dapati peningkatan kadar hujan tidak sesuai bagi tanaman getah tetapi ia adalah sesuai untuk tanaman kelapa sawit kecuali jika banjir dan pokok-pokok kelapa sawit ini ditenggelami sepenuhnya. Didapati juga bahawa 273,000 hektar atau 15% daripada tanah untuk tanaman getah pada masa kini akan terjejas dengan peningkatan suhu tersebut. Peningkatan aras laut akan memaksa orang ramai meninggalkan kawasan-kawasan yang biasa didiami dan tempat petani dan aktiviti-aktiviti ekonomi yang lain dan sudah tentu ini akan mengurangkan lagi kawasan-kawasan pertanian dan perusahaan-perusahaan yang lain.

Pengurangan kadar hujan pula akan menjejaskan tanaman yang memerlukan tanaman basah yang subur seperti kelapa sawit tadi dan hasil tanaman padi akan berkurangan 10% bagi setiap peningkatan 1 darjah *celsius* dan kemarau berpanjangan akan menyukarkan proses pengairan sawah padi dan akan mengancam jaminan pelan makanan. Itu jawapan yang menyeluruh, Yang Berhormat dan sekianlah sahaja jawapan saya bagi soalan-soalan yang telah dikemukakan.

Saya bagi pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Alam Sekitar yang akan kita adakan pada 5 Jun 2008, hari Khamis ini, dan mudah-mudahan rakyat Malaysia keseluruhannya akan terus meningkatkan keprihatinan dan masing-masing meningkatkan komitmen dan cuba sama-sama berjuang untuk memastikan negara kita tidak tercemar dan berada dalam sihat selalu. Pelancaran Hari Alam Sekitar ini akan diadakan di *International Convention Centre* di Putrajaya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri jam 3.00 petang di mana Anugerah Langkawi dan Anugerah Bandar Bestari akan disampaikan tanda pengiktirafan tentang pentingnya alam sekitar di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain agak simpati kepada Yang Berhormat kerana ini jawapan sulung dan Yang Berhormat sendiri merupakan Ahli Dewan ini. Jadi, dia orang ini baik dan tidak kacau Yang Berhormat... *[Ketawa]*

Berikutnya ialah giliran Kementerian Pengangkutan, tetapi saya dimaklumkan bahawa Kementerian telah dapat kesan tiada isu yang dibangkitkan menyentuh Kementerian Pengangkutan. Jadi, saya hendak perli lah sikit. 30 orang yang bercakap, tidak ada satu isu pun dengan Kementerian Pengangkutan. Bak kata orang Penang, "lecehlah sikit, Senator ni!"

Oleh kerana tiada isu untuk kementerian menjawab dan gulung saya beralih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kementerian Kerja Raya.

**2.54 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat - saya sebut Ahli Yang Berhormat kerana seorang sahaja yang berucap, telah menyentuh beberapa perkara mengenai tugas dan bidang dan tanggungjawab Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Diraja.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung mencadangkan agar kerajaan mengambil perhatian kepada kualiti jalan raya di Sabah dan Sarawak. Usaha-usaha menaik taraf perlu dilakukan terhadap jalan-jalan di Sabah dan Sarawak supaya setanding dengan jalan raya di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin kerana pagi tadi kita telah pun berbincang dalam sesi soal jawab nombor 10 dan kita telah pun berbincang dengan teliti, maka saya terus pergi ke perkara-perkara yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebagai maklumat tambahan kepada Ahli Yang Berhormat, dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9 beberapa asas pertimbangan telah pun diambil untuk projek-projek di Sabah dan Sarawak. Bagi negeri Sabah terdapat tiga asas pemilihan projek-projek dalam Kajian Separuh Penggal RMK-9:

- (i) melengkapkan rangkaian jalan raya utama yang masih ada *missing link* dengan izin. Contohnya cadangan menaik taraf jalan dari simpang Papar-Sepol - ke Limbungan;
- (ii) menyokong hasrat dan usaha Kerajaan Negeri Sabah dalam membangunkan Koridor Pembangunan Sabah atau dengan izin *Sabah Development Corridor* iaitu kawasan tumpuan perindustrian, pertanian dan ekopelancongan. Contohnya

cadangan membina jalan dari Kota Kinabalu *Industrial Park* ke *Sepanggar Bay*; dan

- (iii) membuka kawasan baru khususnya untuk kegiatan pertanian seperti perladangan, kelapa sawit dan penanaman padi untuk cadangan membina jalan..., *Northern Bypass Palm Oil Industrial Cluster*, Lahad Datu.

Untuk negeri Sarawak keutamaan diberi kepada tiga kriteria seperti berikut:

- (i) melengkapkan serta menaik taraf rangkaian jalan raya utama seperti jalan raya pesisir pantai yang masih terdapat *missing link* juga di bahagian Kuala Tatau ke Kuala Balingian;
- (ii) menyokong usaha kerajaan negeri untuk membangunkan Koridor Pembangunan SCORE atau dengan izin, *Sarawak Corridor For Renewable Energy* seperti cadangan projek pembinaan jalan akses ke tapak Empangan Hidro Elektrik di Murum dan Baram; dan
- (iii) Projek-projek jalan di kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan Jelapang Padi di Sarawak seperti jalan Sibul-Bawang Assan-Serian.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Maijol bin Mahap:** Yang Berhormat, minta penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh izinkan? Silakan, Yang Berhormat.

**Tuan Maijol bin Mahap:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam RMK-9 telah diumumkan juga satu jalan utama yang akan dibina yang menghubungkan Kota Marudu, Marak, Parak dan Ranau yang dijanjikan akan dilaksanakan pada RMK-9 ini dan dimaklumkan oleh Menteri Kerja Raya yang lalu, tetapi apa yang saya nampak belum ada tanda-tanda yang akan dilaksanakan dalam masa terdekat ini. Jadi, apakah status projek itu?

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang kalau ia belum dapat dilaksanakan dan kalau ia telah pun diumumkan oleh mantan Menteri Kerja Raya maka masa kini kita pun membincangkan Kajian Separuh Penggal RMK-9 mungkin ia ada di dalamnya. Saya akan meneliti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

**3.00 ptg.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Saifudin bin Abdullah]:** *Bismillahirrahmanirahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan kementerian ini. Kementerian ini memang menjadi tugas kami dan tanggungjawab kami untuk membantu membangunkan usahawan-usahawan bumiputera, khususnya dari segi pembangunan masyarakat perusahaan, perniagaan dan perindustrian bumiputera kedua.

Di dalam kementerian ini, antara tugas kami ialah termasuk juga membangunkan tanah-tanah milik bumiputera di pinggir-pinggir bandar dan juga pembangunan usahawan bumiputera melalui kerjasama yang strategik dengan bukan bumiputera.

Kami mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kamarudin bin Ambok agar UDA lebih proaktif memainkan peranan dalam mencari tanah milik bumiputera seperti tanah-tanah di kampung tradisi dan juga di pinggir bandar untuk dibangunkan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, UDA sememangnya sentiasa berusaha membangunkan tanah-tanah milik bumiputera di kawasan-kawasan tersebut untuk dapat ditambah nilai, seterusnya untuk dibangunkan supaya selaras dengan tujuan dan matlamat pembangunan masyarakat bumiputera di kawasan tersebut sama ada secara langsung dari segi perniagaan ataupun kesan limpahan daripada perniagaan yang dapat dicetuskan atau dijana daripada pembangunan tersebut.

Pada masa ini UDA sedang membangunkan projek pembangunan, contohnya di Skudai Kanan, Johor Bahru sebanyak 34 ekar yang kebanyakannya sebelum ini dimiliki oleh bumiputera. Di samping itu UDA juga sedang mengkaji untuk membangunkan beberapa lagi kawasan yang juga tanah milik bumiputera, misalnya di pinggir-pinggir bandar besar di Lembah Klang, Johor Bahru dan juga Pulau Pinang.

Berkaitan dengan cadangan agar UDA membangunkan tanah milik bumiputera di kawasan Parlimen Segambut yang bersebelahan dengan Bandar Hartamas, UDA sedia mempertimbangkan cadangan tersebut, asalkan tanah-tanah tersebut dapat dijual ataupun diperoleh pada harga yang berpatutan dan ianya sesuai dan berpotensi untuk dimajukan. Pada masa yang sama, saya juga ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa adalah menjadi hasrat bagi MECD untuk mewujudkan semacam suatu bank tanah untuk dapat kita usahakan dan bangunkan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Kamarudin bin Ambok juga mencadangkan agar kementerian memikirkan satu konsep pembangunan usahawan

melalui perkongsian pintar antara pelbagai kaum di negara ini. Sebenarnya Kementerian telah pun melaksanakan program yang kita panggil Program Usaha Sama Tulen sejak dari tahun 1996 yang berperanan untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera memperoleh kepakaran baru dalam bidang-bidang baru khususnya iaitu dengan kerjasama dan bantuan usahawan-usahawan bukan bumiputera.

Melalui program ini, usahawan-usahawan bumiputera dan bukan bumiputera menubuhkan syarikat-syarikat usaha sama tulen yang dipantau oleh satu jawatankuasa kerja di peringkat Kementerian yang dikenali sebagai Majlis Galakan Usaha Sama Tulen. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 56 buah syarikat usaha sama telah dapat diwujudkan dan syarikat-syarikat usaha sama ini terdiri daripada pelbagai sektor di mana 36 syarikat atau 62% adalah dalam bidang pembuatan, 10 buah syarikat atau 19% dalam bidang pembinaan dan pemajuan hartanah, 6 syarikat atau 11% dalam bidang perkhidmatan, manakala bakinya iaitu sebanyak 5 syarikat atau 9% menceburi bidang-bidang perniagaan yang lain.

Dari segi pembiayaannya, ini melibatkan sebanyak RM107 juta yang dikeluarkan oleh Kementerian. Selepas 12 tahun pelaksanaan program ini, didapati hanya 11 syarikat usaha sama sahaja yang benar-benar aktif. Oleh yang demikian, Kementerian sekarang ini sudah mengenal pasti dan sudah mula melaksanakan tiga langkah untuk memperkasakan Majlis Usaha Sama Tulen ini.

Yang pertama, Kementerian sendiri menerajui program ini, tidak lagi oleh pihak yang lain. Yang kedua, kita sudah pun menyediakan dana sebanyak RM500 juta bagi memastikan usaha sama ini berjalan pada landasannya yang betul dan benar-benar memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak dan yang ketiganya ialah kita menyediakan modul-modul latihan dan pembudayaan baru yang khusus bagi tujuan usaha sama tulen ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Boleh beri saya laluan, Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak tanya? Asalkan jangan timbulkan perkara-perkara baru. Ya, silakan

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Saya ingat berkaitan. Pertama saya hendak ucapkan tahniah kepada Kementerian kerana telah banyak membantu wanita menjadi usahawan yang berjaya, namun saya ingin tahu apakah usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian bagi menjalankan ataupun memasarkan produk-produk usahawan wanita yang telah berjaya ke pasaran OIC dan apakah insentif, geran dan jaringan usaha sama yang diperuntukkan oleh Kementerian kepada wanita ini. Terima kasih.

**Dato' Saifudin bin Abdullah:** Soalan ini tidaklah berkaitan sangat tetapi menghormati kehendak wanita, kalau diizinkan saya mohon menjawab dengan ringkas. Kita memang ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Semua orang ghairah hendak memenuhi kehendak wanita... [Ketawa]

**Dato' Saifudin bin Abdullah:** Tanpa wanita siapalah kita... [Tepuk] Kementerian memang ada program yang khusus, sekurang-kurangnya dalam dua bentuk. Yang pertama yang pernah saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah francais wanita dan yang kedua ialah program-program yang melibatkan khusus usahawan wanita yang kita beri bantuan dalam pelbagai bentuk geran, misalnya geran pengiklanan, geran dari segi mengikuti dan berpartisipasi dalam pameran-pameran keusahawanan yang kita anjurkan termasuk juga, Tuan Yang di-Pertua, di luar negara.

Setakat ini kita sudah pun difasilitasi, membantu usahawan-usahawan wanita, khususnya usahawan wanita Islam untuk mengikuti program-program kita di beberapa buah negara OIC di Pakistan, di Asia, di Thai dan sebagainya. Ini semua adalah usaha-usaha yang kita berikan untuk kita memastikan bahawa golongan usahawan wanita tidak ketinggalan dan kita akan membuat jalinan kerjasama yang lebih mantap, misalnya dengan majlis-majlis pembangunan wanita kawasan dan di peringkat kebangsaan, saya fikir kita boleh memantapkan lagi kerjasama dengan Usahanita, Puspanita dan beberapa NGO yang berkaitan dengan usahawan wanita. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dengan hormatnya dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi.

**3.09 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada lapan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian membahaskan beberapa perkara dan isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi atau KTAK semasa perbahasan ke atas Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi penjelasan berhubung dengan perkara dan isu yang telah dibangkitkan. Antaranya ialah isu-isu berkaitan dengan Perjanjian Jual Beli Tenaga atau *Power Purchase Agreement* atau PPA antara Tenaga dengan penjana-penjana bebas atau *Independent Power Producers* atau IPP, dan kaitannya dengan tarif elektrik, penggunaan tenaga solar di sekolah luar bandar, masalah bekalan elektrik dan air bersih di Sabah, isu berkaitan program televisyen swasta, *blog* dan penyalahgunaan *internet* di kalangan pelajar. Contohnya, *sorry*, Tuan Yang Terutama minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator.

## ■ 1510

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang minta maaf itu kerana sebut Tuan atau Tan Sri.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Kadang-kadang Tuan. Tuan yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Sebenarnya, sudah dua, tiga kali saya ingatkan Ahli-ahli bahawa peraturan mesyuarat hanya mensyaratkan.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang di-Pertua disebut sebagai Tuan Yang di-Pertua. Bagaimana dia selalu balik kepada Tan Sri.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan adalah lebih baik. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Effendi Norwawi dan Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin telah membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan perjanjian jual beli tenaga atau *Power Purchase Agreement* atau PPA antara tenaga dengan penjana-penjana bebas atau *Independent Power Producers* IPP dan kaitannya dengan tarif elektrik.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan telah memperkenalkan konsep IPP pada tahun 1990 an bagi mengatasi krisis kekurangan bekalan elektrik yang serius yang jika tidak dibendung sudah tentu akan mendatangkan kesan yang buruk kepada ekonomi negara.

Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Effendi Norwawi bahawa dasar penswastan bekalan elektrik kepada pihak IPP mempunyai banyak kelemahan khususnya dalam menetapkan terma-terma perjanjian pembelian tenaga atau *Power Purchase Agreement* dengan izin, disebabkan kerajaan pada masa itu tidak berpengalaman dalam menswastakan bekalan elektrik.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan telah mengambil langkah-langkah penambahbaikan bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan tersebut. Hasilnya, kita dapat lihat bahawa PPA pada hari ini mempunyai terma-terma yang lebih baik. Contohnya, penetapan terma, terma PPA berkonsepkan *open book* dan pengenalan konsep *demand raise sharing* telah memastikan IPP generasi baru mendapatkan keuntungan yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat. Kerajaan sedar mengenai isu yang sering dibangkitkan mengenai kelebihan untung yang dinikmati oleh

IPP disebabkan elemen *fuel cost pass through* yang terkandung dalam PPA. Elemen ini telah membebankan pihak Tenaga Nasional Berhad yang terpaksa menanggung risiko kenaikan harga bahan api.

Atas dasar inilah, kerajaan telah menetapkan harga gas kepada sektor penjanaan elektrik pada kadar RM6.40 satu *million* BTU. bagi memastikan rakyat dapat terus menikmati kadar tarif elektrik yang lebih rendah.

Walau bagaimanapun, kenaikan harga bahan api lain terutamanya arang batu di pasaran dunia telah membawa kepada peningkatan yang mendadak dalam kos penjanaan elektrik negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, harga bahan api arang batu telah meningkat daripada USD46 satu tan semasa kajian semula tarif pada tahun 2006 kepada melebihi USD130 satu tan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya keadaan ini dibiarkan berterusan, kerajaan akan terus dibebankan dengan subsidi harga gas kepada sektor elektrik yang sehingga kini telah mencecah RM62.6 bilion manakala kemapanan atau *sustainability*, dengan izin industri bekalan elektrik negara akan terjejas.

Menyedari hakikat ini, kerajaan sedang mempertimbangkan langkah-langkah yang boleh diambil bagi memastikan semua pihak sama ada pihak penjana mahupun pihak pengguna sama-sama menyumbang bagi memastikan industri bekalan elektrik kekal mapan.

Antaranya ialah menggerakkan semula Rundingan PPA dengan pihak IPP yang telah dihentikan pada tahun 2007. Kerajaan juga telah meminta pihak Tenaga Nasional sebagai pihak yang menandatangani PPA dengan IPP untuk menerajui rundingan semula ini.

Pihak TNB telah pun melaksanakan kajian bagi mengenal pasti pendekatan yang boleh diguna pakai dalam merunding semula terma-terma PPA dengan IPP termasuk mengkaji pendekatan yang telah digunakan di negara-negara lain yang telah berjaya merunding semula PPA dengan IPP seperti India, Amerika Syarikat, Thailand, Ireland Utara dan Indonesia. Hasil kajian yang dilaksanakan telah dikemukakan kepada pihak kerajaan dan rundingan semula dijangka akan dimulakan dalam waktu terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab pertanyaan Senator Dato' Gooi Hoe Hin kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk campur tangan dalam rundingan dengan pihak IPP kerana kerajaan percaya bahawa pihak IPP sedar akan tanggungjawab mereka untuk sama-sama menyumbang bagi memastikan industri bekalan elektrik terus mapan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah meneliti secara menyeluruh isu-isu yang dihadapi oleh industri bekalan elektrik negara dan sedar akan keperluan untuk mewujudkan keseimbangan dalam industri bekalan

elektrik bagi memastikan industri ini terus *sustainable* dengan izin, termasuk keperluan untuk mengkaji semula kadar tarif elektrik.

Sekiranya, terdapat keperluan untuk mengkaji semula tarif elektrik kerajaan akan memastikan supaya ia tidak akan membebankan rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Sekiranya terdapat keperluan untuk mengkaji semula subsidi bahan api kepada sektor bekalan elektrik, kerajaan akan memastikan supaya subsidi tersebut dapat dinikmati oleh golongan yang benar-benar layak.

Pada masa yang sama, saya juga ingin menekankan bahawa semua pihak dalam industri bekalan elektrik juga perlu sama-sama memikul tanggungjawab bagi memastikan industri bekalan elektrik kekal mapan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta laluan.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Ya.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat tadi, ada satu dua perkara saya ingin minta penjelasan.

■1520

Dalam Dewan yang mulia ini kita dengar banyak kali jawapan daripada kementerian sendiri, bahawa perundingan di antara syarikat-syarikat IPP dengan kementerian sedang berlaku tetapi hari ini kita dengar pula cerita bahawa telah pun dihentikan pada tahun 2007. Apa sebenarnya yang berlaku ini? Kita pun nak tahu. Kementerian kata kita sedang berbincang dengan syarikat itu untuk menyelesaikan masalah ini. Kita tidak mahu pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, kita dibebankan. Apabila syarikat atau apabila TNB mengalami masalah, beban akan diberi kepada rakyat. Takrif elektrik sudah tentu akan naik sebab masalah kewangan TNB. Kita tidak mahu syarikat ini untung.

Yang kedua subsidi kepada syarikat IPP ini sendiri. RM6.40 satu *million* BTU yang diberi kepada IPP ini. Subsidi untuk rakyat nak ditarik balik. Kenapa subsidi kepada syarikat ini tidak boleh ditarik balik? Inilah perbezaan dua perkara yang kita ingin penjelasan. Biarlah adil. Kalau kita nak buat untuk rakyat, syarikat korporat ini kena tunjuk bahawa rakyat juga bertanggungjawab dan berlaku adil terhadap rakyat dan syarikat korporat ini. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir atas pencelahan atau pertanyaan yang berkehendakkan jawapan. Sebenarnya oleh kerana harga gas yang dihadkan hanya RM6.40 untuk satu *million* BTU itu, harga takrif elektrik kita di Malaysia dapat dikekalkan setakat mana yang ada sekarang.

Sekiranya harga gas kepada penjana-penjana elektrik IPP yang menggunakan bahan gas untuk menjana elektrik mereka dinaikkan kepada harga pasaran misalnya iaitu gas yang disalurkan ke Singapura lebih RM30 satu *million* BTU, sudah tentu harga elektrik yang diguna ataupun dijual IPP kepada Tenaga Nasional di Malaysia akan terus naik juga.

Dari segi penggunaan subsidi ini, kita mesti faham bahawa oleh kerana harga gas itu masih dalam harga subsidi iaitu RM6.40 maka oleh yang demikian, rakyat kita di Semenanjung dapat menikmati harga elektrik yang masih rendah dibandingkan dengan harga elektrik di negara jiran. Memang betul sekiranya perundingan diteruskan macam yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, tidak dihentikan pada tahun lepas, berkemungkinan besar harga gas itu akan dinaikkan oleh kerana harga gas hendaklah dinaikkan sekiranya ada PPA yang baru dirundingkan.

Jadi oleh kerana itu, masa itu kedua-dua belah pihak iaitu Tenaga Nasional dan IPP belum bersetuju dan oleh kerana tidak ada persetujuan di antara kedua-dua ini, maka rundingan untuk menukar atau menambah baik PPA itu telah dihentikan pada tahun lepas. Akan tetapi oleh kerana harga semua harga bahan api termasuklah bahan api iaitu arang batu, sudah jauh naik dan oleh kerana itu terpaksa PPA ini dirundingkan semula dan diharapkan bila rundingan ini sudah selesai kelak, semua pihak iaitu pengguna tenaga dan IPP, semua akan menanggung tanggungjawab berkenaan dengan berkemungkinan besar kenaikan harga elektrik di negara kita berbanding dengan harga elektrik di negara-negara jiran kita. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Saya pohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan isu yang sama, sekiranya pihak kerajaan telah menandatangani *agreement* dalam masa kurang pengalaman, tidakkah pihak kerajaan juga bercadang untuk mengkaji semula perjanjian yang telah ditandatangani tersebut termasuk menggunakan segala peruntukan remedi-remedi yang boleh diguna pakai bila mana kerajaan terpaksa melanggar terma-terma dalam *agreement* seolah-olah perkara ini membebankan rakyat. Adakah kerajaan akan membuat perjanjian tambahan untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak akan teragak-agak dalam merundingkan iaitu PPA dengan IPP ataupun mengarahkan Tenaga Nasional untuk berunding dengan IPP. Oleh kerana kalau ia akan membebankan rakyat lebih dari yang berpatutan, bermakna kerajaan tidak bertanggungjawab tetapi oleh kerana kerajaan kita adalah bertanggungjawab, ia tidak akan mencari jalan untuk membebankan rakyat tetapi cuba mengurangkan beban yang akan menimpa rakyat kalau tidak dirundingkan semula. Okey... [Ketawa]

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Boleh pohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada lagi soalan Yang Berhormat.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana beri laluan. Tadi saya terdengar hanya perkataan-perkataan pokok adalah terdekat dan mampan. Masalah ini telah berlarutan. Jadi terdekat itu bilanya akan diselesaikan. Hanya semangat politik saja. *Political will*, satu. Dua mampan. Tenaga Nasional Berhad ini dibebani dengan hutang piutang. Empat tahun yang lalu RM32 bilion sekarang lebih kurang RM22.5 bilion. Sebaliknya di situ IPP dengan perkataan yang kasar dengan izin, "Hisap Darah" Tenaga Nasional Berhad. Jadi rundingan ini kalau tidak selesai, tenaga Nasional Berhad sememangnya sudah bankrap. Bagaimana kerajaan sukakah dukakah, harus campur tangan. Jadi kalau kerajaan tidak campur tangan, akhirnya Tenaga Nasional Berhad, suka duka juga terpaksa naikkan takrif. Jadi adakah itu mampan? Tidak mampan. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dengan pertanyaan yang telah terjawab sendirinya oleh Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin, saya ingat tidak payah saya tambahkan dalam penggulungan ini jawapan kepada apa yang Yang Berhormat Dato' telah katakan tadi.

Memang betul sekiranya tidak dirundingkan semula sudah tentu Tenaga Nasional Berhad akan terus memikul bebanan yang sepatutnya dipikul rakyat juga, bukan hanya Tenaga Nasional Berhad. Oleh kerana takrif *electricity* kita di Malaysia masih terhad dan oleh kerana kehendak politik, ia masih di tahap yang agak rendah.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya sambungkan dalam penggulungan ini. Yang Berhormat Senator Tuan Majjol bin Mahap pula membangkitkan masalah tenaga elektrik di Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjelaskan mengenai langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menampung keperluan bekalan elektrik di Sabah pada masa akan datang, izin saya terlebih dahulu memberi penjelasan atau gambaran mengenai kedudukan bekalan elektrik di negeri Sabah.

Pada tahun 2007, kapasiti penjanaan atau *generation capacity* dengan izin, di Sabah adalah berjumlah 744 megawatt berbanding dengan permintaan maksimum sebanyak 607 megawatt. Ini memberikan gambaran tahap simpanan yang selesa iaitu 22.57%. Namun begitu, dari segi realitinya, tahap simpanan elektrik di Sabah sangat rendah disebabkan sebahagian besar daripada elektrik yang dibekalkan adalah daripada stesen-stesen jana kuasa diesel yang telah berusia serta tidak berdaya harap. Dengan mengambil kira kemampuan sebenar stesen-stesen penjanaan ini, pada hakikatnya tahap simpanan elektrik di negeri Sabah hanya berada pada 9.4%, sedangkan tahap

simpanan sebenarnya yang sepatutnya ada bagi memastikan bekalan elektrik yang berdaya harap di Sabah ialah 25%.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang bagi memenuhi keperluan bekalan elektrik di Sabah. Antara langkah jangka pendek yang telah diambil ialah:-

- (i) menyewa set generator dari pihak swasta seperti Sutera Harbour yang berkapasiti 40 megawatt serta mendapatkan bekalan dari Petronas Metanol di Labuan;
- (ii) menyelenggarakan dan mengawal selia stesen jana kuasa utama dan kecil secara berjadual di Sabah; dan
- (iii) kita membeli set-set generator berkapasiti 1 megawatt yang bertindak sebagai *standby* bagi mengurangkan gangguan elektrik sekiranya operasi stesen diberhentikan bagi penyelenggaraan.

Bagi langkah-langkah jangka panjang, tumpuan diberikan untuk membina stesen-stesen jana kuasa baru yang menggantikan stesen-stesen jana kuasa diesel yang telah uzur dan tidak lagi berdaya harap. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pelaksanaan projek-projek jana kuasa baru seperti berikut:-

- (i) dua buah projek jana kuasa berasaskan gas berkapasiti 190 megawatt dan 100 megawatt di Pantai Barat Sabah;
- (ii) sebuah projek jana kuasa berasaskan arang batu berkapasiti 300 megawatt di Pantai Timur Sabah; dan
- (iii) baru-baru ini kita telah mendengar pula sebuah jana kuasa berkapasiti 300 megawatt di Komanis berasaskan gas telah pun disebut dalam berita dua hari lepas.

**Tuan Majjol bin Mahap:** Minta laluan.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Ya.

**Tuan Majjol bin Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cadangan kementerian untuk membina jana kuasa berasaskan arang batu di Lahad Datu di Pantai Timur Sabah. Didapati oleh Kerajaan Negeri Sabah sebagai tidak sesuai sebab dikatakan akan memudaratkan alam sekitar. Saya percaya bahawa kementerian harus mengambil langkah untuk mengganti ataupun mencari jalan alternatif dengan perkembangan ini. Jadi apakah pelan tindakan kementerian terhadap perkembangan yang terbaru ini? Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Majjol bin Mahap tadi berkenaan dengan projek jana kuasa berasaskan arang batu yang

hendak diusahakan di Pantai Timur Sabah telah mendapat tentangan dari segi alam sekitar, tetapi buat masa kini belum ada keputusan yang mutlak berkenaan dengan *proposal* tersebut.

Oleh kerana apa yang dikatakan dahulu berkenaan dengan cadangan di Tawau, yang di Tawau itu memang tak jadi tetapi pada masa ini Tenaga Nasional melalui ACSB sedang mencari lokasi yang lebih sesuai yang boleh dipersetujui oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk melaksanakan satu projek yang dapat menjanakan elektrik di Pantai Timur. Oleh kerana pada masa ini di Pantai Timur memang tidak wujud penjanaan elektrik yang boleh diharap dapat mengeluarkan *electricity* untuk Pantai timur sekiranya berlakunya sesuatu seperti mana yang kita tahu berkenaan dengan kegelapan yang terjadi di Sabah dalam bulan lepas. Diharapkan Kerajaan Negeri Sabah akan bersetuju dengan cadangan untuk menyediakan jana kuasa yang baru di Pantai Timur menggunakan arang batu untuk menjana kuasa di situ. Oleh sebab bahan-bahan api yang lain didapati tak mungkin dapat mengimbangi bahan api berasaskan arang batu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah ini dijangka akan mengambil masa sehingga lima tahun dan akan membolehkan pengguna-pengguna di Sabah menikmati bekalan elektrik yang mencukupi, berdaya harap dan berterusan. Sekiranya tidak kita akan mengalami situasi yang sedang dialami pada masa sekarang iaitu kurang bekalan elektrik di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung pula bertanyakan mengenai penggunaan tenaga solar di sekolah-sekolah di kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa berusaha untuk mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan sekolah-sekolah yang tidak mempunyai sambungan kepada gred elektrik mendapat bekalan elektrik. Antara usaha yang telah diambil adalah untuk memasang set penjana atau *generator set* atau dengan menggunakan sistem solar hibrid. Sehingga kini kerajaan telah membekalkan elektrik kepada 286 buah sekolah dengan menggunakan solar hibrid di bawah Program School Net. Langkah ini diambil memandangkan bekalan elektrik yang diperolehi daripada solar adalah lebih stabil, berdaya harap dan yang lebih penting harganya adalah berpatutan berbanding dengan penggunaan set penjana yang menggunakan diesel.

■ 1540

Pada masa yang sama Kementerian Pelajaran pula membekalkan set penjana kepada 280 buah sekolah di kawasan pedalaman Sarawak dan sistem solar *hybrid* kepada 78 buah sekolah di Sabah. Kerajaan akan terus berusaha untuk memastikan semua sekolah akan mendapat bekalan elektrik yang mencukupi untuk mengendalikan aktiviti.

Berkenaan dengan perkhidmatan air, Yang Berhormat Senator Maijol bin Mahap telah menyarankan supaya kerajaan mengambil langkah proaktif dalam menangani bekalan air bersih di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan liputan bekalan air bersih bagi negeri Sabah.

Di peringkat Kerajaan Persekutuan usaha ini dilaksanakan melalui dua kementerian iaitu kementerian ini bagi bekalan air di kawasan bandar dan pekan serta Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bagi program bekalan air luar bandar.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Sabah adalah di antara negeri yang mendapat keutamaan dari segi peruntukan untuk bekalan air. Bagi bekalan air bandar Kerajaan Persekutuan melalui kementerian ini telah memperuntukkan sejumlah RM1.3 bilion di bawah RMK-9 untuk berbagai projek bekalan air. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM1.07 bilion adalah untuk membiayai empat projek utama iaitu bagi kawasan Kota Kinabalu, Sandakan, Kudat dan Papar. Keempat-empat projek ini akan disiapkan dan mulai beroperasi menjelang tahun hadapan disasarkan boleh menampung permintaan bekalan air di kawasan-kawasan berkenaan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2020. Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Maijol bin Mahap:** Saya mohon laluan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih dengan usaha kementerian yang berterusan untuk memberikan tenaga elektrik dan juga bekalan air bersih di luar bandar.

Yang Berhormat telah mengatakan tadi tentang hasrat kerajaan atau usaha kerajaan untuk memberikan tenaga yang berbentuk solar. Saya ingin bertanya Yang Berhormat, adakah kementerian mencari jalan sumber lain seperti di Sabah memang ada tempat-tempat yang sesuai mungkin dikaji yang boleh kita bina *hydro power* dan juga *windmill* untuk memberikan sumber tenaga. Mungkin kementerian boleh kaji tentang kesesuaian supaya sumber lebih banyak dan tidak bergantung hanya kepada solar dan tenaga elektrik yang biasa, yang konvensional. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan penuaian angin ataupun penyediaan elektrik dari hidro. Pada masa ini saya tidak dapat pasti kerajaan ada menyediakan program untuk menuai angin untuk kegunaan elektrik di Malaysia, belum lagi. Namun berkenaan dengan hidro memang betul. Saya ingat pada tahun 80-an ataupun awal 90-an memang ada cadangan untuk menilai Sungai Diwagu di Telipot dan Ulu Agas. Oleh kerana sebab-sebab tertentu projek itu telah dihentikan dan pada masa ini. Saya percaya ACSB telah diarahkan untuk menyemak balik dua buah projek ini.

Diharapkan dari kajian hidrologi di kawasan tersebut nanti projek ini dapat dijalankan semula dan dapat menjana kuasa untuk negeri Sabah. Oleh kerana ini masih awal sangat dan oleh yang demikian saya sengaja tidak menyentuh dua buah projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua masalah bekalan air di Sabah memerlukan penyelesaian jangka masa panjang. Sehubungan dengan itu kerajaan telah membuat perancangan yang rapi dan menyeluruh bagi meningkatkan kecekapan operasi dan memperluaskan kawasan liputan perkhidmatan bekalan air di negeri tersebut.

Walau bagaimanapun pelaksanaan projek bekalan air bagi kawasan bandar dan pekan di negeri Sabah akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Memandangkan ianya memerlukan peruntukan kewangan yang tinggi. Dengan siapnya empat projek bekalan air utama bagi Kota Kinabalu, Sandakan, Papar dan Tawau sepertimana yang saya telah sebutkan tadi kerajaan akan memberi tumpuan pula untuk meningkatkan bekalan air di kawasan bandar kecil dan pekan-pekan di rancangan Malaysia yang berikutnya.

Menyentuh kandungan program televisyen swasta. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz binti Md Nawawi menyatakan kebanyakan filem yang ditayangkan di stesen televisyen tidak mencerminkan jati diri rakyat. Beliau mencadangkan agar filem yang bercorak ganas dan tidak menghormati ibu bapa tidak perlu ditayangkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang tepat untuk mengatakan semua rancangan yang disiarkan di stesen televisyen swasta sebagai tidak mencerminkan jati diri rakyat Malaysia, ganas serta tidak menghormati ibu bapa.

Ini disebabkan stesen-stesen televisyen dan radio swasta yang diselia oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia adalah dikehendaki menyiarkan kandungan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai masyarakat Malaysia sebagaimana yang ditetapkan dalam syarat-syarat lesen dan kod kandungan komunikasi dan multimedia. Di mana bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia, kebudayaan dan Agama Islam mesti diberi penekanan.

Di samping itu sebelum kandungan disiarkan ia perlu ditapis dan diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem atau LPF. Pihak LPF mempunyai garis panduan yang tersendiri untuk menapis kandungan program bagi memastikan bahawa penonjolan budaya agresif mahupun yang bertentangan dengan Islam sebagai agama rasmi tidak ditayangkan di negara ini. Bagi stesen..

■1550

**Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengikut pandangan Timbalan Menteri tadi bahawa filem

yang ditayangkan di stesen-stesen TV swasta mestilah mendapat kelulusan Lembaga Penapis Filem. Akan tetapi ada sebuah stesen swasta berbayar yang tidak mendapat kelulusan Lembaga Penapis Filem kerana mereka mempunyai lembaganya sendiri. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Tuan Yang di-Pertua, memang betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin tadi berkenaan dengan satu stesen televisyen yang berbayar dan saya akan sampai ke situ Yang Berhormat.

Bagi stesen televisyen berbayar Astro selain daripada kawal selia sendiri ataupun *self regulating*, kandungan yang disiarkan harus mematuhi Garis Panduan Penapisan bagi Astro yang telah diluluskan oleh kerajaan. Oleh kerana Astro belum lagi termasuk dalam peruntukan AKM 1998 dan bila Astro sudah masuk ke dalam AKM 1998 semua programnya akan ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem, tapi buat masa sekarang memang belum lagi. Jadi ianya dikendalikan sendiri. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** Saya pohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan cadangan yang saya kemukakan semasa perbahasan. Saya bukan mengatakan semua filem itu memang menjurus, melawan kepada nilai-nilai murni, tetapi dalam konteks ini saya pohon penjelasan daripada pihak kerajaan. Adakah kerajaan bercadang untuk mengharamkan terus filem-filem sedemikian, iaitu filem-filem yang mengajar anak-anak kita kurang ajar ataupun biadab?

Sebagai contohnya, filem yang ingin saya sebutkan namanya sebagai Jelatang yang disiarkan di TV negara kita, yang langsung sebenarnya tidak memberi pendidikan kepada rakyat tetapi lebih banyak memberikan nilai-nilai negatif. Adakah filem-filem seperti ini akan dibenarkan untuk disiarkan seterusnya kerana perkara ini memberikan impak yang amat buruk kepada remaja? Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tak berapa arif berkenaan dengan filem kerana jarang menonton filem dan jarang menonton televisyen dan sekiranya..., apa nama filem tadi? Jelata?

**Seorang Ahli:** Jelatang.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Jelatah? Saya pun tak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah Yang Berhormat. Macam sayalah bukan pernah tengok semua ini.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tak pernah tengok... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebab itu saya pun tak fikir.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Jadi berkemungkinan besar bahawa Yang Berhormat mengatakan bahawa ianya memang tak berguna dan menurunkan nilai-nilai

murni, tetapi kepada ibu bapa yang lain pandangan mereka mungkin berlainan. Dengan ini saya mengharapkan agar pihak penapisan filem merundingkan, adakah Jelatang ini patut ditayangkan ataupun tidak dan sekiranya tidak, saya harap Yang Berhormat boleh mencadangkan bagaimana filem ataupun program ini dapat diperbaiki.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Okey.

**Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn:** Saya faham dengan maksud Yang Berhormat Puan Mumtaz di sini. Saya juga difahamkan memang banyaklah isu-isu filem ini yang tidak dapat naluri ataupun sentuhan daripada seorang wanita kerana saya difahamkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin dan rakan-rakan lain bahawa jawatankuasa penapisan filem ini tidak ada yang terdiri daripada wanita. Jadi sentuhan seorang ibu itu tak ada! Jadi kalau boleh saya mencadangkan kalau ada peluang diberikan kepada wanita untuk duduk sebagai Lembaga Pengarah Penapisan Filem ini. Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Datin Paduka Nor Hayati. Saya akan membawa cadangan ini kepada menteri saya dan mengharapkan kita akan dapat keahlian dari kaum wanita.

Saya minta menyambung Tuan Yang di-Pertua. Selain dari apa yang telah saya katakan tadi saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sedang fikir mengapa tidak ada isu Kementerian Pengangkutan, tapi banyak sangat isu filem.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** [*Ketawa*] Semangat dan falsafah Akta Komunikasi Multimedia 1998 bukan sahaja mengambil kira pembangunan sektor komunikasi dan multimedia secara menyeluruh malah pengubalan akta ini juga dilihat sebagai pemangkin kepada pembentukan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai murni sejagat. Pihak SKMM sentiasa memantau rancangan-rancangan yang disiarkan dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya jika mendapati sebarang stesen penyiaran menyediakan kandungan yang bertentangan dengan syarat-syarat lesen serta garis panduan yang ditetapkan.

Berkenaan dengan penyalahgunaan Internet. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid dan Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun a/p Eam pula telah membangkitkan isu *blog*, penggunaan *internet dial-up*, dan jalur lebar serta penyalahgunaan Internet di kalangan pelajar.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, isu ini telah saya terangkan dalam jawapan saya kepada soalan nombor 7 pada 26 Mei yang lepas di Dewan yang mulia ini.

Untuk menjimatkan masa, saya tidak perlu ulang semula isu ini dalam penggulungan saya.

Namun demikian ingin saya nyatakan bahawa pada masa ini SKMM tidak dapat memastikan kategori pengguna yang terdiri dari pelajar atau orang awam yang terlibat dalam kes penyalahgunaan *internet* yang bersifat lucah dan ancaman, kerana kebanyakan menggunakan laman web yang berpangkalan di luar negara dan maklumat mereka disimpan oleh pengendali laman web tersebut. Manakala operator kafe siber pula tidak merekodkan maklumat atau log bagi setiap pengguna yang menggunakan komputer di premis perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan yang dapat saya beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Saya berjanji bahawa kementerian ini akan sentiasa mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan yang membina dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani semua masalah yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sukacita saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang baru untuk menjawab dan menggulung perbincangan.

**3.59 ptg.**

**Menteri Kesihatan [Dato' Liow Tiong Lai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian sepanjang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan negara menghargai kehadiran Yang Berhormat...

[Tepuk]

■1600

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian sepanjang berlangsungnya sesi perbincangan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja yang menyentuh tentang Kementerian Kesihatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Roslan Awang Chik yang meminta Kementerian Kesihatan memberikan penekanan terhadap gaya hidup sihat di kalangan rakyat negara ini terutamanya kepada kanak-kanak sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang menyokong penuh cadangan ini kerana ini amat penting dari segi kesihatan rakyat negara kita. Kerajaan telah memberi banyak

penekanan dalam bidang *curative*, saya rasa dalam bidang *preventive*, pencegahan ini amat penting dan kalau kita dapat meningkatkan kesedaran rakyat tentang gaya hidup sihat ini membawa kesihatan yang baik kepada keluarga. Ia akan mendatangkan banyak keuntungan kepada rakyat dan negara ini.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan sememangnya prihatin terhadap golongan kanak-kanak sekolah dan sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan dalam memelihara dan meningkatkan tahap kesihatan fizikal, mental dan sosial mereka sejak rancangan kesihatan sekolah dimulakan pada tahun 1967. Ini diperkukuhkan lagi dengan terlaksananya program bersepadu sekolah sihat sejak tahun 1997 yang melibatkan kerjasama berterusan oleh kedua-dua kementerian.

Kementerian Kesihatan juga sentiasa memberikan input teknikal dalam pembentukan kokurikulum mata pelajaran Sains dan Pendidikan Kesihatan dan Jasmani bagi sekolah rendah dan sekolah menengah. Selain daripada itu, Kementerian Kesihatan juga telah melaksanakan Kempen Gaya Hidup Sihat mulai tahun 2003 yang membawa tema Sihat Sepanjang Hayat. Kanak-kanak sekolah merupakan salah satu daripada kumpulan sasaran yang diberikan perhatian dalam kempen ini. Terdapat empat elemen penting dalam kempen iaitu:

- (i) makan secara sihat;
- (ii) makan secara seimbang, jangan makan gelojoh sangat;
- (iii) lakukan senaman dan aktiviti fizikal, jangan tak *exercise, please exercise everyday*;
- (iv) tidak merokok; dan
- (v) tangani stres, kena menangani stres kehidupan kita seharian.

Melalui kempen sebegini, adalah diharapkan ia akan dapat meningkatkan kesedaran dan pengetahuan tentang pentingnya gaya hidup sihat di kalangan pelajar-pelajar sekolah.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee yang meminta penjelasan kementerian berhubung peruntukan bagi program bantuan pembedahan jantung kanak-kanak di Hospital Narayana di India. Ingin saya nyatakan di Dewan yang mulia ini bahawa pembedahan jantung kanak-kanak yang akan dijalankan di India ini adalah kes-kes yang tidak dapat dijalankan pembedahannya di Malaysia, di mana kepakaran untuk melaksanakan pembedahan tersebut belum ada lagi ataupun masa menunggu yang begitu lama.

Tindakan ini merupakan langkah terakhir di mana pesakit telah menunggu terlalu lama dan pembedahan tersebut tidak dapat dijalankan di dalam negara ini. Saya nak

tekankan di sini dengan izin *the last result*, kita baru hantar ke luar negara.. Pembedahan jantung yang akan dijalankan ke atas pesakit pediatrik, menggunakan peruntukan sebanyak RM2 juta setahun adalah untuk pesakit dari golongan miskin yang mengalami masalah jantung kongenital, yang stabil tetapi kronik dan telah menunggu lama untuk pembedahan jantung mereka.

Kes-kes ini akan dilihat oleh pakar kardiologi dan pakar bedah jantung Kementerian Kesihatan terlebih dahulu. Sekiranya pembedahan tidak dapat dijalankan di dalam negara ini, pesakit akan dihantar ke Hospital Narayana Bangalore untuk dibedah. Pesakit terlebih dahulu dipastikan perlu cukup stabil untuk perjalanan ke luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Narayana Bangalore di India mempunyai tenaga kepakaran bedah jantung pediatrik yang berkemahiran tinggi serta dilengkapi oleh kemudahan yang mencukupi untuk tujuan rawatan setelah pembedahan. Kos pembedahan dan rawatan setelah pembedahan sehingga pesakit sembuh tanpa mengira jangka masa penyembuhannya telah diambil kira dalam kos untuk rawatan setiap pesakit yang dihantar dari Malaysia sebagaimana yang telah ditawarkan oleh hospital tersebut dengan kos siling adalah jumlah RM10,000 sahaja.

Hospital ini juga merawat pesakit-pesakit daripada negara lain selain daripada Malaysia iaitu negara di rantau Asia, dan negara Timur Tengah yang terdiri daripada Arab Saudi, Kuwait, Pakistan, Bangladesh, Afrika, Sri Lanka dan lain-lain. Oleh yang demikian Kementerian Kesihatan merasakan...

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Mohon laluan.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Biar saya habis ayat ini ya. Adalah rasional untuk menghantar pesakit ke Hospital Narayana Bangalore setelah mengambil kira semua faktor di atas. Sila.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan kita terpaksa menghantar rakyat kita ke luar negara untuk mendapatkan rawatan yang sesuai. Saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan turut sama memberikan perlindungan insurans kepada pesakit ini daripada tarikh bertolak sehingga tarikh pulang. Ini kerana sekiranya kita yang menghantar, ertinya kita bertanggungjawab sepenuhnya kepada pesakit ini dari masa sebelum dapat rawatan dan juga sehingga pulang ke Malaysia. Adakah kerajaan memberikan sebarang perlindungan insurans kepada pesakit ini? Terima kasih.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat. Memang apabila pesakit dihantar kepada hospital kerajaan, ia adalah di bawah jagaan kerajaan dan kita memberi tanggungan sepenuhnya ataupun tanggungjawab sepenuhnya. Kalau termasuk insurans, kalau perlukan, kita akan masukkan insurans sekali gus.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah ini adalah sebagai langkah jangka pendek sehingga Kementerian Kesihatan dapat meningkatkan keupayaan kita untuk memastikan bahawa hospital kita dapat menampung lebih banyak lagi pembedahan jantung pediatrik. Sekarang tiap-tiap tahun, sebanyak 2,000 anak-anak yang dilahirkan dengan masalah jantung, kongenital ini. Dalam satu tahun, kita tidak dapat membedah semua kanak-kanak ini.

Oleh itu kita perlu, kerana kita tak mahu mengalami *complication* bila anak membesar, dia perlu dibedah secepat mungkin apabila dia masih kanak-kanak. Oleh itu terpaksa kita mendapatkan bantuan daripada luar negara.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Mohon laluan?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab sendiri penggulungan hari ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bahawa kita mempunyai Institut Jantung Negara yang mana fokus kita ialah kepada mereka-mereka yang menghidap penyakit jantung. Saya difahamkan bahawa sumber kepakaran yang sedia ada di IJN ini mampu untuk melakukan pembedahan. Akan tetapi masalah yang mereka hadapi hari ini adalah tempat-tempat untuk melakukan pembedahan.

Mereka harus menggunakan tempat-tempat pembedahan seperti di hospital-hospital kerajaan, disebabkan di IJN *facilities* tidak mencukupi tetapi kepakarannya yang mencukupi. Tidakkah kerajaan bercadang untuk menggunakan RM2 juta itu daripada dihantar ke India, digunakan di hospital-hospital kerajaan menggunakan pakar-pakar daripada IJN dan menggunakan hospital-hospital kerajaan yang mempunyai tempat bedah yang sedia ada untuk membuat pembedahan ini. Terima kasih.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Wira. Memang Institut Jantung Negara merupakan satu institut jantung yang mempunyai kepakaran yang cukup tinggi bukan sahaja di Malaysia, ia ada di rantau juga memang banyak *referral* kes kita ke hospital Institut Jantung Negara.

Akan tetapi bilangan yang begitu tinggi, bilangan penyakit jantung, kita hanya ada 12 *cardiologist* sahaja. Dan kalau dikatakan kita tidak cukup tempat, memang kita hospital kerajaan mempunyai banyak tempat. *Operating theater* kita di Hospital Serdang banyak lagi yang ada kekosongan yang boleh membuatkan pembedahan-pembedahan jantung dan juga pembedahan apa juga dijalankan.

Masalah kita ialah kakitangan dan juga masa yang menunggu yang begitu lama. Oleh itu IJN sekarang dah masuk tahap, dah penuh dah orang kata dari segi beban kerjanya begitu tinggi sekali. Saya memang mengambil maklum apa yang dicadangkan

oleh Yang Berhormat tadi, bagaimana kita hendak meningkatkan lagi kapasiti Institut Jantung Negara kita.

**Tuan Majjol Mahap:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum pada itu. Setiap kali saya melalui Jalan Tun Razak berhampiran dengan Institut Jantung Negara. Saya melihat ada satu bangunan yang sedang dibina di sebelah bangunan yang sedia ada. Saya tidak tahu sama ada ini adalah satu usaha pihak institut untuk mengembangkan institut itu lagi dan menambahkan kemudahan-kemudahan di institut ataupun apa tujuan bangunan baru itu?

■ 1610

**Dato' Liow Tiong Lai:** Memang dari segi Institut Jantung Negara, saya tidak ada maklumat di sini sama ada itu bangunan Institut Jantung Negara ataupun hospital lain tetapi memang kita ada cadangan untuk memperbesarkan atau meningkatkan kapasiti Institut Jantung Negara. Ya, silakan Senator.

**Tuan Majjol bin Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin minta penjelasan mengenai dengan pembedahan juga ini. Saya memang tahu dan perhati bahawa di hospital-hospital kerajaan juga mempunyai masalah tentang pembedahan ini.

Saya nampak mereka ini mempunyai masalah pakar dan juga kemudahan sehinggakan pesakit-pesakit yang menghidap penyakit jantung diminta untuk menunggu walaupun sebenarnya sudah teruk keadaan dia dan 100% sudah blok jantung pun dia kata tunggu, sampailah seorang itu boleh meninggal dunia, pernah berlaku sahabat saya sendiri. Minta penjelasan Yang Berhormat, apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi masalah seperti ini kerana ia amat mustahak untuk rakyat juga, untuk mengatasinya. Terima kasih.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Majjol. Berhubung dengan masalah masa menunggu yang lama ini, ini adalah satu masalah yang serius dan saya sendiri mengambil serius masalah pesakit-pesakit jantung yang terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan pembedahan.

Oleh itu saya telah pun mengarahkan bahawa pada hujung minggu kita benarkan, kita berikan *extended hours* pembedahan, pada hujung minggu sekalipun sekarang tambah masa dan kita bagi elaun pada pakar-pakar bedah untuk jalankan pembedahan pada sebelah hujung minggu. Kalau dahulu dia hanya kerja sampai Jumaat, Sabtu tidak ada kes pembedahan, sekarang kita tambah. Sabtu kita benarkan dan kita bagi elaun, dan kita bagi tambahan lebih masa.

Kita akan lihat perkembangan ini dan kita akan cari jalan. Masalah yang sebenarnya adalah kekurangan *cardiologist* kita. Kita memang sangat kekurangan

kepakaran, *specialist*, seluruh negara kita hanya 1,800 *specialist*. Kita perlukan jawatan 3,600, *we are only 50% filled capacity*. Dari segi *specialist* memang kita amat kekurangan dan Kementerian Kesihatan akan mengambil usaha gigih untuk terus meningkatkan bilangan *specialist* dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim bin Sujak yang meminta kementerian supaya dapat mengambil berat tentang kebajikan anggota-anggota paramedik terutamanya dalam soal kenaikan pangkat, elaun dan gaji mereka, ingin ditegaskan bahawa pihak kementerian sememangnya mengambil berat dan sentiasa berusaha untuk menjaga kebajikan anggota paramedik yang berkhidmat di Kementerian Kesihatan.

Antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh kementerian ialah dengan mewujudkan lebih banyak jawatan kenaikan pangkat, melaksanakan penambahbaikan skim perkhidmatan antaranya dengan memperkenalkan skim perkhidmatan bersepadu ke atas skim perkhidmatan jururawat.

Kalau dahulu jururawat paling banyak dia naik pangkat sampai U36, dia tidak boleh masuk ijazah ataupun U41, sekarang kita sudah beri kelonggaran dan membenarkan mereka dapat naik pangkat sampai U41, sampai U48 sekalipun, *sister matron* boleh mendapat pangkat yang sebegitu tinggi sekali. So, saya rasa perkhidmatan bersepadu, Pembantu Perubatan, Juru X-ray dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran akan diberikan peluang untuk jawatan-jawatan kumpulan pengurusan dan profesional.

Selain daripada itu, kerajaan baru-baru ini telah mewujudkan elaun-elaun baru seperti elaun *post basic* bagi anggota paramedik yang mempunyai kelulusan *post basic* sebagai galakan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka.

Di samping itu juga, kerajaan telah meluluskan pemanjangan elaun kritikal untuk pembantu perubatan sebagaimana yang telah diterima oleh jururawat pada masa ini. Selaras dengan kenaikan gaji sektor awam pada tahun 2007, anggota-anggota paramedik juga turut menikmati kenaikan gaji sebanyak 25%. Oleh itu adalah jelas bahawa kementerian dari semasa ke semasa sentiasa memberikan perhatian serius kepada perkembangan kejayaan kerjaya anggota-anggota paramedik.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui telah meminta kementerian supaya dapat mendirikan sebuah hospital baru di bandar Kuching memandangkan Hospital Umum Sarawak di bandar Kuching yang sedia ada telah begitu sesak dan tidak dapat menampung keperluan penduduk Bandar Kuching di kawasan-kawasan sekitarnya yang ingin mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya baru pergi Sarawak dua hari lalu dan saya sendiri melawat hospital tersebut dan memang benar dia satu hospital yang cukup

lama, yang bersejarah dan memang sesak dan hospital ini memang di seluruh Kuching bilangan populasi bertambah dan hanya ada satu hospital besar dan Hospital Kuching mempunyai hospital *referral* daripada Hospital Sibul, Bintulu, semua datang ke Hospital Kuching dan saya faham tentang masalah di sini dan memang dalam Rancangan Malaysia Ke-9 tidak ada rancangan untuk bina hospital baru tetapi saya akan selepas saya melihat sendiri saya bersetuju bahawa Kuching memerlukan tambahan lagi satu hospital.

Oleh itu, saya akan masukkan dalam rancangan *the Mid Term Review* kali ini untuk membolehkan bandar Kuching yang semakin pesat membangun boleh mendapat lagi sebuah hospital baru. Silakan.

**Tuan Rawisandran a/l Narayanan:** Saya hendak sentuh sedikit mengenai lawatan Yang Berhormat ke Hospital Kajang baru-baru ini. Saya rasa keadaan ini pun lebih kurang sama seperti Yang Berhormat sebut tadi.

Hospital ini telah berusia lebih daripada 60 tahun. Kesesakan di wad pesakit pun terlalu teruk. Saya sendiri telah buat surat kepada Yang Berhormat dan Yang Berhormat telah membuat lawatan, saya mengucapkan terima kasih. Saya hendak tahu apa kedudukan yang sebenar Yang Berhormat.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Rawisandran yang telah pun begitu mengambil berat tentang masalah pesakit-pesakit di Hospital Kajang. Beliau sendiri tulis surat dan juga menjemput saya pergi Hospital Kajang. Apabila saya pergi, saya lupa pula jemput dia datang sama, saya minta maaf.

Tetapi yang penting sekali, saya telah membuat lawatan ke Hospital Kajang dan saya sendiri mendapati bahawa memang hospital ini juga memang menghadapi masalah yang sama dengan Hospital Kuching, satu keadaan yang begitu sesak sehinggakan tidak ada laluan yang cukup untuk pesakit-pesakit berjalan.

Bagi Hospital Kajang, buat sementara ini kita telah mengambil langkah-langkah untuk menghantar sebahagian pesakit ke Hospital Serdang kerana dari segi jaraknya tidak begitu jauh dan Hospital Serdang mempunyai kekosongan yang begitu banyak sekali. Kita mempunyai ruang yang besar, oleh itu kita sedang mengkaji dan saya telah arahkan pengarah jangan pindah sewenang-wenangnya tetapi pindah dengan berbincang dengan ahli-ahli Lembaga Pelawat, bincang dengan pemimpin-pemimpin tempatan agar mendapat persetujuan bagaimana kita hendak pindahkan sebahagian daripada bidang perubatan itu ke Hospital Serdang agar ruang di Kajang itu dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Sementara itu, kita juga mempunyai cadangan untuk meningkatkan lagi, membesarkan lagi sedikit Hospital Kajang ini agar dapat memuatkan perkhidmatan untuk penduduk-penduduk di Kajang. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua yang saya hendak

sampaikan. Akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan cadangan, pandangan dan teguran kepada pihak kementerian di sepanjang sesi perbahasan kali ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, silakan Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Penerangan.

**4.18 ptg.**

**Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Tan Lian Hoe]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Penerangan semasa Perbahasan Titah Ucapan Diraja di Dewan yang mulia ini.

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Sri Empiang Jabu yang memohon kerajaan mengadakan pendekatan yang terkini kepada rakyat dalam penghayatan kepada Rukun Negara. Kementerian Penerangan telah dan sedang melaksanakan kempen-kempen penghayatan Rukun Negara melalui semua jabatan dan agensi di bawahnya berserta jabatan dan agensi kerajaan yang lain.

■ **1620**

Pelbagai pendekatan terkini dirancang dan dijalankan melalui aktiviti komunikasi bersemuka, bahan bercetak dan pameran dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Mandarin dan Tamil. Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Latihan Khidmat Negara, KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan Jabatan dan agensi di bawah Kementerian Penerangan telah terlibat secara langsung dalam melibatkan semua golongan khususnya golongan muda dalam pelbagai aktiviti seperti pertandingan mewarna, debat, ceramah, pameran, seminar, perhimpunan sivik, khemah kerja, kelab setia wawancara, kuiz kenegaraan, forum, persembahan, peta ramah dan lain-lain lagi.

Mesej Rukun Negara juga diterapkan dalam program-program tahunan jabatan iaitu Pengisahan Kenegaraan, Dikir Barat Kenegaraan, Kembara Merdeka Jalur Gemilang dan Karnival Rukun Negara yang turut diadakan di seluruh negara. Kementerian Penerangan dengan kerjasama pihak swasta juga membantu menjayakan kempen penghayatan Rukun Negara melalui percetakan prinsip Rukun Negara di atas pakej produk masing-masing. Publisiti di media cetak dan elektronik juga amat luas dan melibatkan semua stesen televisyen dan radio termasuk stesen swasta.

Untuk merealisasikan semua rakyat Malaysia mengenali Rukun Negara dan menanam kesedaran terhadap pentingnya prinsip yang terkandung di dalamnya, kementerian berharap lafaz ikrar Rukun Negara dilafazkan selepas nyanyian lagu Negaraku dalam semua majlis rasmi kerajaan dan swasta.

Saya juga mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin dan Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, terhadap kandungan rancangan-rancangan televisyen di RTM.

Dari segi pengisian siaran televisyen, dasar RTM telah menetapkan 80% daripada rancangannya adalah terbitan tempatan sementara 20% nya lagi diisi dengan rancangan luar negara. Walau bagaimanapun pelaksanaannya dibuat secara berperingkat-peringkat dan pencapaian setakat ini ialah 75% rancangan tempatan dan 25% rancangan luar negara.

Pengisian sebanyak 75% rancangan tempatan adalah merangkumi 45% rancangan terbitan RTM dan 30% adalah rancangan yang ditawarkan kepada penerbit tempatan. RTM juga menyiarkan siaran langsung acara-acara negara, kempen-kempen kapsul dan *trailer* yang menyampaikan mesej kepada rakyat. Bagi menjawab soalan Senator Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī, RTM sentiasa berusaha menerbitkan rancangan-rancangan yang bersifat positif dalam memupuk nilai-nilai kekeluargaan. Penyiaran rancangan yang mempunyai konflik keluarga adalah bertujuan untuk menyedarkan masyarakat dalam membentuk nilai-nilai murni secara tersirat.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin membangkitkan tentang kod pakaian artis-artis di televisyen. RTM sememangnya mempunyai garis panduan etika pakaian artis yang mementingkan unsur kesopanan dan pakaian yang tidak menjolok mata dan bersesuaian dengan kod pakaian Islam. Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir mendakwa ketelusan kerajaan diragui rakyat di mana RTM tidak memainkan peranan penting di dalam menjelaskan kekeliruan kepada rakyat dalam Pilihan Raya Umum yang Ke-12 yang lalu.

Pelbagai bentuk rancangan telah disiarkan melalui televisyen dan radio untuk menerangkan dasar-dasar dan pembangunan negara kepada rakyat. Yang Berhormat Senator juga meminta RTM menjalankan tanggungjawab memberi penerangan kepada rakyat tentang sistem Parlimen Dewan Negara dan Dewan Rakyat di samping mengadakan siaran langsung sesi Dewan Negara. RTM menerusi rancangan berita, Bicarawara dan rancangan khas telah banyak dan akan terus menerbitkan rancangan-rancangan mengenai sistem Parlimen Dewan Negara, Dewan Rakyat.

Mulai tahun 2008 sidang Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara dapat diikuti secara langsung melalui RTM1 dari jam 10.00 hingga 11.00 pagi. Di samping itu rancangan Parlimen Hari Ini boleh diikuti dari jam 10.30 hingga 12.00 malam di RTM1. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan...

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Soalan saya

kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan ketelusan RTM mengadakan siaran langsung. Apa yang hendak saya katakan di sini bahawa RTM banyak memberatkan Dewan Rakyat sedangkan Dewan Negara kita kenali sebagai *Upper House*. Selalunya apabila Dewan Rakyat sudah habis barulah hendak menayangkan siaran langsung daripada Dewan Negara.

Saya memohon kepada kementerian dan juga kepada menteri yang bertanggungjawab supaya seadil-adilnya menyiarkan siaran langsung itu Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Seperti mana yang kita perkatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa apabila Dewan Rakyat bersidang Tuan Yang di-Pertua, kita melihat Parlimen Hari Ini daripada soal jawab, perbahasan sehinggalah bersama Ahli Parlimen, semuanya difokuskan kepada Dewan Rakyat.

Apabila Dewan Negara bersidang hari pertama, siaran langsung pun tidak diadakan di Dewan Negara. Jadi saya amat berharap pihak Kementerian Penerangan berlaku seadil-adilnya supaya rakyat dapat melihat dan menilai tatacara Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara dan Dewan Rakyat apabila berbahas dalam persidangan yang dilakukan. Terima kasih.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita akan ambil maklum dan kita tahu bahawa disebabkan kerana apabila Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara bersidang serentak, kadangkala kita menghadapi masalah dari segi tenaga. Kita akan ambil maklum dan kita akan pastikan bahawa iaitu adanya kesaksamaan dari segi apa yang dipohon. Setakat ini Ahli-ahli Dewan Negara juga telah pun dijemput untuk ditemu bual di RTM1. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih...

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Saya pohon laluan.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Sila.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan saranan tadi, adakah kerajaan berminat untuk menaja mana-mana pengusaha filem ataupun penerbit filem untuk menerbitkan rancangan drama berpendidikan untuk manfaat rakyat kerana setakat ini walaupun ada filem-filem yang ditayangkan ia bukanlah terbitan kerajaan. Jadi adakah kerajaan berminat untuk menaja filem sebegini dan adakah kerajaan juga bercadang untuk membuat saluran khas bagi menyiarkan keseluruhan persidangan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi tujuan tontonan ramai sebagaimana yang telah dibuat oleh negara-negara lain. Terima kasih.

**Dato' Tan Lian Hoe:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Setakat ini drama berpendidikan memang disiarkan di RTM dan saya ingat tidak perlu lagilah adanya untuk stesen-stesen ataupun pihak swasta menaja drama-drama yang berbentuk berpendidikan ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa untuk kita meneruskan siaran langsung Dewan Rakyat bersidang dan Dewan Negara bersidang, itu sedang dikaji oleh Kementerian. Selepas kajian itu kita akan maklumkan kepada rakyat di negara kita. Sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, saranan dan teguran mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Kementerian Penerangan dan semua ini akan diberikan perhatian yang sewajarnya oleh warga kementerian ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan. Seterusnya giliran Kementerian Sumber Manusia.

**4.29 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Noraini binti Ahmad]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih juga kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kamarudin bin Ambok telah membangkitkan isu mengenai kesukaran untuk membuat pemeriksaan secara manual dengan penambahan kilang.

■1630

Beliau mencadangkan supaya lebih ramai pemeriksa digaji. Beliau juga ingin tahu adakah pemeriksaan cara berautomasi atau secara lain dapat dilakukan selain daripada cara manual. Beliau juga mendapati pemeriksaan semula secara manual menjadi punca CF bagi lif dan eskalator lambat keluar walaupun pemeriksaan telah dibuat. Beliau juga mendapati terdapat lebih 2,000 kilang haram di Selangor dan meminta dan meminta Kementerian Sumber Manusia memastikan mesin yang dipasang di kilang-kilang berkenaan mengikut standard keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau JKKP, di bawah Kementerian Sumber Manusia telah dipertanggungjawabkan untuk membuat pemeriksaan ke atas kilang-kilang bagi memastikan tahap keselamatan dan kesihatan pekerja sentiasa terjamin dan tugas pemeriksaan kilang dan jentera dijalankan oleh seramai 555 pegawai teknikal JKKP. Walau bagaimanapun jumlah tersebut didapati tidak dapat mengimbangi kadar penambahan kilang pada masa ini.

Menyedari akan masalah kekurangan pegawai JKKP melalui KSM telah membuat permohonan tambahan kepada pihak JPA. Dengan penambahan anggota tersebut diharapkan akan dapat meningkatkan jumlah pemeriksaan kilang dan jentera dan seterusnya memantapkan keselamatan dan kesihatan pekerja di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan tahap keselamatan jentera yang dipasang seperti lif dan eskalator, JKPP menguatkuasakan peraturan-peraturan pemberitahuan perakuan kelayakan dan pemeriksaan kilang dan jentera di bawah Akta Kilang dan Jentera 1967 dan tiap-tiap kilang dan jentera perlu diperiksa secara berskala iaitu setiap 15 bulan dan pemeriksaan tersebut hendaklah dijalankan secara manual sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Buat masa ini tiada pemeriksaan yang dijalankan secara berautomasi. Pemeriksaan secara manual bukanlah punca kelewatan pengeluaran Sijil Kelayakan iaitu CF oleh JKPP tetapi disebabkan kekurangan kakitangan terutamanya kakitangan teknikal. Permohonan pegawai tambahan tersebut telah pun kami kemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk tindakan dan JKPP akan memastikan kelewatan tersebut dapat diatasi.

KSM juga melalui JKPP sedang mengkaji cadangan supaya pemeriksaan ke atas lif ini boleh dipertanggungjawabkan kepada orang-orang yang kompeten profesional yang berkelayakan dan juga diiktiraf dan sedang menyemak dan membuat pindaan ke atas perundangan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab majikan untuk memastikan mesin yang dipasang di kilang-kilang mengikut standard keselamatan yang diiktiraf sebagaimana peruntukan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994. Usaha sedang dibuat oleh JKPP untuk mendaftar kilang-kilang yang tidak mendaftar bukan sahaja di Selangor tetapi juga di negeri-negeri lain. Antara tindakan yang telah diambil oleh JKPP adalah menjalankan operasi pendaftaran secara berterusan bagi memastikan kilang-kilang tersebut didaftar dengan pemeriksaan permulaan dan ulangan supaya ia dapat dijalankan.

Dengan itu mesin yang dipasang di kilang-kilang berkenaan dapat dipastikan mengikut standard keselamatan yang telah ditetapkan dan selain daripada itu pihak JKPP juga mengadakan kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan bagi mengenal pasti kawasan yang mempunyai kilang yang belum berdaftar dengan JKPP.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah pula meminta supaya kerajaan membuat kajian terhadap rakyat Malaysia yang berumur 21 hingga 24 tahun yang tidak mahu bekerja dan mencari puncanya serta ke mana mereka ini semuanya pergi. Beliau juga menyarankan agar KSM dan KDN mewujudkan satu jawatankuasa penyelaras untuk membendung kemasukan pekerja asing yang sekarang ini sewenang-wenangnya datang ke Malaysia. Beliau juga meminta ditetapkan siling pekerja asing mengikut sektor tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, KSM melalui Jabatan Tenaga Kerja atau JTK, dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia telah menjalankan satu kajian yang dinamakan

“*Sikap Mencari Kerja Terhadap Pekerjaan*”. Kajian ini sebenarnya turut melibatkan golongan rakyat Malaysia yang berusia 21 hingga 45 tahun dan di antara hasil kajian tersebut, punca utama golongan ini tidak berminat adalah kerana faktor gaji yang kurang menarik dan pencari kerja lebih cenderung untuk memilih pekerjaan yang memberikan imbuhan yang lumayan sedangkan sesetengah daripada mereka tidak mempunyai apa-apa pengalaman mahupun kemahiran seperti yang diperlukan oleh pihak majikan.

Selain daripada itu, pencari kerja tempatan juga tidak cenderung untuk bekerja di sektor perladangan, pembinaan dan perkhidmatan yang dianggap kurang menarik. Pencari kerja tempatan lebih cenderung untuk memilih tempat pekerjaan yang lengkap infrastruktur dan persekitaran kerjanya pula mereka mahukan yang lebih selesa. Pemilihan tempat kerja ini juga dikaitkan dengan kemudahan yang lain seperti kemudahan pengangkutan, kemudahan asas lain yang utama. Ini yang menyebabkan pekerja di sektor ini sebahagian besarnya diambil oleh pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Penggajian Pekerja Asing atau JKKPA, pada 9 Oktober 2007 telah memutuskan supaya satu kajian mengenai keperluan sebenar tenaga kerja asing ini dilaksanakan secara bersama di antara KSM dan EPU untuk dibentangkan kepada JKKPA dan kajian ini juga akan mencadangkan siling pekerja asing mengikut sektor sehingga tahun 2015.

**Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas jawapan yang telah Yang Berhormat berikan berkenaan dengan statistik 21 hingga 45 tahun itu tetapi yang menjadi runsing kepada kita sekarang ini pihak pekerja wanita tidak bermasalah sangat oleh kerana kita tahu mereka ini ramai berada di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dan kalau bekerja pun mereka ini dapat kerja-kerja yang boleh dikatakan bergaji tinggi.

Namun yang menjadi masalah kepada kita pada hari ini ialah pihak kaum lelaki, iaitu anak-anak lelaki kita daripada umur 21 hingga 45 tahun ini, apakah mereka hendak buat sekiranya tidak hendak bekerja. Sektor-sektor yang sekarang ini banyak diambil oleh pihak pendatang ini adalah pekerja-pekerja bekerja di kawasan yang perlu di beri kepada anak-anak lelaki kita ini. Di situlah saya memerlukan jawapan oleh kerana masalah orang lelaki ini lebih meruncing daripada wanita. Terima kasih.

**Dato’ Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Saya mohon laluan, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak bagi? Silakan Dato’ Haji Kamarudin.

**Dato’ Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menjawab soalan tadi, saya menyatakan bahawa Kerajaan Negeri Selangor - Menteri Besar telah membuat *announcement* bahawa ada 2,000 kilang

haram. Jadi dalam soalan saya, saya bertanya kalaulah kilang itu sendiri haram maknanya mesin-mesin dan segala-galanya tidak didaftarkan. Jadi, saya tidak tahulah berapa banyak kemalangan telah berlaku di kilang-kilang haram ini.

Jadi, soalan saya tentang data itu..., *inspection* memanglah secara manual, tidak ada automasi untuk memeriksa jentera-jentera ini seperti boiler dan sebagainya, tetapi simpanan atau pangkalan data itu dibuat secara manual, dibuat dengan cara *manila card* lagi. Maknanya ada gunakan kad lagi, simpan dan ada pencari fail. Itu yang saya maksudkan. Kementerian ini sepatutnya menyediakan pangkalan data seperti kehendak semasa di mana jikalau ada berlaku kemalangan di sesebuah kilang itu boleh *print details immediately*, dengan izin mesin, seperti bila diperiksa dan sebagainya.

■1640

**Datuk Noraini binti Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya menjawab untuk Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah dahulu. Untuk remaja-remaja ataupun pekerja-pekerja lelaki, antara 21 hingga 45 tahun, kita pun sekarang ini juga maklum bahawa kebanyakan daripada mereka kalau kita tengok statistik di peringkat IPTA dan IPTS juga, kita dapati bahawa kebanyakannya adalah daripada golongan wanita dan selain daripada itu kita melihat juga di bawah Kementerian Sumber Manusia ini kita ada satu latihan kemahiran di institusi kami dan di sini kami lihat bahawa lebih kurang 70% ataupun 80% daripada pelajar-pelajar di institusi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang bercirikan kemahiran ini pula diisi oleh pelajar-pelajar lelaki.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada makan gaji ini, peluang untuk menjadi usahawan ini juga sangat ditekankan di dalam Kementerian Sumber Manusia bagi kita mendedahkan mereka ini selain daripada mencari pekerjaan, Selain daripada itu kita banyak juga bidang dan juga latihan yang boleh melahirkan usahawan yang diberi oleh Kementerian Sumber Manusia dan diharapkan juga tenaga lelaki yang di antara 21 hingga 45 tahun ini supaya yang satunya tidak memilih pekerjaan seperti dalam ucapan saya terdahulu, agar mereka ini menerima pekerjaan yang telah diberikan ataupun ditawarkan kepada mereka tanpa mereka memikirkan mengenai berapa banyakkannya gaji yang mereka dapat ataupun berapakah kemudahan-kemudahan lain. Itu untuk jawapan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah.

Juga tadi untuk jawapan yang akan diberikan kepada Yang Berhormat Dato' Kamarudin pula mengenai automasi ataupun Yang Berhormat ada mengatakan mengenai manila kad yang tadi masih ada lagi. Sebenarnya kita ambil maklum apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dan kita sedang dalam proses pun di mana sekarang ini semua maklumat ini kita akan buat secara lebih, bukan sahaja setakat manual tetapi cadangan pemeriksaan secara berautomasi ini, pangkalan data automatik ini juga kita mahu ianya supaya dipercepatkan ataupun diperbaiki daripada sebelum ini.

Akan tetapi kita juga akan ambil maklum cadangan-cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kamarudin dan kalau sekiranya perlu, kita akan bawa untuk kajian untuk memperbaiki apa yang kita ada di pihak kementerian, di pihak JKPP kami dan kalau sekiranya perlu, kita akan berikan jawapan lebih spesifik secara bertulis kepada Yang Berhormat. Izinkan saya untuk menyambung.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Datuk Noraini binti Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai penetapan siling pekerja asing, Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama EPU juga telah melaksanakan satu kajian berhubung dengan perkara ini dan hasil kajian ini sedang dimuktamadkan dan insya-Allah akan diumumkan setelah ianya selesai dimuktamadkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak juga ingin mengetahui cara untuk membantu siswazah menganggur dapat pekerjaan di negara luar dan contoh yang diberi adalah di Dubai. Beliau juga ingin tahu adakah mereka perlu fasih di dalam bahasa Inggeris. Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan ini, bukanlah menjadi dasar kerajaan untuk menggalakkan siswazah yang menganggur untuk mencari pekerjaan di luar negara.

Sebenarnya pelbagai langkah telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu siswazah menganggur mendapatkan pekerjaan di dalam negara ini. Sebagai contohnya, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja ada menganjurkan Karnival Pekerjaan di setiap negeri dan daerah dan ini sebenarnya amat memudahkan pencari kerja. Mereka hanya perlu mendaftar *online* bersama dengan ELX dan pendaftaran secara SMS.

Walau bagaimanapun, sekiranya mereka ini berjaya mendapat pekerjaan dengan pendapatan yang lebih lumayan di luar negara, kerajaan tidak ada halangan dan KSM tidak menyediakan perkhidmatan secara terus bagi membantu para pekerja mencari pekerjaan di luar negara. Penghantaran pekerja-pekerja tempatan ke luar negara diuruskan oleh agensi-agensi pekerjaan swasta yang berlesen yang telah mendapat kelulusan Jabatan Tenaga Kerja. Buat masa ini terdapat 51 agensi pekerjaan swasta yang telah diberi kelulusan bagi membolehkan mereka menghantar pekerja ke luar negara dan berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh agensi ini pada tahun 2004, seramai 386 orang telah dihantar ke luar negara, manakala sehingga 30 September 2008, seramai 179 orang juga telah dihantar ke luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Roslan bin Awang Chik mendapati jumlah pekerja asing di negara ini telah meningkat kepada 2.5 juta dan mendapati implikasi daripada kemasukan pekerja asing menjadi bebanan kepada kerajaan dalam pelbagai aspek. Beliau ingin tahu adakah benar negara sangat

memerlukan tenaga pekerja asing di pelbagai sektor pekerjaan di Malaysia dan adakah ini berdasarkan kepada Dasar Pekerjaan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini negara masih memerlukan tenaga pekerja asing terutamanya di sektor utama seperti perladangan, pertanian, pembinaan dan pembuatan, juga di dalam bidang perkhidmatan dan pembantu rumah yang tidak dapat dipenuhi oleh pekerja tempatan. Sehingga 30 April 2008, bilangan pekerja asing yang bekerja di negara ini adalah seramai 2.12 juta orang bagi kategori separa mahir dan tidak mahir dan keperluan kepada pekerja asing ini adalah bersifat sementara sehingga negara mempunyai jumlah tenaga kerja tempatan yang mencukupi untuk memastikan sektor perindustrian dan pertanian dapat beroperasi dengan lancar dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Lee Sing Chooi telah mencadangkan supaya ditetapkan gaji minimum untuk pemandu bas dan beliau turut meminta supaya dikaji semula gaji minimum yang lebih tinggi kepada pemandu bas ekspres. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah bersetuju untuk mengkaji keperluan untuk menetapkan gaji minimum bagi pemandu bas termasuk pemandu bas ekspres dan berikutan daripada itu, tiga suruhanjaya siasatan bagi pemandu kenderaan perkhidmatan awam di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah ditubuhkan bagi memenuhi keperluan kajian ini dan kajian tersebut apabila siap akan memberi manfaat kepada lebih 80 ribu pemandu bas yang sedia ada di Malaysia pada waktu ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir ingin tahu sama ada KSM dirujuk sebelum Kementerian Dalam Negeri meluluskan permohonan kemasukan pekerja asing. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, buat masa ini urusan kelulusan permohonan kemasukan pekerja asing ke negara ini dibuat melalui pusat kelulusan setempat di Kementerian Dalam Negeri.

Setiap permohonan pengambilan pekerja asing oleh majikan akan dikaji dahulu dirujuk kepada KSM untuk tujuan pendaftaran kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan untuk dipenuhi oleh pencari kerja rakyat tempatan sebelum dikemukakan kepada KDN untuk pertimbangan dan KSM akan hanya mengeluarkan surat kelulusan bersyarat *Electronic Labor Exchange* atau ELX, kepada majikan setelah usaha mendapatkan calon tempatan tidak berjaya dan surat kebenaran ELX ini merupakan prasyarat wajib yang perlu dipenuhi oleh majikan sebelum sesuatu permohonan kemasukan pekerja asing dapat diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Sumber Manusia di Dewan yang mulia ini, yang tidak sempat saya menjawab dalam masa...

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Minta laluan.

**Datuk Noraini binti Ahmad:** Okey, Yang Berhormat, silakan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menyentuh berkaitan satu ciri ataupun jurusan pekerja-pekerja asing ini di bawah pegawai keselamatan.

■1650

Kita melihat bahawa pegawai-pegawai keselamatan di kondominium-kondominium, bank-bank ataupun hotel-hotel di mana mereka ini menjadi pegawai keselamatan.

Ada dua aspek yang ingin dapat penjelasan. Satunya dari segi keselamatan itu sendiri. Adakah mereka-mereka ini yang diambil sebagai pegawai keselamatan ini mempunyai rekod-rekod tanpa jenayah di negeri-negeri ataupun negara masing-masing.

Keduanya, tidakkah ianya mungkin ada yang dapat kebenaran untuk memegang senjata-senjata api. Jikalau ini berlaku, tidakkah mungkin ianya membawa satu benda yang tidak baik atau tidak diingini pada masa-masa yang akan datang jikalau mereka ini mempunyai rekod-rekod jenayah di negara masing-masing. Apakah penjelasan yang dapat diberi? Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi bagi pegawai keselamatan yang berada di kondominium terutamanya daripada pekerja-pekerja asing. Adakah mereka tidak mempunyai rekod jenayah ataupun mereka ini mempunyai lesen untuk memegang senjata api.

Bagi pihak Kementerian Sumber Manusia, kami tidak ada maklumat mengenai syarikat-syarikat ini kerana ianya dibuat secara terperinci ataupun makluman ini adalah terlampau terperinci. Walau bagaimanapun, kita memang sentiasa mahu menggalakkan syarikat-syarikat *security* yang mengambil *security guard* dengan izin, ini agar menggunakan tenaga-tenaga kerja daripada pihak-pihak tempatan.

Kita pun di bawah elektronik ataupun ELX, juga ada menawarkan ataupun memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang memerlukan *security* atau orang untuk memohon untuk menjadi *security guard* ini agar dapat mengambil mereka-mereka ini.

Walaupun bagaimanapun, untuk makluman Yang Berhormat, semua pengawal keselamatan terutamanya pekerja-pekerja asing ataupun daripada tenaga warga asing ini sebenarnya mereka ini di bawah Jabatan Keselamatan, KDN iaitu mesti mendapat kelulusan daripada Kementerian Dalam Negeri sebelum mereka ini dilesenkan atau diberi lesen untuk berada di negara kita menjadi pengawal keselamatan.

Sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Bagi yang tidak dapat saya ataupun tidak sempat untuk saya menjawab kerana masa begitu singkat saya ingin memaklumkan bahawa kementerian saya sangat menghargai segala teguran, komen, cadangan, dan

juga pandangan daripada semua pihak. Ini semua adalah satu teguran dan cadangan yang begitu membina dan kami akan ambil segala perhatian dan juga tindakan sewajarnya terhadap isu dan cadangan yang dikemukakan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sebelum daripada itu, Dewan Negara ingin mengalu-alukan dan menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri untuk menjawab soalan dan sekali gus mengalu-alukan Menteri Belia dan Sukan. Terima kasih.

**4.54 ptg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Shahrir Abdul Samad]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, izinkan saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih di atas alu-aluan yang telah diberikan kepada saya sebagai dalam urusan tugas saya untuk memberi jawapan kepada perkara-perkara yang telah ditimbulkan dalam perbahasan kepada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini.

Seperti biasa, memangnya pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator merupakan asas kepada kita untuk cuba meningkatkan dan menambahbaikkan kerja dan tanggungjawab kementerian khususnya bagi hal-hal Ehwal Perdagangan Dalam Negeri dan juga Hal Ehwal Pengguna.

Tambahan lagi, di dalam suasana hari ini di mana sudah pasti kita semua sedia maklum, Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dan negara sedia maklum di mana kenaikan harga barang-barang sudah diterima sebagai satu isu yang besar dan harus mendapat perhatian daripada pihak pemerintah bagi menangani masalah ini khususnya dari segi untuk mengurangkan beban yang bakal dipikul oleh rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.

Dalam soal ini, tentunya Dewan yang mulia ini sedia maklum bagaimana perbelanjaan daripada kewangan negara tertumpu begitu besar kepada soal memberi subsidi yang besar kepada bahan api yang merupakan satu asas yang penting daripada barang-barang yang lain dalam keadaan ekonomi negara kita.

Jumlah subsidi yang dianggarkan bagi tahun ini berasaskan kepada harga minyak mentah di pasaran dunia ialah sebanyak RM56 bilion. Angka ini boleh lagi meningkat kalaulah sekiranya harga minyak di peringkat dunia turut meningkat kepada satu paras yang tidak pernah kita terfikir akan berlaku.

Hari ini, harga minyak di dunia sudah pun sampai kepada USD136 dan sudah tentu beban kepada perbelanjaan subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan yang sebenarnya merupakan juga kewangan negara dan rakyat akan meningkat. Seperti mana yang saya katakan sebentar tadi telah dijangka akan menjadi sebanyak RM56

bilion iaitu kalau perbelanjaan itu dalam setahun melebihi daripada perbelanjaan kerajaan di dalam pembangunan negara itu sendiri.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan Tuan Yang di-Pertua, kami jangka ianya setakat RM20 bilion setahun dari segi perbelanjaan pembangunan. Ini bermakna dalam lima tahun yang berikut ialah sebanyak RM200 bilion dalam jangka masa lima tahun.

Oleh sebab keadaan ini begitu meruncing dan sudah tentulah pertimbangan kita lebih tertumpu juga kepada soal kenaikan harga barang-barang. Kenaikan harga barang-barang merupakan juga soal yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, saya ingin nyatakan bahawa usaha-usaha yang biasa dilakukan dari segi kerja-kerja pemantauan, pemeriksaan, pendakwaan kepada pihak-pihak yang telah menyalahi akta-akta yang ada berkaitan dengan harga barang-barang atau bekalan barang-barang terutamanya barang-barang kawalan sama ada kawalan harga atau kawalan bekalan akan kita teruskan.

Namun demikian, kita berhadapan dengan keadaan yang baru iaitu kita perlu juga memperuntukkan perbelanjaan kerajaan bagi tujuan subsidi bagi barang-barang keperluan. Di antaranya kita melihat bahawa bagi tepung gandum guna am menerima subsidi dan juga roti putih juga turut mendapat subsidi daripada kerajaan untuk mengekalkan harga mereka kepada satu paras yang munasabah.

Apabila pula dilaksanakan satu dasar untuk menyeragamkan harga barang-barang keperluan ini yang bersubsidi dan dikawal harganya supaya harga mereka di Semenanjung, Sabah dan Sarawak diseragamkan sekali, ini juga akan memerlukan tambahan daripada peruntukan kerajaan untuk memberi subsidi bagi mencapai matlamat itu.

#### ■1700

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun mengambil tindakan yang agak berbeza kali ini, di mana barang-barang binaan telah dikeluarkan daripada senarai barang yang dikawal harga...

**Dato' Haji Kamarudin bin Ambok:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada menteri. Saya ingin bertanya, negara kita juga pengeluar minyak dan gas. Jadi dengan kenaikan harga per *barrel* ini, satu dolar per *barrel* ini, berapakah keuntungan yang kita peroleh. Terima kasih.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh memberikan perbezaan dari segi angkanya yang tepat tetapi mungkin boleh kita mengambil sebagai perbandingan di mana pengeksportan barang-barang gas, minyak

dan produk-produk daripada gas dan minyak bagi tahun 2007, hanyalah dalam lingkungan RM77 bilion. Itu pada tahun 2007. Bermakna bahawa daripada tahun 2008 mungkin ia akan meningkat sama dengan peningkatan harga di dunia.

Kalau kita lihat daripada tahun 2007, dengan jumlah eksport barangan gas dan minyak ini, sejumlah RM77 bilion, bandingkan pula dengan jumlah subsidi yang diberikan dan disampaikan kepada bahan api. Saya rasa kita lihat bahawa perbandingannya ialah RM35 bilion daripada subsidi tahun lepas bagi bahan api, dengan jumlah pengeksportan hanya sebanyak RM77 bilion. Bermakna tidak adanya perbezaan yang begitu ketara. Ia hanya dalam kadar satu atau dua kali ganda kepada jumlah perbelanjaan subsidi kita. Kalau dilihat kepada nilai pengeksportan barang-barang yang sama.

Yang kedua harus juga kita boleh mengambil sebagai satu kiraan, dari segi rizab minyak kita. Minyak kita sebagai satu ukuran. Rizab minyak kita berasaskan kepada per kapita. Walaupun kita mempunyai rizab minyak sebanyak 3 bilion tong, dan Brunei mempunyai rizab yang hanya 1 bilion tong, tetapi apabila ditukarkan asas kepada rizab minyak per kapita, kita di Malaysia hanya mempunyai 106 tong minyak per kapita berbanding pula dengan Brunei yang mempunyai penduduk yang kurang, iaitu seramai 200,000, rizab per kapita mereka ialah 270,000 tong bagi setiap penduduk Brunei.

Jadi bermakna, negara kita ini terletak di kalangan negara-negara yang tidak jauh bezanya dari segi rizab minyak per kapita seperti Australia ataupun United Kingdom yang mempunyai rizab per kapita sebanyak 70 atau 80 tong semata-mata. Kalau digunakan asas harga dunia kepada 106 tong per kapita ini, bermakna setiap rakyat Malaysia mungkin hanya mempunyai RM100,000 atau pun RM70,000 dari segi nilai simpanan minyak, rizab minyak yang ada.

Jadi bermakna bahawa, walaupun kita mengeksport minyak dan mengeksport gas, tetapi subsidi yang kita belanjakan sebenarnya satu beban yang tidak boleh kita elak. Dalam jangkaan kita, haruslah kita juga menggalakkan satu sistem atau suasana ekonomi di mana sumber yang penting ini digunakan dengan lebih baik, lebih berjimat dan lebih efisien supaya ia membawa faedah dan manfaat kepada negara yang sebenar.

Tadi Tuan Yang di-Pertua, saya telah beralih kepada soal subsidi kepada bahan kawalan kepada bahan-bahan binaan dan di mana kerajaan telah membuat keputusan untuk menarik keluar bahan seperti besi keluli dan juga simen daripada senarai bahan-bahan yang dikawal harganya dan juga dikawal bekalannya. Ini bertujuan untuk meliberalisasikan sektor pembinaan ini supaya kita tidak terasing daripada harga yang sebenar kepada bahan-bahan binaan yang penting ini. Dan ke arah ini walaupun ia menimbulkan satu keadaan paras harga yang tinggi, tetapi sambil kita meletakkan sektor ini kepada satu sektor yang liberal dan terbuka, pendekatan kementerian hari ini dan juga akan dibawakan kepada kerajaan ialah usaha kita untuk mengadakan satu akta yang

baru, Akta Perdagangan Adil atau *Fair Trade Act* yang boleh mengawal pemain-pemain atau pengusaha-pengusaha yang tidak begitu ramai, supaya mereka tidak pula melakukan perbuatan dan tindakan perdagangan yang boleh memudaratkan sistem atau keadaan ekonomi dalam negara kita.

Jadi itu merupakan satu perubahan dan pembaharuan yang sudah dilakukan oleh pihak pemerintah untuk menjadikan sektor pembinaan ini satu sektor yang liberal, satu sektor yang terbuka, yang boleh juga melihat pengimportan kepada bahan-bahan binaan ini untuk mendapatkan satu harga yang tepat bagi bahan-bahan binaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ada Ahli Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang yang telah menimbulkan tentang soal penipuan gores dan menang. Iaitu merupakan satu masalah yang dihadapi oleh para pengguna. Suka saya nyatakan di sini bahawa sememangnya ia merupakan satu perkara yang serius kerana penipuan melalui gores dan menang merupakan satu yang menjejaskan keyakinan para pengguna, dan penipuan kepada para pengguna.

Melalui Akta Jualan Langsung tahun 1993, kementerian menguatkuasakan tindakan ke atas mana-mana syarikat atau orang perseorangan yang menganjurkan peraduan atau aktiviti gores dan menang semata-mata untuk menipu pengguna dan pada tahun 2006, sebanyak 28 serbuan telah dijalankan, menghasilkan 20 kes dengan nilai sitaan sebanyak RM340,096 dan pada tahun 2007, melalui 66 serbuan yang dijalankan, telah menghasilkan 60 tindakan kes dengan jumlah sitaan ke atas barangan bernilai RM1,291,125, dan dari bulan Januari 2008 ini hingga pertengahan bulan Mei tahun ini juga, sebanyak 22 kes telah dihasilkan melalui 24 serbuan, dengan nilai rampasan sebanyak RM793,938.

Jadi bermakna bahawa kementerian mengambil berat tentang usaha ataupun perdagangan secara gores dan menang dan penipuan ini sungguhpun tindakan kita telah ditingkatkan, ia masih berlaku dan sukar dibendung kerana pengguna mudah terpedaya dan terpengaruh dengan hadiah-hadiah lumayan yang dijanjikan dan kegiatan gores dan menang ini, bukan dijalankan di satu-satu tempat yang tetap sebaliknya berlaku di merata-rata tempat sama ada di kawasan bandar ataupun luar bandar. Oleh hal demikian, kerjasama daripada semua pihak terutamanya orang ramai memberi maklumat dan aduan kepada kementerian, amat dialu-alukan bagi memudahkan kementerian memantau dan mengambil tindakan kepada syarikat atau individu yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian...

**Tuan Khoo Soo Seang:** Minta laluan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat.

## ■1710

Saya dapati bahawa walaupun ada kes yang diadukan kepada pihak polis dan ada bukti, tapi syarikat-syarikat yang berkenaan khususnya di Johor Bahru, mereka masih berterusan setiap hari terutamanya di *supermarkets* di Johor Bahru seperti di *Jusco* dan sebagainya. Seolah-olah kita langsung tidak boleh buat tindakan.

**Dato' Shahrir Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan bahawa usaha ini yang dilakukan oleh syarikat ataupun individu yang berkenaan masih dan tetap berterusan, kerana sudah pasti ianya merupakan satu kegiatan yang memberi keuntungan yang baik kepada penganjur-penganjur kegiatan ini.

Sungguhpun serbuan demi serbuan telah dilakukan, tetapi masih lagi ada keadaan dan kes di mana pengguna ditipu dan mereka menjadi mangsa kepada keadaan gores dan menang. Ini bermakna kepada saya Tuan Yang di-Pertua, bahawa pendedahan kepada pengguna harus ditingkatkan lagi. Kita tak boleh hanya melihat kepada satu keadaan di mana sentiasa bergantung semata-mata kepada kawalan atau tindakan pihak pemerintah, tetapi juga pihak pengguna harus menyedari bahawa kes seperti ini ataupun tindakan kegiatan ini sebenarnya masih berterusan dan ia boleh membawa penipuan kepada para pengguna.

Saya pasti bahawa, walaupun kita lihat daripada angka-angka serbuan, dakwaan yang dibuat, penangkapan, sitaan yang dilakukan, kompaun yang dibayar semakin meningkat semuanya dari tahun 2006 sampai 2007. Pada awal tiga bulan tahun ini pun kita lihat bahawa ia sudah pun menjadi hampir 80% daripada jumlah denda yang dikenakan pada tahun lalu. Ia menunjukkan tindakan yang begitu meningkat kerana kumpulan yang melaksanakan kegiatan ini tertarik kepada keuntungan yang mereka peroleh daripada skim ini.

Maka itu, ianya merupakan satu usaha yang hanya boleh kita jayakan kalau tidak ada lagi permintaan, sambutan daripada para pengguna itu sendiri. Jadi sebab itulah soal pendidikan dan pengguna merupakan satu aspek yang mustahak, dan saya lihat bahawa pendedahan kepada isu ini memang meluas. Itu yang satu saya pelik! Dari segi media, pihak media memberi liputan yang begitu meluas bagi kegiatan gores dan menang ini terutamanya dalam media Cina. Begitu luas diberikan liputan. Namun demikian, ia masih merupakan satu kegiatan yang sukar untuk kita banteras. Walaupun begitu, saya bersetujulah bahawa usaha daripada pihak kementerian harus kita tingkatkan. Sungguh pun kita boleh katakan ia berjaya, tetapi ia nampaknya perlu ditingkatkan untuk menentukan supaya ia dapat dibendung. Akan tetapi saya berharap dan percaya bahawa perkara ini akhirnya hanya boleh dibendung apabila pengguna kurang berminat kepada skim gores dan menang ini.

Tuan Yang di-Pertua saya tidaklah mempunyai perkara-perkara lain yang hendak saya tambah kepada perbahasan dan pandangan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Saya ucapkan sebanyak-banyak terima kasih, dan saya percaya bahawa kalau saya datang sekali lagi, saya tetap mendapat alu-aluan daripada pihak Dewan yang mulia ini. Saya percaya ini merupakan sebahagian daripada kebiasaan kita dalam menguruskan Sistem Parlimen kita dengan memberi perhatian yang sama, bukan sahaja kepada Dewan Rakyat tetapi juga Dewan Negara yang sebenarnya merupakan *consent* kepada negara. [Tepuk]

Yang Berhormat telah memberi pandangan, pendapat bukan kerana kepentingan politik atau bukan kerana kepentingan peribadi atau kepentingan kumpulan-kumpulan yang tertentu, tetapi memberi pandangan dan pendapat sebagai Yang Berhormat Senator, memberikan nasihat, sebagai golongan yang boleh dikatakan "orang tua". Memberi nasihat kepada bukan sahaja negara, tetapi juga pastinya kepada pemerintah untuk menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan lagi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat yang akan memberi jawapan dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kalau tak ada saya dahulukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan kita akan pergi mengikut giliran sehingga wakil daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah masuk semula ke Dewan. Silakan Yang Berhormat.

**5.16 ptg.**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah membangkitkan isu-isu yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Diraja di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut isu, dimulai dengan isu perumahan diikuti dengan kemiskinan bandar, pengurusan sisa pepejal dan akhir sekali pihak berkuasa tempatan.

Mengenai isu penyerahan rumah Program Perumahan Rakyat di Lembah Klang kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee. Kementerian ingin memaklumkan bahawa mulai tahun 1998 sehingga 2007, sebanyak 20 projek melibatkan 27,102 unit PPR telah siap dibina dan diserahkan untuk diurus tadbir oleh DBKL. Daripada

jumlah tersebut sehingga bulan Mac 2008, sebanyak 20,656 unit telah pun diisi. Baki unit-unit yang belum diisi adalah sebanyak 6,446 unit dan pihak DBKL sedang dalam proses penawaran dan pengisian.

Mengenai PPR Seri Alam, Jalan Lapangan Terbang Lama yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali, KPKT ingin memaklumkan bahawa projek ini telah siap secara fizikal tetapi belum diserahkan kepada DBKL atas sebab masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan. Projek ini dijangka dapat diserahkan kepada DBKL pada bulan Oktober tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman, supaya Seksyen 11 Akta Kemajuan Perumahan dipinda dan diperketat penguatkuasaannya bagi menangani isu projek terbengkalai. Adalah dimaklumkan kementerian berpandangan bahawa akta ini, Akta Kemajuan Perumahan Kawalan dan Pelesenan 1966, Akta 118 dan peraturan-peraturan sedia ada, mempunyai peruntukan-peruntukan mencukupi dan memastikan pemaju melaksanakan projek dan menjalankan tanggungjawab mereka.

Sehubungan dengan itu, kementerian telah mengambil beberapa langkah seperti mempergiatkan pemantauan ke atas kemajuan perumahan melalui pemantauan kemajuan fizikal projek, menerusi laporan kemajuan projek, serta lawatan ke tapak projek dan pemantauan kedudukan kewangan melalui semakan ke atas akaun pemaju perumahan, serta laporan kewangan beraudit syarikat. Bagi memperkukuhkan dan mempertingkatkan kawalan dan pemantauan ke atas pemaju perumahan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Akta 118 juga telah dipinda dari semasa ke semasa dan pindaan terakhir telah berkuat kuasa pada 12 April 2007.

Kementerian akan meneliti cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kajian semula ke atas kenaikan jumlah pertaruhan mengikut saiz nilai sesuatu projek yang dilaksanakan, dan kesannya terutama ke atas pemaju-pemaju perumahan kecil dan sederhana yang mengusahakan pemajuan perumahan.

#### ■1720

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook dari tahun 1990 hingga 2007 terdapat 270 projek perumahan terbengkalai membabitkan 88, 769 unit rumah dan nilai jualan sebanyak RM8.457 bilion. Daripada jumlah tersebut 118 projek telah siap dengan sijil layak menduduki...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Dato' Yip.

**Dato' Yip Kum Fook:** Jawapan itu saya telah bangkit ada kesilapan kerana saya hanya bertanya apakah jumlahnya projek terbengkalai dari mula sampai sekarang. Jangan bagi saya tahun 1990 sehingga 2007. Apa terjadi kepada projek sebelum 1990? Terima kasih

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Dato Yip. Ini hendak marah saya ini pasal apa? Petang-petang Yang Berhormat, dah 5.20 petang ni Yang Berhormat. Tahun 1990 yang kita ambil kira adalah kerana segala maklumat sebelum tahun 1990 tidak dapat kita kemukakan; kerana kebanyakan daripada projek-projek terbengkalai adalah bermula daripada tahun tersebut. Iaitu apabila terdapat masalah ekonomi negara.

Oleh sebab itu, kebanyakan daripada projek-projek tersebut kita ambil kira mulai pada tahun 1990 sebelum daripada itu tidak banyak projek-projek terbengkalai. Sebab itu apa yang saya jawab di sini adalah mengikut data-data yang telah pun dikemukakan kepada kita daripada tahun 1990. Jadi kalau Yang Berhormat ingin saya jawapan keseluruhannya saya baca, kalau tidak itulah jawapan kalau Yang Berhormat hendak.

Walau bagaimanapun saya hendak bagi tahu bahawa selepas tahun 2002 dan kita perketatkan Akta 118 tersebut, hanya dua projek sahaja yang terbengkalai mulai tahun 2002 hanya dua projek yang terbengkalai. Sebab itu menunjukkan bahawa apa yang saya sebutkan tadi, masalahnya adalah masalah kewangan yang tergendala sebelum tahun 1990. Selepas daripada itu tidak banyak lagi kerana kita telah pun memperketat melalui Akta 118 tersebut.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahun Yang Berhormat apakah definisi projek terbengkalai daripada Kementerian Perumahan dan apakah tindakan yang diambil terhadap pemaju dan adakah Kementerian Yang Berhormat ini kata orang Penang "gempak" saja tapi tiada tindakan diambil. Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua ini saya hendak bagi tahu sebenarnya akta yang diluluskan adalah akta yang telah diluluskan oleh Yang Berhormat sendiri dalam Dewan Negara ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau kita kata pemantauan, penguatkuasaan adalah mengikut undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Negara ini. Maka tidaklah bermakna 'gempak' daripada kerajaan ataupun daripada Kementerian, 'gempak'.

Jadi saya hendak bagi tahu apakah definisi projek terbengkalai. Bila kita kata projek terbengkalai kita kena ikut bahawa ini adalah projek perumahan terbengkalai. Ini yang kadang-kadang kalau orang tidak faham projek ini macam-macam projek terbengkalai Yang Berhormat. Kalau projek perumahan terbengkalai dalam akta yang telah pun diberikan, kuasa yang diberikan kepada kementerian ini.

Projek-projek yang terbengkalai pula mestilah projek yang telah pun ditandatangani ada *Sales and Purchase Agreement* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Selepas enam bulan daripada itu masih lagi tidak dapat diserahkan kepada pembeli-pembeli maka dalam kuasa 118 yang diberikan kepada kementerian, kementerian boleh

mengumumkan projek itu sebagai terbengkalai. Mengikut akta tersebut, kalau selepas enam bulan masih lagi orang bekerja di dalam kawasan perumahan tersebut maka itu tidak namakan terbengkalai dia dinamakan lewat Tuan Yang di-Pertua

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat minta laluan. Yang Berhormat kalau tidak salah Yang Berhormat ya, kita ada satu Tabung TPPT. Tabung Projek-projek Terbengkalai. Tabung ini adalah satu *fund* yang begitu besar untuk kita baik pulih projek-projek terbengkalai. Malangnya yang saya tengok, tabung-tabung ini digunakan untuk beli projek-projek baru tidak digunakan untuk membaik pulih projek-projek terbengkalai. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum pada itu sebagai panduan. Dalam keadaan yang tidak ada gangguan berapa lama lagi Yang Berhormat perlukan masa untuk menjawab ini?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Kalau tidak diganggu saya ingat 10 minit boleh habis Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebab saya bercadang kalau kita boleh habis dalam 10 minit, saya mengikut Peraturan 11(5) hendak memberi 15 minit lagi. Itu saja kuasa ada pada Yang di-Pertua untuk beri laluan kepada Yang Berhormat daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya ingin menjawab tentang tabung yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Dato' Omar tadi. Tabung ini adalah yang telah pun diwujudkan oleh kerajaan melalui Kementerian Kewangan. Tabung ini adalah untuk memulihkan projek-projek terbengkalai semasa masalah ekonomi yang melanda pada masa ketika dahulu.

Tabung ini sekarang ini tidak lagi ada dalam Kementerian ini untuk memulihkan projek-projek terbengkalai. Seperti yang jawab tadi Yang Berhormat, bahawa projek-projek yang terbengkalai yang kita maksudkan di sini adalah projek-projek selepas tahun 1990; di mana projek-projek ini di ambil kira dan dilihat kalau ada kemampuan untuk dibaiki semula kita serahkan kepada Syarikat Perumahan Negara yang pengurusnya ada di sini Dato' Azian sendiri.

Jikalau mereka mampu mereka akan memulihkan projek-projek tersebut. Saya ingin beri tahu bahawa banyak daripada projek-projek telah diselesaikan daripada tahun 1990 hingga sekarang. Projek-projek yang tergendala daripada 270 projek sehingga sekarang hanya tinggal 23 ribu daripada 88 ribu yang terbengkalai semasa tahun 1990 lagi. Ini menunjukkan bahawa melalui akta ini...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Macam mana Tuan Yang di-Pertua? Boleh?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Perempuan kesiallah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tahu anggaran Kementerian, berapa lamakah lagi penyelesaian ini dapat dibuat, kerana hari ini mereka-mereka yang membeli projek-projek terbengkalai ini tidak pasal-pasal menanggung hutang, terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua saya ingin jelaskan bahawa sebenarnya apabila kita membuat sesuatu projek perumahan, ianya tidak kena mengena dengan kerajaan. Kerajaan hanya meluluskan lesen-lesen untuk mereka membangunkan sesuatu kawasan atau tanah-tanah yang hendak dibangunkan sebagai projek perumahan.

Apabila pembeli-pembeli mahu membeli rumah-rumah tersebut, mereka seharusnya mengkaji dahulu siapakah *developer* dengan izin, pemaju-pemaju tersebut. Ini kerana apabila mereka telah pun percaya dengan pemaju-pemaju barulah sepatutnya mereka membeli rumah-rumah tersebut. Kerajaan hanya memantau dan mengawal projek-projek tersebut melalui akta yang sedia ada. Projek-projek yang terbengkalai selalunya apabila pemaju-pemaju tersebut kurang dari segi kewangan yang ada, kerana masalah-masalah yang timbul seperti hari ini.

Katalah tiga tahun dahulu apabila mereka membuat atau meminta supaya hendak memajukan sesuatu kawasan harga besi ketika itu RM1500 satu tan. Tertiba hari ini sudah naik sudah hampir RM2500 satu tan. Maka mereka mempunyai masalah kewangan untuk menyelesaikan projek-projek tersebut. Ini bukan masalah kerajaan kerana mereka adalah merupakan satu syarikat yang sepatutnya mampu untuk memudahkan dan telah pun mereka buat kajian.

#### ■ 1730

Jadi projek-projek terbengkalai inilah yang selama ini ada kerana masalah kewangan yang awal. Jadi jawapan kepada Senator Hajah Sharifah Azizah ini saya hendak beritahu bahawa dalam waktu yang terdekat ini insya-Allah segala peranan yang telah pun kita buat dalam KPKT ini sebagai fasilitator ataupun *mediator* kepada semua masalah yang timbul kita akan menyelaraskan untuk memulihkan dengan rundingan-rundingan yang telah pun kita buat di antara pembeli rumah, pembiaya, tuan tanah, pemaju dan kita cuba cari satu kaedah yang terbaik bagaimana untuk memulihkan projek perumahan terbengkalai. Insya-Allah dalam masa terdekat kalau boleh kita akan cuba selesaikan semua masalah yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung telah meminta agar kerajaan membuat kajian bagi memastikan golongan setinggan yang benar-benar layak diperuntukkan dengan bantuan perumahan dan tidak menyalahgunakan

kemudahan yang ditawarkan oleh kerajaan dengan menyewakan unit rumah yang diperoleh kepada orang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965 menyatakan bahawa adalah menjadi satu kesalahan kepada mana-mana orang yang menduduki atau membina apa-apa bangunan di atas mana-mana tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan tanpa kebenaran yang sah. Ini jelas menyatakan bahawa setinggan yang menceroboh dan membina rumah tanpa kebenaran di atas tanah kerajaan merupakan satu kesalahan.

Walau bagaimanapun, oleh kerana kerajaan melalui misi nasional ingin mencapai matlamat setinggan sifar KPKT merancang beberapa program PPR untuk menyediakan rumah bagi mereka yang kurang mampu termasuklah golongan setinggan yang layak untuk diberi pertimbangan. Sebelum sesuatu program pemindahan atau penempatan setinggan dilaksanakan bancian dibuat untuk mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai mereka yang terlibat termasuklah dari segi kewarganegaraan, paras pendapatan dan lain-lain maklumat yang berkenaan.

Sehingga Mac 2008 sebanyak 86,885 keluarga setinggan di seluruh negara masih belum dipindahkan. Pihak KPKT dengan kerjasama pihak kerajaan negeri sentiasa berusaha bagi menyediakan kemudahan perumahan yang lebih selesa di bawah program penempatan setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang mencadangkan agar kerajaan menetapkan pemaju-pemaju perumahan supaya menyediakan tapak untuk membina sekolah jenis kebangsaan mengikut majoriti kaum di sesuatu kawasan. KPKT ingin memaklumkan bahawa kementerian melalui jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri dan juga pihak berkuasa tempatan memang mengenakan syarat kepada pihak pemaju untuk menyediakan tapak sekolah dalam pelan susun atur yang dikemukakan untuk mendapat kelulusan kebenaran merancang.

Buat masa ini peruntukan tapak sekolah adalah berdasarkan piawaian perancangan iaitu jika sesuatu kawasan yang akan dimajukan mempunyai 1,500 unit rumah maka sebuah tapak sekolah rendah dengan keluasan minima enam ekar mestilah diperuntukkan. Bagi pembangunan yang mempunyai 3,000 unit rumah maka sebuah tapak sekolah menengah dengan keluasan minimum sembilan ekar mestilah juga diperuntukkan.

Melalui piawaian perancangan yang diamalkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri dan pihak berkuasa tempatan, tapak bagi keperluan sekolah dapat disediakan sebelum sesuatu kelulusan kebenaran merancang. Pejabat Pendidikan Negeri sedia maklum akan peruntukan tapak sekolah berkenaan kerana jabatan ini juga adalah jabatan yang dirujuk sebagai jabatan teknikal yang memberi ulasan dalam

penyediaan tapak sekolah dalam cadangan permohonan baru. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat program untuk menentukan jenis sekolah adalah di bawah program Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie supaya ditetapkan kuota kos rendah dan rumah pangsa untuk ibu tunggal, KPKT ingin memaklumkan bahawa tanggungjawab untuk mengagihkan rumah kos rendah adalah terletak di bawah kuasa kerajaan negeri. Di bawah sistem pendaftaran terbuka bagi rumah kos rendah yang diguna pakai oleh semua kerajaan negeri di seluruh negara, golongan-golongan yang layak akan diberi perhatian khusus dan keutamaan bagi memiliki rumah kos rendah termasuklah golongan ibu tunggal yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, membasmi kemiskinan adalah satu misi nasional yang dirancang oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil alih fungsi pembasmi kemiskinan bandar mulai tahun 2004 berikutan penyusunan semula kementerian-kementerian dalam negara.

Program pembasmian kemiskinan bandar pula mula dilaksanakan pada tahun 2006 dan matlamatnya adalah untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan kadar kemiskinan bandar daripada 5.7% kepada 2.8% menjelang tahun 2010. KPKT mengenal pasti kumpulan sasar kemiskinan bandar berpandukan kepada pendapatan garis kemiskinan yang dikaji semula dari semasa ke semasa oleh Unit Perancang Ekonomi. Yang Berhormat...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Yang Berhormat, minta laluan sekejap Yang Berhormat. Terima kasih. Saya hendak berbalik kepada rumah kos rendah tadi kepada ibu tunggal Yang Berhormat. Yang Berhormat dalam jawapan mengatakan diserahkan kepada kerajaan negeri tetapi saya rasa di dalam negeri-negeri pun kalau dalam bandar rumah kos rendah dah tak ada, rumah kos sederhana rendah. Adakah kementerian ini hendak letakkan ibu-ibu tunggal ini di luar bandar sahaja oleh kerana mereka pun duduk dalam bandar untuk mencari nafkah.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah. Saya hendak beritahu bahawa sebenarnya Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah program di bawah KPKT. Jadi bermakna semua program tersebut adalah di bandar. Yang saya jawab tadi adalah rumah-rumah ini tidak diberikan hanya khusus kepada ibu tunggal. Sesiapa sahaja yang layak, termasuk dalam golongan yang layak untuk mendapat bantuan duduk di rumah-rumah murah ini kita akan berikan kerana atas kelayakan mereka tak kira sama ada dia ibu tunggal ataupun tidak ataupun macam Yang Berhormat Dato' Hajah Sharifah Azizah ini walaupun ibu tunggal tapi tak layak...

*[Ketawa]*

Ini sebagai contoh sahajalah. Itu maksud saya. Jadi bukan bermakna rumah ini kita tak hendak buat. Kita buat tetapi bukanlah khusus untuk ibu tunggal semata-mata. Ia adalah golongan yang kriterianya mengikut kelayakan yang telah ditetapkan oleh kerajaan-kerajaan negeri.

Yang Berhormat Datuk Sim Kheng Hui mencadangkan supaya golongan miskin di bandar diberi kemudahan pinjaman perumahan atau mendapat bantuan rumah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan amat prihatin terhadap keperluan menyediakan kemudahan perumahan kepada setiap lapisan masyarakat terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah. Langkah terbaru yang diambil oleh kerajaan adalah usaha memberi kemudahan pinjaman perumahan pada golongan miskin dan berpendapatan rendah ialah melalui skim jaminan kredit perumahan yang terletak di bawah Kementerian Kewangan.

Di bawah skim tersebut golongan miskin atau berpendapatan rendah yang tidak layak mendapat kemudahan pinjaman bagi membeli rumah dari bank-bank komersial kerana gagal mengemukakan bukti pendapatan masing-masing layak mendapat pinjaman hanya dengan berdasarkan perakuan oleh pegawai kerajaan atau jawatankuasa kampung atau sesiapa yang berkaitan seperti Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan masing-masing.

Di bawah skim tersebut pemohon layak mendapat pinjaman pada kadar RM25,000 hingga RM60,000 dan pembiayaan di bawah skim ini diuruskan oleh Bank Simpanan Nasional dan Bank Islam Malaysia. Kerajaan...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu spesifik berapa sebenarnya kadar kemiskinan bandar yang ditetapkan kerana hari ini kita tahu walau wanita itu ibu tunggal, walaupun dia kerja bank gaji RM2,000 tetapi dengan kematian suami itu meninggalkan sebuah rumah yang harus diteruskan pembayaran kerana rumah itu nama isteri kemudian dengan kenderaan yang digunakan hari ini, ditanggung pula lagi dengan empat lima orang anak maka gaji RM2,000 itu tak mencukupi kerana baki sebenarnya RM100 sahaja tinggal, *balance* untuk menampung sara hidup. Jadi saya hendak tahu berapakah...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Garis panduan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** ...Garis panduan sebenarnya yang dikatakan miskin bandar ini. Selain yang diberitahu oleh Timbalan Menteri tadi bahawa peruntukan untuk pinjam rumah dan bayar tak adakah lain-lain sumber bantuan yang boleh diberi kepada ibu tunggal yang nampak macam kaya tapi sebenarnya hidup dia merana. Terima kasih.

## ■1740

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini sebab Yang Berhormat jolok tadilah, kalau Yang Berhormat tak jolok tak macam tu.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, definisi merana ini macam-macam. Ada yang merana kerana tidak ada rumah, ada yang merana ada rumah tetapi sebab merana yang lain-lain Tuan Yang di-Pertua.

Jadi cuma jawapan saya yang saya hendak beritahu bahawa kadar pendapatan garis kemiskinan mengikut kawasan, saya hendak beritahu miskin yang kita katakan ialah kalau di Semenanjung Malaysia pendapatan isi rumah sebanyak RM660 sebulan atau per kapita RM160 sebulan. Kalau di Sabah RM880 sebulan atau per kapitanya RM170 sebulan. Kalau di Sarawak RM780 sebulan atau per kapita RM170.

Manakala miskin tegar Semenanjung Malaysia isi rumah RM390 dan per kapita RM90. Kalau di Sabah RM490, per kapita RM100 manakala di Sarawak RM480 dan per kapita RM110. Jadi mana-mana golongan tak kira ibu tunggal ataupun tak tunggal, dia boleh asalkan dalam golongan garis kemiskinan tersebut, mereka layak untuk diberi bantuan. Saya hendak beritahu bahawa bantuan yang kita berikan adalah merupakan bantuan yang sebenarnya. Adalah satu bantuan mengikut projek-projek di bawah pembasmian kemiskinan bandar seperti perumahan keluarga miskin yang kita bantu, pengurangan beban tanggungan keluarga, kita juga bantu.

Bantuan ihsan penduduk miskin di bandar, mengenal pasti peluang pekerjaan, pendidikan dan latihan, pangkalan data, pusat sejahtera. Ini semua kita beri melalui perumahan keluarga miskin sebagai contoh, kita berikan bantuan sewa rumah sebanyak RM124 ataupun kadar sebenar mengikut yang terendah. Maknanya kalau RM124, dia sewa RM100, kita bayar RM100. Bantuan sewa bilik sebanyak RM124 ataupun kadar sebenar yang terendah. Kita juga beri bantuan kos pengangkutan ke sekolah atau ke tempat kerja.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Mohon laluan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat beri laluan lagi, mungkin Yang Berhormat terpaksa sambung pagi esok.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Itulah, saya kalau boleh hendak habiskan hari ini juga Tuan Yang di-Pertua. Panjang ke pendek?

**Tuan Khoo Soo Seang:** Pendek.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Okey.

**Tuan Khoo Soo Seang:** Saya dapati bahawa orang-orang miskin yang sewa rumah kadang-kadang menghadapi masalah yang tuan punya rumah enggan beri resit

oleh sebab takut kena *income tax*. Jadi oleh itu mereka tidak boleh menuntut bantuan sewa rumah. Bagaimana kita hendak bantu? Terima kasih.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Ini satu masalah yang jarang dibangkitkan kerana RM124 adalah merupakan satu kadar yang begitu rendah sekali. Selalunya kita bayar terus kepada tuan punya rumah dan kita tidak berikan kepada orang yang menyewa ataupun mereka yang layak menyewa. Masalah ini tak banyak tertimbul setakat ini. Kalau ada kita akan bincang bagaimana untuk menentukan supaya perkara ini boleh diselesaikan kerana yang penting pada kita ialah mereka yang layak akan tetap dibantu oleh kerajaan. Itu yang kita buat selama ini Yang Berhormat.

Saya nak sambung lagi. Kita juga berikan pengurangan beban tanggungan keluarga. Setiap tahun diberi kepada setiap anak pakaian seragam, kasut, beg dan alat-alat tulis. Nilai bantuannya kalau sekolah rendah RM200 dan sekolah menengah RM250. Kita juga berikan *one-off* kalau anak-anak tersebut pergi ke IPT, kita beri RM1,000 tunai untuk tiap-tiap seorang. Bantuan kos jagaan kanak-kanak juga kita berikan sebagai galakan kepada ibu untuk bekerja buat kali pertama ataupun bekerja semula. Bayaran bulanan kepada taska dan tadika juga kita berikan sebanyak RM200 ataupun kadar sebenar yang terendah. Banyak bantuan yang telah pun kita berikan melalui program membasmi kemiskinan yang telah pun dibuat melalui kementerian ini Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan, Yang Berhormat Dato' Haji Ikhwan Salim bin Dato' Sujak telah mengesyorkan supaya kerajaan menangani isu kemiskinan bandar dengan segera. Dan segala apa yang kita buat adalah menunjukkan bahawa kajian pendapatan isi rumah bagi tahun 2007 yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Negara telah menunjukkan penurunan kadar kemiskinan seluruh negara iaitu daripada 5.7% pada 2004 kepada 3.6% pada 2007. Ini menunjukkan bahawa penurunan ini adalah hasil daripada tindakan kerajaan melaksanakan beberapa program dan projek untuk membasmi kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof Husin, pada ketika ini telah wujud beberapa platform untuk membolehkan pengurusan sisa pepejal dibincangkan di antara kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan seperti Jawatankuasa Kabinet mengenai sisa pepejal dan alam sekitar yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Majlis Negara Kerajaan Tempatan. Di samping itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga mengendalikan perbincangan dengan kerajaan-kerajaan negeri dari masa ke semasa bagi menangani isu-isu berbangkit mengenai pengurusan sisa pepejal pembersihan awam.

Peranan PBT dan JKKK dalam usaha mengatasi krisis makanan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong yang mencadangkan agar

PBT dan JKKK bekerjasama untuk menyewa tanah-tanah terbiar bagi tujuan pertanian dalam usaha mengatasi masalah krisis makanan. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, JKKK adalah struktur jawatankuasa di bawah pentadbiran Pejabat Daerah. Pada kebiasaannya kawasan tanah terbiar yang sesuai untuk aktiviti pertanian berada di luar kawasan PBT.

Maka ia tertakluk kepada pembangunan luar bandar. Tanah-tanah kosong yang terbiar di kawasan PBT yang pesat perbandaran adalah untuk membangunkan perumahan, industri dan komersial. Walau bagaimanapun, KPKT dalam usaha untuk membasmi kemiskinan di bandar, kementerian ingin mencadangkan supaya kaedah penanaman secara fertigasi dilaksanakan khususnya di kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Ikhwan Salim juga minta supaya KPKT memberi pertimbangan untuk menyediakan padang bola yang mencukupi bagi tujuan riadah. Kementerian ingin memaklumkan bahawa dalam menyediakan kawasan riadah mencukupi, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri dan pihak berkuasa tempatan mensyaratkan peruntukan 10% kawasan lapang disediakan dalam setiap pelan susun atur sebelum kelulusan kebenaran merancang diberi. Saiz kawasan lapang ini mestilah kawasan lapang yang berfungsi iaitu bersaiz minimum sebuah padang bola.

Tuan Yang di-Pertua, isu sindiket peminta sedekah yang dibangkitkan oleh Dato' Ikhwan Salim. Dia menggesa agar sindiket peminta sedekah segera ditangani terutama sekali di bandar-bandar besar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PBT boleh menguatkuasakan Akta 171 sekiranya kehadiran peminta sedekah diklasifikasikan sebagai kacau ganggu. Walau bagaimanapun bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan tindakan bersepadu daripada jabatan-jabatan kerajaan lain seperti Jabatan Kebajikan, Jabatan Imigresen dan PDRM sentiasa dirancang bagi memastikan masalah sindiket peminta sedekah dapat ditangani.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook, KPKT telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan sistem penyampaian PBT. Penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan dilakukan dari semasa ke semasa. Buat masa ini KPKT sedang memperluaskan e-PBT ke semua PBT yang masih belum menggunakan ICT sepenuhnya. Program ini dijangka siap menjelang akhir tahun 2008. Selain dari itu, OAC dipergiatkan dengan memberi latihan kepada pegawai dan kakitangan yang mengendalikannya. Prestasi PBT sedang dinilai melalui sistem penggredan *star rating* yang mempunyai 352 petunjuk prestasi. Dalam masa itu usaha-usaha ini akan terus disokong dengan pelbagai dasar dan garis panduan yang digubal dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi mengambil bahagian

untuk membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian amat menghargai keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat ke atas penyampaian perkhidmatan KPKT ke arah pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat. Segala cadangan dan pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian sebagai input untuk menambahbaikkan berterusan dasar dan program yang dilaksanakan oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa terkilan sedikit Tuan Yang di-Pertua bila Yang Berhormat Menteri Tuan Yang di-Pertua mengalu-alukan, kasihanlah kami timbalan-timbalan menteri ini. Sekian, terima kasih... [*Tepuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dewan Negara juga menghargailah semua Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hadir untuk menjawab.... [*Tepuk*]

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah cukup, saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.***